ABUYA SYEIKH IMAM ASHAARI MUHAMMAD

منينجاو سيستم ڤمرينتهن إسلام

MENINJAU SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM

Disusun oleh Ustazah Khadijah Aam

Penjelasan sifat-sifat pemerintahan Islam sebenar yang pernah muncul dalam sejarah dan akan muncul semula tidak lama lagi



ABUYA SYEIKH IMAM
ASHAARI MUHAMMAD

MENINJAU SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM

ASOIB INTERNATIONAL LIMITED
KUALA LUMPUR • LONDON
1993

MENINJAU SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM
Cetakan Pertama Mei 1993

ISBN 983-8 10-003-X

Diterbitkan oleh Penerbitan Hikmah
161-A, Jalan Aminuddin Baki, Taman Tun Dr Ismail,
60000 Kuala Lumpur.

Dengan izin dari Asoib International Limited
Suite 1, 281 City Road, London ECIV ILA.

Layout dan Rekabentuk Kulit:
Unit Rekabentuk,
Bahagian Pengeluaran Minda Syeikhul Arqam,
Kuala Lumpur.

Muka taip teks: Goudy; 11 poin

Kandungan

Dari Penerbit

SETELAH 25 tahun Syeikhul Arqam memimpin jemaah perjuangan dan setelah 55 buku dapat beliau hasilkan untuk panduan berfikir dan bertindak masyarakat, kini beliau menyentuh satu persoalan yang dikira sesuai dengan masa dan ketikanya.

Masyarakat dari peringkat bawahan hingga atasan sudah dapat merasai angin kesedaran dan penghayatan Islam hingga berlakulah perubahan pada diri, keluarga dan masyarakat ke arah Islam. Kini hati masing-masing didesak-desak inginkan sesuatu yang lebih besar berlaku pada suasana negara dari dunia.

Buku ini menghurai secara khusus mengenai persoalan keadilan dalam pemerintahan, sebagai lanjutan buku **KEADILAN MENURUT ISLAM** yang telah beredar ke tengah masyarakat sebelum ini. Bukanlah ini pertama kali Syeikhul Arqam memperkatakan soal pemerintahan dan kenegaraan. Dua belas tahun lalu beliau telah menulis buku bertajuk **HURAIAN KE ARAH MEMBANGUN NEGARA DAN MASYARAKAT ISLAM.** Namun dengan buku **MENINJAU SISTEM PEMERZNTAHAN ISLAM** ini, beliau memberi gambaran, huraian dan tafsiran secara lebih detail serta sesuai timingnya.

Beliau bukan sekadar memaparkan bahan untuk renungan atau sekadar teori dan andaian, tetapi perkara yang nyata praktikal. Beliau menghujahkannya secara rasional dan ilmiah, berdasarkan hujah akal dan hujah pengalaman di samping membawa nas-nas yang jelas dari Al Quran dan Hadis.

Syeikhul Arqam memberi tafsiran yang amat berlainan mengenai sistem pemerintahan Islam yang sekian lama dilaung-laungkan oleh harakah-harakah dan badan-badan Islam berbau politik di seluruh dunia. Soal mengapa baru sekarang beliau membicarakan persoalan ini dengan begitu serius, pembaca akan temui jawapannya dengan menghayati buku ini dari awal hingga akhir.

Masanya sudah hampir bagi tertegaknya sebuah pemerintahan Islam bertaraf negara dan seterusnya ummah. Syeikhul Arqam yakin **Zaman Ummah Kedua** akan muncul di kurun ini, tidak lama lagi. Dan sebelumnya, akan muncul sebuah Negara Islam sebagai tapak kepada ummah tersebut.

Namun bagi Syeikhul Arqam, Negara Islam tidak akan tertegak melalui proses biasa, lebih-lebih lagi bukan melalui politik pilihanraya. Ada laluan khusus yang disediakan oleh ALLAH dan ia mungkin berlaku di luar dugaan manusia. Kerana bila sesuatu itu sudah ALLAH jadualkan berlaku, ia akan tetap berlaku walaupun tidak dapat dilojikkan kemungkinannya.

Prakata

الحمد لله رب العالمين الذي هدانا الى الصراط المستقيم بأن لا نكون من الضالين.
والصلاة والسلام على الرسول الكريم الذي أبان لنا السبيل القويم
وعلى آله وأصحابه ومن تبعهم الى يوم الدين أما بعد.

YA ALLAH kekasih agungku, Dikau-lah yang menjadualkan padaku untuk waktu ini memulakan tulisan tentang pemerintahan Islam yang adil. Aku hamba-Mu yang maha dhaif ini, tidak mampu rasanya untuk melakukan kerja berat ini, kalau bukan dengan kekuatan, pimpinan, keizinan dan ilmu yang Dikau rezekikan.

Lojiknya, buku ini tidak kutulis saat-saat ini. Kerana baru semalam saja aku menyelesaikan tulisan tentang KEADILAN MENURUT ISLAM. Belum hilang letihnya memikirkan persoalan keadilan yang serba baru bagiku itu, ditambah penat kerana dilambung kenderaan dalam perjalanan meneroka ke Tanah Jawa, Bali dan Pulau Lombok di Indonesia. Maria mungkin seorang yang di umur aku dapat terus menyambung dengan satu buku baru yang begitu berat rasanya. Sementelahan pula, hamba-Mu ini bukan bercita-cita untuk menjadi pemerintah, tetapi hanya sekadar ingin melihat Islam itu berdaulat. Kerana mustahil rasanya manusia seperti aku ini

layak untuk membuat kerja-kerja itu. Maka untuk menjangkau bidang dan beban yang amat berat ini tentu tidak mung kin bagiku.

Namun demikian tidak ada yang mustahil bagi-Mu wahai Tuhan. Dengan satu tenaga yang Dikau anugerahkan, bersama keyakinan yang Dikau sematkan dan ilmu yang Dikau bukakan, aku jadi begitu segar bugar untuk menulis dan tents menulis Secara lahirnya Engkau berikan pula padaku pem* bantu untuk bersamaku dalam alam penulisan ini yakni isteriku sendiri, Ummu Khadijah. Segala-galanya Dikau jadualkan untukku Tuhan, sehingga kerja-kerja susah dan berat ini jadi mudah dan ringan. Mengapa hamba-Mu ini yang Dikau amanahkan kerja ini, yang aku sendiri dhaif untuk mentafsirkannya, wahai Yang Maha Mengetahui. Cuma harapanku ialah agar dengan kurniaan yang besar ini aku makin kenal dan cinta pada-Mu dan merasa begitu besar dengan mukjizat Rasulullah serta karamah Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi. Di samping dapat mempersembahkan rasa syukur untuk-Mu dalam setiap detik hidup dan matiku.

Tuhanku, buku ini akan membuatkan ramai orang yang akan senang padaku. Namun ramai **juga** yang akan marah dan benci. Senang dengan buku ini, kerana sistem pemerintahan Islam yang praktikal yang sepatutnya dilaksanakan oleh para pemerintah yang beragama Islam, sudah jelas bentuknya. Mereka merasa satu pembelaan pada mereka sudah hampir. Sebaliknya dengan pendedahan ini akan adalah orang yang merasa tercabar dan kepentingan mereka tergugat, terutama mereka yang kononnya berautoriti tentang Islam. Lalu mereka akan menentang sinar kebenaran yang kian memancar itu dan mungkin aku akan terus diancam.

Namun, walau apa pun reaksi dan risikonya, aku menyerah segala-galanya pada-Mu. Kerana Dikau-lah yang sebenarnya mahukan agama-Mu hidup kembali di muka bumi ini. Siapa yang menerimanya itu adalah hamba-hamba-Mu. Dan siapa yang menentangnya, mereka adalah musuh-musuh-Mu. Tentu Engkau cukup bijak untuk membagaimanakan mereka

itu semuanya. Dan aku amat yakin dengan keadilan dalam pemerintahan di dunia hari ini. Keadilan seperti yang Dikau maksudkan yang membuatkan setiap rakyat merasakan ada perhatian dari pemerintah. Ada pembelaan, ada didikan, pimpinan, kawalan, kasih sayang, keamanan serta kemakmuran. Yang kerana itu pemerintah umpama ayah yang bertung kus-lumus dengan segala pengorbanan dan kesusahan demi kebaikan anak-anaknya. Pemimpin yang menjadikan dirinya payung untuk memayungi seluruh rakyatnya.

Memang para pemerintah di dunia hari ini, semuanya bercakap tentang keadilan. Sama ada komunis, sosialis, liberal, kapitalis, nasionalis, feudalis dan lain-lain lagi. Tapi keadilan' yang di dalamnya penuh dengan peluang-peluang untuk mereka jadi kaya-raya seperti Firaun, Qarun, Namrud dan lain-lain lagi. 'Keadilan' yang membuatkan pemerintah terus hidup terpisah dari rakyat akibat kekayaan dan kemiskinan, status orang besar dan orang kecil, orang mulia dan orang hina. Itulah akibat dari keadilan yang mereka perjuangkan. Yang disloganlkan ke seluruh negara melalui rapat-rapat umum, di dewan ceramah, di tv, suratkhabar dan lain-lain lagi. Kerana itu di dunia hari ini 'keadilan' itu begitu banyak bentuknya. Ertinya, sebanyak ideologi dan pegangan yang menjadi pegangan dan polisi pemerintahan seluruh dunia. Mengikut selera nafsu masing-masing.

Rakyat menyaksikan drama pemerintahan mereka dengan penuh rasa tidak puas hati. Kerana rakyat merasa berada di pihak yang jadi mangsa kepada ketidakadilan itu. Tapi rakyat pun sama, tidak tahu bagaimana caranya penyelewengan itu hendak diatasi. Mereka tidak tahu bentuk dan erti keadilan yang sebenar yang mereka inginkan. Kerana definasi keadilan itu sudah disalahertikan, berbeza-beza dari satu suasana dengan suasana yang lain. Sehingga tidak ditemui bentuknya yang sebenar yang menepati kebenaran hakiki, yang diingini oleh setiap hati makhluk yang bernama manusia ini. Rakyat cuma cakap-cakap di belakang. Di kedai kopi, di kampus-kampus universiti, di forum, suratkhabar, majalah

dan lain-lain lagi. Dengan sekali-sekala melakukan demonstrasi. Yang semua itu tidak mungkin dapat mengubah erti keadilan yang telah dibuat oleh pemerintah. Bagaikan anjing menyalak bukit, masakan berfungsi.

Tuhanku, di waktu para pemerintah di dunia mentafsirkan keadilan menurut kata nafsu mereka, dan rakyat menuntut keadilan mengikut keperluan dan kepentingan mereka, aku merindui keadilan yang mutlak. Yang hanya satu yang disukat dengan neraca kebenaran bersifat sejagat. Keadilan yang dapat dipraktikkan dalam kehidupan, yang membuatkan setiap hati puas kerana merasakan kebenaran dan kebaikannya. Keadilan oleh pemerintah terhadap rakyatnya yang dapat melahirkan sebuah negara yang sifatnya ialah aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH. Ia pernah wujud dulu di zaman pemerintahan Kenabian dan Khulafa'ur Rasyidin. Hasil perjuangan seorang manusia bernama Muhammad bin Abdullah SAW. Mungkinkah ianya berulang untuk kami, kerana kami juga hamba-Mu yang rindukan kedamaian dan keadilan sejagat itu?

Moga-moga dengan usaha-usaha awal yang telah Dikau izinkan hamba-hamba-Mu ini lakukan, segala impian dan harapan akan menjadi kenyataan satu masa nanti dengan kuasa-Mu ya ALLAH. Dan buku ini kuharapkan mendapat restu dan redha-Mu serta pimpinan dan pertolongan-Mu, agar ianya benar-benar menurut pengertian yang dirujukkan kepada wahyu dan sabda Nabi-Mu. Seterusnya ia menjadi petunjuk kepada kami tentang kebenaran dan keadilan hakiki, yang upayanya mampu menjadikan setiap hamba-Mu merasai keamanan, kemakmuran dan keampunan-Mu di dunia ini sebelum memasuki Syurga-Mu di Akhirat. Dengan itu moga-moga musnahlah penzaliman, kekejaman, penipuan dan penindasan di kalangan manusia sejagat oleh penguasa-penguasa yang tidak menurut kata-Mu.

Tuhanku, terimalah sumbangan kecil dariku ini. Jadikan ia sebagai ibadah yang hendak kukirimkan pahalanya kepada orang-orang yang telah sangat berjasa padaku, sebagai

membalas jasa-jasa mereka. Yakni Rasulullah SAW, kekasih-Mu itu yang terlalu menyayangi umatnya lebih dari diri dan keluarganya. Juga pada guru-guruku penyambung lidah Nabi-Mu itu terutamanya dia yang bernama Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi rahimahullahutaala. Tidak lupa juga kepada kedua mereka yang menyebabkan aku lahir ke dunia, almarhum ayahanda dan bonda tercinta, serta almarhum pakcikku Lebai Ibrahim suami isteri. Moga-moga mereka semuanya sedang dan akan berbahagia selama-lamanya. Amin ya ALLAH.

Puja puji dan syukurku tidak terhingga untuk-Mu kerana tertulisnya buku ini awal dan akhimya, ya ALLAH ya Rabbul Alamin.

Hamba yang hina dina,

Ashaari Muhammad

Muqaddimah

بسم الله الرحمن الرحيم

SISTEM pemerintahan (politik) Islam sangat jauh bezanya dengan sistem politik ideologi-ideologi dan isme-isme akal manusia itu. Islam mempunyai tafsiran dan bentuk yang khusus dan istimewa tentang pemerintahan. Ia jauh lebih bijak dan adil daripada ajaran-ajaran selainnya. Hal ini mungkin tidak jelas kalau kita memandang kepada pemerintah-pemerintah umat Islam yang ada di dunia kini. Sebab pada saya negara-negara umat Islam hari ini tidak menjalankan Islam yang syumul. Mereka tidak menepati jejak-jejak sejarah kegemilangan Islam di zaman Rasul dan Khulafa'ur Rasyidin serta salafussoleh.

Saya akan merujuk penulisan ini kepada sejarah Islam di zaman gemilangnya. Bukan kepada Kerajaan Saudi atau Iran atau Pakistan atau negara-negara umat Islam yang lain, yang hari ini katanya negaranya Islam atau berperlembagaan Islam.

Sistem pemerintahan Islam adalah sistem pentadbiran yang mengambil Al Quran dan Sunnah sebagai rujukan dalam semua aspek hidup seperti dasar undang-undangnya, perundangan mahkamah, pendidikan, dakwah dan perhubungan, kebajikan, ekonomi, sosial, kebudayaan dan penulisan, kesihatan, pertanian, sains dan teknologi, penerangan dan pentemakan. Perlembagaan negaranya adalah Al Quran dan

Sunnah. Para pemimpin dan pegawai-pegawai tadbirnya adalah orang-orang baik, bertanggungjawab, jujur, amanah, adil, faham Islam, berakhlak mulia dan bertaqwa. Dasar pelajaran dan pendidikannya ialah dasar pendidikan Rasulullah. Yang dapat melahirkan orang dunia dan orang Akhirat, berwatak abid dan singa, bertugas sebagai hamba dan khalifah ALLAH. Dasar ini terdapat dalam buku saya, PENDIDIKAN RASULULLAH.

Sistem ekonominya bersih dan adil. Suci dari riba, rnonopoli, penindasan, tipuan dan lain-lain perkara .haram, Pengagihannya adil, mengikut keperluan untuk kemudahan kewajipan, kedudukan dan bidang seseorang. Sistem sosial:nya bersih daripada kemungkaran dan maksiat terang-terangan. Setiap orang dihormati hak asasinya serta diberi peluang untuk melaksanakan hak-hak asasi masing-masing sesuai dengan bakat dan kebolehannya. Sistem ketenteraan berjalan atas disiplin Islam. Kebudayaan dan adat-istiadat dibenarkan berbagai-bagai asalkan semuanya tidak bercanggah dengan Islam.

Perlantikan ketua negara ada caranya tersendiri, cara yang adil dan tepat. Berbeza dengan cara demokrasi dan revolusi serta cara diktator. Sistem syura juga tersendiri, unik dan harmoni. Segalanya jauh beza dengan apa yang terjadi dalam syura sekular.

Demikianlah seterusnya dalam mentadbir hal-ha1 perubatan, rumahtangga, alat-alat perhubungan, media cetak dan elektronik, jalan raya, pertanian dan segala-galanya adalah mengikut cara hidup Islam. Politik atau pemerintahan **atau** pentadbiran Islam sebenarnya bukan saja kerana orang-orangnya adalah Islam. Tetapi yang lebih utama dari itu ialah pengisiannya dengan program-program yang bersifat Islam. Tanpa ciri-ciri ini, tidak muncullah syariat ALLAH di atas. muka bumi-Nya walaupun nama dan slogan pemerintahan Islam dilaung-laungkan.

Kita lihat di Pakistan, “Islamic Country”, katanya mengambil Al Quran dan Hadis sebagai dasar perlembagaan dan

perundangan serta pemerintahan negaranya. Bukankah negaranya itu merupakan negara yang rendah martabat kedudukannya di mata dunia? Mengapa?

Ini adalah kerana Islam cuma pada nama dan slogan, tetapi tidak dalam praktisnya; Ekonominya kapitalis, pendidikan sekular, politik demokrasi, sosialnya ala Barat dan lain-lain, semuanya itu dilabel dengan nama Islam. Orang miskin menonjol kemiskinannya, yang kaya terlalu kaya. Akibat mencampurkan minyak dan air dan macam-macam campuran lagi. Terjadi satu campuran yang tidak terpakai. Jadilah Pakistan negara yang sangat memalukan untuk dikatakan sebuah Negara Islam.

Demikianlah dengan negara Islam yang lain, yang tidak mengisi pemerintahannya dengan pentadbiran Islam, samalah halnya. Hingga negara-negara itu bukan saja tidak cantik dan indah tetapi menyedih dan memalukan untuk diakui sebagai Negara Al Quran dan Sunnah, Negara ALLAH dan Rasul. Bukannya mudah untuk membangunkan Negara Islam seperti yang ALLAH mahu. Tidak semudah yang difikirkan oleh pejuangpejuang Islam hari ini.

Saya memandang tapak Negara Islam ialah sebuah thoifah yang ciri-cirinya bagaikan bayangan kepada Negara Islam. Thoifah yang menzahirkan kebenaran dengan semua sistem Islam itu dilaksanakan secara syumul. Untuk bangunkan thoifah, tapak Negara Islam ini, ada satu kaedah khusus yang unik dan tersendiri, jauh beza dari kaedah-kaedah yang dipakai oleh manusia-manusia di abad ini.

Bab 1

Pemerintah (Ulil Amri)

DALAM Islam erti **ulil amri** atau pemerintah itu banyak tafsirannya. Di antaranya:

a. Ulil amri diertikan dengan para ulama yang amilin, ulama yang kewibawaannya dihormati orang ramai.
b. Ulil amri yang diertikan pada ahlul *halli wal 'aqdi.*
c. Ulil amri yang diertikan orang-orang yang berkuasa di dalam sesebuah negeri atau sebuah negara.
d. Ulil amri yang dimaksudkan pada pemimpin-pemimpin jemaah Islam, dan lain-lain lagi.

Di dalam buku ini, perbahasan ulil amri yang saya maksudkan ialah ulil amri pada pemerintah yang berkuasa di dalam sesebuah negeri atau negara.

Pemerintah atau orang yang berkuasa dan mentadbir dalam sesebuah negara disebut ulil amri. Erti ulil amri ialah "yang mempunyai perintah". Tetapi kita selalu menyebutnya pemerintah. Pemerintah diistilahkan sebagai yang mempunyai perintah (ulul amri) kerana mereka mempunyai kuasa untuk perintah (suruh) rakyatnya sama ada berbuat atau meninggalkan sesuatu perkara. Mereka juga ada sultoh (kekuasaan dan kekuatan) sama ada berbentuk maknawiyah atau lahiriah. Kekuasaan dan kekuatan maknawiyah itu seperti undang-undang, peraturan dan akta. Manakala sultoh lahiriah ialah polis, tentera, hakim-hakim, pegawai tadbir dan sebagainya. Dengan kekuasaan dan kekuatan tersebut, ulil

amri akan boleh dan mampu memaksa rakyat agar patuh dan boleh pula menghukum rakyat yang ingkar terhadap perintah mereka.

Pemerintah juga dalam Islam disebut khalifah. Yakni khalifah ALLAH. Ertinya, pengganti ALLAH atau wakil ALLAH di bumi. Mereka bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja yang ALLAH perintahkan kepada mereka terhadap rakyat. Yakni berkhidmat kepada rakyat, memimpin, mendidik, mengajar, mentadbir, mengurus, menyelesaikan masalah rakyat, membangun kemajuan negara dan masyarakat. ALLAH mahu hamba-hamba-Nya semua diurus tadbir dengan baik agar semuanya di dunia ini mendapat layanan dan hak-hak yang sepatutnya mereka dapat dari ALLAH SWT. Untuk itu, pemerintah diserahi segala harta benda dan khazanah perbendaharaan negara ke dalam tangan mereka. Supaya diagih-agih dengan adil dan disediakan serba-serbi keperluan rakyat dan negara. Supaya negara berada dalam keadaan aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH.

Oleh kerana pemerintah itu adalah pengganti ALLAH dalam menjalankan keadilan di kalangan manusia, maka ALLAH SWT telah memerintahkan hamba-hamba-Nya agar taat pada pemerintah sesudah ketaatan pada ALLAH dan Rasul. Inilah firman-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ وَأُو۟لِى ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ

Wahai *mereka yang berimun,* taatilah ALLAH, taatilah Rasul dan yang mempunyai kuasa di kalangan kumu kaum *muslimin).*

(An Nisa': 59)

Ketaatan kepada ulil amri yang adil, yang benar-benar mewakili atau mengganti ALLAH mentadbir bumi, adalah penting supaya hukum-hukum ALLAH yang hendak dijalankan dalam negara dapat berjalan dengan baik. Dan kehidupan hamba-hamba-Nya dapat diurus dengan baik. Terhadap

mana-mana rakyat yang degil dan melawan perintah, dibenarkan pemerintah menghukum mereka demi mengawal kebaikan dalam masyarakat. Dengan syarat kesalahan itu betul-betul kesalahan yang diiktiraf oleh syariat. Pemerintah tidak boleh buat hukum dan undang-undang sendiri dengan membelakangkan undang-undang dan hukum ALLAH. Jika didapati pemerintah membelakangkan hukum ALLAH, maka ia akan jatuh kepada hukum sama ada fasiq, zalim atau kafir. Firman-Nya:

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَـٰسِقُونَ

Barangsiapa yang tidak berhukum dengan hukum ALLAH, maka mereka adalah orang fasiq.

(Al Maidah: 47)

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ

Barangsiapa yang tidak berhukum dengan hukum ALLAH, maka mereka adalah orang zalim.

(Al Maidah: 45)

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَـٰفِرُونَ

Barangsiapa yang tidak berhukum dengan hukum ALLAH, maka mereka adalah orang kafir.

(Al Maidah: 44)

Kalau pemerintah sudah tidak taat dengan ALLAH, maka dalam keadaan itu rakyat tidak lagi wajib taat pada ulil amri (dalam perkara yang bertentangan dengan syariat) . Rasulullah SAW bersabda:

لاَ طَاعَةَ لِمَخْلُوقٍ فِى مَعْصِيَةِ الخَالِقِ

Tiada ketaatan kepada seorang makhluk dalam soal menderhaka ALLAH.

Oleh kerana di tangan mereka ada kekuasaan, kekuatan dan kekayaan negara, maka para ulil amri itu bebas untuk melakukan sebanyak-banyaknya kebaikan atau kejahatan. Bergantunglah kepada beriman atau tidaknya mereka. Pemerintah yang beriman akan berjaya menjadi penguasa yang adil seperti yang ALLAH perintahkan. Tapi pemerintah yang tidak beriman atau lemah imannya akan menyalahgunakan kuasa dan harta negara untuk kepentingan nafsu mereka.

Pemerintah yang adil, yang dapat melayan rakyatnya dengan baik, yang menjatuhkan hukuman dengan tepat dan meletakkan rakyat pada posisi yang betul, sehingga rakyat mendapat hak dan keperluan yang cukup, adalah pemerintah yang telah menunaikan amanah dan tanggungjawab dengan betul. Rasulullah SAW bersabda:

يَوْمٌ مِنْ إِمَامٍ عَادِلٍ أَفْضَلُ مِنْ عِبَادَةِ سِتِّيْنَ سَنَةً

Sehari seorang raja yang berlaku adil lebih besar pahalanya daripada (seorang abid) beribadah 60 *tahun.*

(Riwayat Ahmad)

Sabdanya lagi:

عَدْلُ سَاعَةٍ خَيْرٌ مِنْ عِبَادَةِ سِتِّيْنَ سَنَةً

Keadilan sesaat kbih baik dari ibadah 60 tahun.

Ibadah yang dilakukan oleh si abid hanya menguntungkan dirinya sahaja. Sedangkan satu keadilan yang dilakukan oleh pemerintah dalam satu saat, akan melimpah-ruah kebaikannya kepada jutaan rakyat. Kebaikan yang sama, kalau dibuat oleh seorang yang tidak ada kuasa, tidak ramai yang merasainya. Sebab itu ALLAH SWT sangat meninggikan darjat pemerintah yang adil. Hal ini cukup masyhur dalam sebuah Hadis Qudsi:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللهُ فِيْ ظِلِّهِ يَوْمَ لاَ ظِلَّ إِلاَّ ظِلُّهُ:

اَلامَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِىْ عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ
قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ بِالْمَسَاجِدِ، وَرَجُلاَنِ تَحَابَّا فِى اللهِ؛
اجْتَمَعَا عَلَيْهِ، وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ
ذَاتُ مُنْصِبٍ وَجَمَالٍ، فَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللهَ رَبَّ
الْعَالَمِيْنَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ أَخْفَى حَتَّى لاَ
تَعْلَمُ شِمَالُهُ مَاذَا تُنْفِقُ يَمِيْنُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَاللهُ
عَزَّوَجَلَّ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.

Ada tujuh golongan yang ALLAH lindungi mereka di hari yang tiada perlindungan seIain perlindungan-NYA. Mereka itu ialah raja atau pemerintah yang adil, pemud.a yang tekun beribadah kepada Tuhannya, Lelaki yang hatinya terpaut kepada masjid, dua orang lelaki yang saling berkasihan kerana ALLAH; mereka bertemu dan berpisah pun kerana-NYA. Dan seorang lelaki yang digoda oleh seorang perempuan yang ada kedudukan dan kecantikan, lalu dia berkata: "Aku takut kepada ALLAH Tuhan Sekelian Alam." Dan lelaki yang bersedekah (berderma) secara sembunyi sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang dibelanjakan oleh tangan kanannya, dan lelaki yang mengingati ALLAH sewaktu sunyi, lalu mengalir ***air matanya.***

(Riwayat Al Bukhari)

Daripada tujuh golongan manusia bertuah itu, raja atau pemerintah yang adil mendapat tempat pertama di sisi ALLAH. Betapa tingginya penghormatan yang diperolehi. Mengapa? Sebab darjat itu sangat susah untuk dicapai. Bukan senang nak jadi raja atau pemerintah yang adil. Memang hampir semua orang, sebelum menjadi pemerintah, bercita-cita untuk adil terhadap rakyat. Tapi apabila kuasa dan harta

negara bdrada dalam tangan, hati sudah berubah. Hakikat ini tidak mungkin dapat dinafikan. Sebab ALLAH sendiri mengakuinya dengan berfirman:

وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ إِلَّا مَتَٰعُ ٱلْغُرُورِ

Tiadalah kehidupan dunia itu melainkan harta benda yang *menipu day a.*

(Al Hadid: 20)

Firman-Nya lagi:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ وَٱلْبَنِينَ وَٱلْقَنَٰطِيرِ
ٱلْمُقَنطَرَةِ مِنَ ٱلذَّهَبِ وَٱلْفِضَّةِ وَٱلْخَيْلِ ٱلْمُسَوَّمَةِ
وَٱلْأَنْعَٰمِ وَٱلْحَرْثِ ۗ ذَٰلِكَ مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَٱللَّهُ
عِندَهُۥ حُسْنُ ٱلْمَـَٔابِ

Dihiasi manusia dengan perkara yang menjadi kecintaan nafsu wanita, anak-anak, harta bernilai *sama ada emas dan perak,* kuda pilihan, Binatang ternakan dan tanaman. Demikian *itu* adalah hanya untuk kehidupan *di dunia. Dan di sisi* ALLAH ada tempat yang lebih baik.

(Ali Imran: 14)

Dunia kalau tiada, tidaklah ia cuba menipu. Tapi kalau sudah dalam tangan, bisikannya sungguh menggoda dan hampir tidak ada manusia yang selamat dari godaannya. Sebab nafsu pun sangat cintakan dunia. Nafsu ingin dunia yang indah dan menawan itu menjadi milik sendiri saja. Rasa sayang dan rugi untuk dilepaskan pada orang lain. Dengan itu maka pemerintah yang lemah iman atau langsung tidak beriman akan mengaut harta negara untuk poketnya, keluarga dan klik-kliknya sahaja. Rakyat kalau dapat pun, terlalu kecil, tidak seimbang langsung dengan pendapatan pihak ber-

kuasa. Manakala bagi rakyat yang dianggap musuh pemerintah, langsung tidak mendapat apa-apa hak. Mereka tertindas dan terzalim.

Hal ini bukan cerita asing dalam dunia hari ini bahkan di sepanjang sejarah. Kebanyakan pemerintah yang beragama Islam atau bukan, gagal untuk berlaku seadil-adilnya dalam pemerintahan. Mereka menjadikan amanah rakyat sebagai peluang untuk menjadi kaya-raya. Tugas dan tanggungjawab kepimpinan disalahertikan dengan menjadikannya satu sumber pendapatan yang lumayan. Hak-hak rakyat dan negara rela dikorbankan.

Tunjuk di mana tempat yang berlaku hari ini, terdapat pemerintah yang tidak hidup kaya-raya di atas orang yang diperintahnya? Usahkan Perdana Menteri, menteri-menteri, gabenor dan exco-exco, hatta wakil rakyat itu pun hampir tidak ada yang tidak mengambil kesempatan kaya atas jawatan yang diamanahkan rakyat padanya. Jawatan itu direbutkan demi pendapatan yang lumayan, tidak lagi untuk kepentingan rakyat jelata dan negara. Jauh sekalilah untuk agama. Pihak yang rasa tertindas kerana ketidakadilan pemerintah itu, berebut pula untuk menjatuhkan pemerintah dan naik golongan lain pula dengan janji membawa keadilan. Namun bila masa ia jadi pemerintah, ha1 yang sama berlaku. Akhirnya rakyat tetap juga tertipu atau jadi mainan para pemerintah. Nampaknya para pemerintah dan wakil-wakil rakyat jadikan kerusinya sebagai pabrik atau ladang untuk memungut hasil kekayaan. Sebab itu tidak hairan masing-masing puak berlumba-lumba merebut kerusi di pemerintahan, hinggakan berlaku krisis di dalam satu parti.

Akibat dari pemerintah yang tidak adil ini, keadaan masyarakat dan negara akan jadi tidak stabil, susah, gelisah, tidak tenang, berhutang, mundur dan lain-lain lagi. Seluruh rakyat akan terbabit. Sedangkan kalau orang yang tidak ada kuasa membuat salah, tidaklah ramai sangat orang yang terlibat. Sebab itu hukuman pada pemerintahan yang zalim, menganiaya, khianat, berkepentingan dan menindas ini sangat

berat oleh ALLAH di Akhirat nanti.

Rasulullah SAW bersabda:

أَشَدُّ النَّاسِ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِمَامٌ جَائِرٌ

Manusia yang paling dahsyat seksaan di Hari Qiamat ialah pemimpin ***yang zalim.***

(Riwayat Ath Tbabrani)

Pemerintah yang adil pemah wujud dalam sejarah. Tapi tidak banyak dan tidak lama. Ia tidak sebanyak pemerintah yang tidak adil dan zalim itu. Di antara pemerintah adil yang pemah muncul dalam sejarah menurut ukuran Islam ialah **Rasulullah SAW, Khulafa'ur Rasyidin, Sayidina Umar Abd Aziz, Muhammad Al Fateh** dan **Salahuddin Al Ayyubi.** Selain zaman mereka ini, tidak berlaku pemerintahan yang betul-betul adil walaupun masing-masing pemerintah sudah mengaku yang mereka adalah pemerintah yang adil. Mereka cuma mampu berbuat beberapa kebaikan. Tetapi macam-macam penindasan dan kekejaman lain dilakukan dengan berleluasa. Akibat mereka tidak cukup taqwa, tidak mendalami syariat ALLAH dan tidak mahu tunduk pada kebenaran.

Di dunia hari ini hampir-hampir tidak ada pemerintahan yang adil, sekalipun di dalam negara umat Islam yang meng iktiraf undang-undang ALLAH sebagai perlembagaan negara sebagaimana berlaku di Pakistan, Arab Saudi dan Iran. Sebab melaksanakan keadilan tidak semudah menulisnya di atas kertas. Penenrang-penentang kebenaran dan keadilan dalam diri manusia itu sendiri yakni nafsu dan syaitan cukup kuat menentangnya. ALLAH berfirman:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Sesungguhnya nafsu itu sangat mengajak pada kejahatan.

(Yusuf: 53)

Sebab itu dalam sejarah Islam seperti yang dipraktikkan oleh ulama-ulama besar, salafussoleh, tokoh-tokoh Sahabat, imam mazhab yang empat dan lain-lain lagi, jawatan sebagai pemerintah tidak direbut atau diminta-minta. Mereka bukan saja tidak berani mengaku untuk berlaku adil pada rakyat, bahkan merasa diri takkan mampu berlaku adil. Kerana jawatan itu tidak diminta-minta bahkan ditolak ketika ditawarkan. Mereka sanggup didera daripada menjadi pemerintah. Tidak pernah berlaku di kalangan mereka dipenjarakan kerana gila merebut kuasa. Rasulullah sendiri pemah menolak permintaan Abu Hurairah yang meminta untuk jadi pemerintah. Sedangkan Sahabat itu adalah orang yang cukup baik.

Memang dalam Islam wajib hukumnya (yakni fardhu kifayah) mewujudkan kerajaan atau pemerintah. Haram hukumnya kalau terjadi ,kekosongan dalam pemerintahan. Tapi para ulama besar salafussoleh lebih suka orang lain memerintah, dengan mereka sebagai penasihatnya. Menjadi penasihat yang tegas hakikatnya mereka turut terlibat langsung dalam pemerintahan. Selain dari itu para ulama itu gigih berjuang untuk membaiki masyarakat dengan iman dan taqwa. Yang mana bila rakyat soleh dan solehah, ianya sangat penting untuk membantu pemerintah untuk memerintah dengan adil. Kejayaan Rasulullah dan Khulafa'ur Rasyidin dalam pemerintahan mereka adalah kerana rakyat juga sangat membantu, hasil didikan awal yang telah diusahakan sejak lama.

Menolak jawatan memerintah ini boleh dibuat selagi jawatan itu memang ada yang menyandangnya. Tapi katalah berlaku di satu negara, jawatan itu dikosongkan dan tidak ada orang yang mahu mengisinya. Maka waktu itu Islam mewajibkan dari kalangan umat Islam yang ada persediaan dan kelayakan untuk mengisinya. Kalau ada di kalangan umat Islam di waktu itu ditunjuk oleh orang ramai untuk memerintah, maka haram baginya menolak. Sebagai peribadi, adalah fardhu ain padanya disebabkan sudah tidak ada orang lain lagi. Haram hukumnya membiarkan kekosongan pemerintahan berlaku.

Tapi hari ini umat Islam bergaduh-gaduh kerana rebutkan jawatan sebagai pemerintah. Konon dengan dua alasan:

1. Pemerintah yang ada tidak Islamik.
2. Takut orang bukan Islam mengambil alih pemerintahan.

Sikap ini sebenarnya bertentangan dengan dasar Islam. Kita tidak boleh mendabik dada mengaku yang kita mampu menjalankan keadilan seperti yang dikehendaki Islam. Sedangkan ulama-ulama besar yang tinggi ilmu dan taqwanya itu pun ridak pasti yang mereka dapat selamat dari tipuan dunia. Sebab itu mereka menolak. Mereka lebih suka jadi penasihar sahaja secara tidak rasmi. Inikan kita yang lemah-lemah ini!

Langkah sebaik-baiknya ialah:

1. Nasihati pemerintah yang ada dengan penuh hikmah agar mereka dapat berlaku adil dalam pemerintahan. Doakan pula mereka agar dibantu ALLAH.

2. Berjuang membaiki rakyat agar beriman dan bertaqwa dengan menjalankan seluruh syariat ALLAH dan meninggalkan larangan-Nya. Kalau rakyat sudah baik-baik, tinggal pemerintah saja yang tidak adil, itu pun sudah cukup baik. Mudah-mudahan satu masa naik pemerintah yang baik dari kalangan rakyat yang baik-baik tadi. Hal ini berlaku di zaman salafussoleh selepas Khulafa'ur Rasyidin. Masyarakatnya soleh-soleh tapi pemerintahnya sudah mula menyeleweng.

3. Kemaskan jemaah atau parti sendiri supaya menjadi contoh dalam ha1 pembangunan insan dan pembangunan material. Kalau ia benar-benar layak, sekalipun kita tidak suarakan yang kita layak, nanti akan ada orang tolong suarakan.

4. Para pemimpin jemaah atau parti yang beria-ia sangat hendak memerintah mestilah menunjukkan kewibawaan diri dan partinya. Yang mana di dalam diri dan partinya sudah terbangun Islam itu hingga orang yakin dia layak menjadi

seorang pemimpin.

5. Mengapa sejak partai-partai Islam berjuang di dunia hari ini tidak ditubuhkan satu unit yang benar-benar terlatih untuk berdakwah kepada orang-orang yang bukan Islam, agar mereka masuk Islam? Kalau mereka masuk Islam, banyak masalah dapat diselesaikan. Yang banyak berlaku, kita ceritakan Islam bawa keadilan kepada semua golongan termasuk mereka yang bukan Islam. Untuk pancing undi bukan mengajak mereka masuk Islam. Padahal para rasul diutuskan ke dunia, antara tugasnya mengajak dan menyeru orang-orang yang bukan Islam kepada Islam. Mengapa program ini kita tidak jadikan sebagai program parti? Di sini menampakkan parti-parti Islam itu lebih bercorak politik daripada bercorak Islam.

Kalau betul takut orang bukan Islam akan menawan kuasa pemerintahan, mengapa umat Islam tidak bersatu dalam satu parti saja? Kan elok kalau umat Islam ada satu parti saja untuk membolehkan orang-orang Islam yang mengundi pilih satu parti sahaja.

Sebenarnya jawatan memerintah adalah amanah yang berat. Orang yang amanah dan jujur tidak akan berani mempelawa diri untuk melakukannya. Kecuali orang-orang yang ada kepentingan lain yang indah-indah dalam jawatan itu, yang ghairah sangat untuk mendapatkannya. Dan biasa: nya orang begini bila naik jadi pemerintah, apa yang dibuat hampir tidak berbeza dengan yang dibuat oleh orang sebelumnya. Yakni tidak adil dan menindas. Umat Islam perlu sedar dan faham rahsia hakikat ini.

Janganlah terpedaya dengan orang-orang yang berjuang gigih untuk jadi pemerintah. Sedangkan mereka tidak serius dalam membaiki diri, keluarga, partinya dan masyarakat agar beriman dan bertaqwa untuk menjalankan syariat ALLAH. Bila tidak ada tanda-tanda zuhud dan taqwa pada mereka lebih dari orang lain, dengan apa mereka boleh menang terhadap nafsu dan tipuan dunia? Apa jaminan yang mereka

lebih dapat berlaku adil dari orang lain? Dan apa jaminan mereka tidak akan ulangi kesilapan orang-orang lama?

Kalau naik hanya untuk ulangi kesilapan itu, ertinya kita sengaja membiarkan orang itu terjun ke Neraka dan membawa rakyat bersama-samanya. Kalau benar inginkan pemerintahan Islam, dalam keadaan kita pun tidak bersedia, nasihatkan pemerintah yang ada serta doakan mereka. ALLAH tahulah nanti bagaimana untuk mengkabulkan doa dan hasrat suci kita itu. Di samping kita bersedia untuk membaiki diri dan parti sendiri. Sebab bila sudah ada wibawa, orang ramai sendiri yang akan menunjukkan yang parti kitalah yang layak memimpin mereka.

Meninjau Sistem Pemerintahan Islam

Bab 2

Pemerintah Wakil Allah Bukan Wakil Rakyat

SEMUA ideologi dan isme di dunia ini memandang bahawa pemerintah atau pemimpin itu adalah wakil-wakil rakyat yang naik untuk memperjuangkan hasrat rakyat. Mereka akan bersuara mengikut suara rakyat, bertindak mengikut kehendak rakyat. Hakikatnya dasar pemerintah ditentukan oleh rakyat. Dengan kata lain, dalam sistem pemerintahan sekular, dasar dan matlamat pemerintahan ditentukan oleh akal dan nafsu manusia semata-mata. Itu pun bukan oleh pemerintah itu sendiri tapi oleh rakyat. Sebab itu pemerintah juga disebut wakil rakyat.

Dalam Islam, pemerintah ditunjuk atau dilantik oleh ALLAH, sama ada secara langsung' atau tidak. Kalau nabi-nabi dan rasul-rasul ditunjuk secara langsung oleh ALLAH melalui wahyu-Nya. Manakala selain mereka, ditunjuk secara tidak langsung sama ada mereka ditunjuk atau diisyaratkan secara umum oleh Hadis ataupun dilantik melalui ahlul halli wal 'aqdi. Sepanjang sejarah semua pemimpin Islam yang haq, yang pernah menegakkan keadilan bukan dipilih oleh rakyat melalui undian tetapi dinaikkan sendiri dengan persetujuan hati manusia atau dinaikkan oleh ahlul halli wal 'aqdi. Demikianlah caranya ALLAH melantik wakil-wakil-Nya.

Ertinya dalam Islam, pemerintah itu ialah wakil ALLAH. ALLAH yang lantik dan ALLAH yang naikkan. Jadi mereka bertanggungjawab untuk menjalankan dasar dan matlamat pemerintahan yang ALLAH tentukan. Yang semuanya telah

termaktub dalam Al Quran dan Sunnah. Selaku wakil ALLAH, pemimpin-pemimpin itu adalah orang-orang yang faham tentang ALLAH, tahu tentang Kerajaan ALLAH, faham dasar dan matlamat pemerintahan yang ALLAH tentukan, faham hukum-hakam yang datang dari ALLAH dan tahu melaksanakannya. Sewaktu melantik mereka, ALLAH seolah-olah berkata begini:

> "Bumi *ini* Aku yang punya. Manusia-manusia itu hamba-hamba Aku. Aku mahu bumi itu dan hamba-hamba Aku itu ditadbir, diurus, dididik, dipimpin dan dimajukan dengan sebaik-baiknya. Untuk itu, Aku lantik kamu jadi wakil Aku untuk menjalankan kerja-kerja pemerintahan seperti yang telah Aku tunjukkan dalam Quran dan Hadis Nabi-Ku."

Wakil-wakil ALLAH yang paling utama ialah nabi-nabi dan rasul-rasul. Berikutnya ialah para wali-Nya yang bertaraf mujaddid. Hadis juga ada menunjukkan kepimpinan Imam **Mahdi** dan **Pemuda Bani Tamim** dari Timur di akhir zaman ditunjuk oleh ALLAH melalui lidah Rasul-Nya. Begitu juga pemerintahan Muhammad Al Fateh telah diisyaratkan oleh Hadis. Oleh kerana mereka ini semuanya adalah wakil-wakil ALLAH yang ALLAH sendiri lantik secara langsung atau tidak, maka kita lihat pemerintahan dan kenaikan mereka begitu unik sekali. Mereka dilantik bukan hasil undian rakyat. Pemerintahan mereka benar-benar membawa keamanan dan kemakmuran pada negara dan rakyat.

Pemerintah atau pemimpin Islam yang tidak ditunjuk oleh wahyu secara langsung, hakikatnya adalah juga ditunjuk oleh wahyu kiranya ia dilantik oleh ahlul halli wal 'aqdi. Kerana kaedah perlantikan pemerintah atau pemimpin melalui ahlul halli wal 'aqdi, adalah kaedah yang ditunjuk oleh Al Quran. Maka menurut kaedah itu ertinya menerima pemerintah yang ditunjuk oleh wahyu secara tidak langsung. Sebab itu pada saya, Khulafa'ur Rasyidin dan lain-lain pemerintah yang dilantik oleh ahlul halli wal 'aqdi adalah pemerintah yang ditunjuk oleh

wahyu secara tidak langsung. Mereka itulah pemerintah Islam yang haq. Sebab itu hasil pemerintahan mereka sungguh luar biasa. Yakni tercapainya keamanan dan kemakmuran hakiki. Suasana yang ALLAH sendiri jamin kalau manusia benar-benar mengikut syariat-Nya.

Cara kenaikan wakil rakyat ialah melalui undian secara berparti. Untuk dapat undi, mereka cuma perlu pandai bercakap. Kalau pandai mengumpan lagi bagus. Selalunya pandai juga menghina dan memfitnah lawan. Kalau perlu, main kotor. Kerana politik Barat, orang Barat sendiri mengakui kekotorannya, *"Politic is a dirty game"*. Rakyat umum yang menilai kepimpinan seorang kerana kepandaiannya bercakap dan banyak berjanji manis, lalu memberi undi murah itu, maka naiklah si tukang pandai cakap tadi jadi pemimpin atau wakil rakyat.

Kenaikan wakil-wakil ALLAH menjadi pemerintah berbeza' sekali dengan cara-cara kenaikan wakil-wakil rakyat tadi. Ini dapat dilihat bagaimana rasul-rasul, Khulafa'ur Rasyidin dan para mujaddid tampil menjadi pemimpin ummah. Mereka menjadi pemimpin sebelum dilantik jadi pemimpin rasmi lagi. Mereka mula memimpin dari seorang diri. Lama-kelamaan jadi beratus hingga beribu orang yang menerima kepimpinannya. Maka jadilah ia pemimpin dengan sendirinya untuk ribuan pengikutnya. Manusia menjadikannya sebagai tempat rujuk. Mereka serah diri dan serah hati padanya, bukan beri undi sahaja. Pada mulanya ia adalah pemimpin tidak rasmi atau termasuk juga sebagai ulil amri tidak rasmi. Bila tiba masa dan keadaan, ia ditunjuk untuk jadi pemimpin rasmi, bukan melalui undi tetapi dengan hati, yang ianya telah dipersetujui terlebih dahulu oleh ahlul halli wal 'aqdi.

Terbukti dalam sejarah bahawa pemerintahan Islam yang sempurna, adil serta bijaksana kerana Penciptanya ialah Zat Yang Maha Bijaksana, telah menghasilkan sebuah masyarakat terbaik yang tiada tandingannya. Yakni masyarakat contoh generasi salafussoleh sekitar 300 tahun dari Rasulullah. Tentang ciri-ciri istimewa mereka waktu itu yang menjadikan'

mereka masyarakat terbaik akan saya sebutkan dalam bab khusus iaitu Pemerintah Contoh, insya-ALLAH. Walaupun berlakunya sudah seribu tahun iebih, namun Al Quran dan Sunnah tetap segar di tangan kita kini. Menuruti keduanya, ertinya mengulangi sejarah kegemilangannya.

Moga-moga ia benar-benar jadi kenyataan kalau perjuangan Islam yang sedang memuncak ini sampai ke matlamatnya.

Bab 3

Pemerintahan Islam

DALAM Islam adanya seorang pemimpin atau pemerintah dalam negara adalah wajib hukumnya. Maknanya, setiap rakyat dalam satu negara, wajib ada pemimpin. Kalau tidak ada pemimpin, maka berdosalah setiap orang Islam dalam negara itu.

Pentingnya pemimpin ialah untuk mengajar, mendidik dan memimpin rakyat kepada jalan kebenaran, keadilan, keselamatan dan kebahagiaan hidup yang hakiki dunia dan Akhirat. Dengan kata lain, pemimpin bertanggungjawab untuk membuatkan rakyat dan negara aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH. Untuk itu pemimpin bukanlah dari sebarang orang. Pemimpin Islam bukannya hasil diundi atau direbut-rebut atau hasil menonjol diri. Pemimpin bukan juga dipilih kerana kelulusan dan degri. Sebab memimpin bukan kerja untuk dapatkan rezeki dan tidak juga untuk cari publisiti. Lebih-lebih lagi bukan ladang tempat mengaut kekayaan.

Tugas pemimpin ialah tugas menyelamatkan umat di dunia dan Akhirat. Maka untuk itu dia hendaklah seorang yang betul-betul boleh buat kerja itu. Kebolehan atau karisma kepimpinan semulajadi ALLAH bekalkan padanya. Ditambah dengan ilmu kepimpinan yang ALLAH didik padanya, watak semulajadi, latar belakang kehidupan, didikan awal yang diterima dan macam-macam lagi, yang serba ada untuk melayakkan dia dapat membawa umat kepada keselamatan dunia

Akhirat. Nak jadi pengembala lembu pun kena ada syarat-syarat khusus, inikan pula nak menggembala manusia, yang nafsunya lebih liar lagi dari lembu itu. Mana boleh tugas itu diberi pada siapa saja yang mahu. Kalau bukan orangnya, rosak umat dikerjakannya. Sebab itu Islam ada menetapkan syarat-syarat dan sifat-sifat yang wajib ada pada seseorang pemimpin.

Marilah kita kaji syarat-syarat dan sifat-sifat itu dengan teliti supaya kita tahu siapa yang layak untuk kita pilih sebagai pemimpin dan siapa pula yang tidak layak memimpin dalam sebuah Negara Islam.

Syarat-syarat menjadi pemimpin:

1. Beragama Islam. Orang yang bukan Islam tidak boleh jadi pemimpin kepada orang Islam.
2. Lelaki. Perempuan tidak boleh jadi pemimpin. Cuma boleh jadi wakil pemimpin.
3. Baligh. Kanak-kanak tidak boleh jadi pemimpin.
4. Akil yakni berakal cerdik. Orang yang lemah akal atau gila tidak boleh jadi pemimpin.
5. Merdeka. Hamba sahaya tidak layak jadi pemimpin.
6. Sempurna anggota. Orang cacat tidak boleh jadi pemimpin. Sebab cacat itu menghalang ia untuk aktif dalam tugasnya.

Sifat-sifat yang wajib bagi pemimpin:

1. Ada ilmu Islam dan ada minda

Sepatutnya ilmunya bertaraf mujtahid. Paling tidak ia mempunyai ilmu yang agak luas secara menyeluruh. Yakni pemikirannya dalam semua aspek ilmu didasarkan pada ilmu wahyu dan sabda Nabi. Kerana sebagai pemimpin, ia mesti tahu untuk menjatuhkan hukum halal atau haram, wajib atau sunat, makruh atau harus dan lain-lain lagi. Kerana dasar, teknik dan matlamat kerja ke atas sesuatu perkara termasuk dalam soal-soal pentadbiran, projek-projek perindustrian,

pendidikan, pertanian, kesihatan, ketenteraan dan lain-lain lagi, yang tentunya hendak dibangunkan mesti diberi jawapan dan jalan penyelesaiannya tepat dengan Al Quran dan Hadis. Demikian juga terhadap sebarang isu semasa sama ada isu yang kecil atau besar, dalam negara atau di luar negara yang selalu berlaku, berubah dan berkembang di dunia, yang perlu ditentukan hukumnya.

Pemimpin mesti dapat menentukan sikap yang benar menurut Islam sama ada boleh **atau** tidak, halal atau haram, bahaya atau tidak dan lain-lain kemungkinan. Hal ini sungguh penting yang mana kalau pemimpin gagal menentukan sikap yang tepat untuk jangka pendek atau jangka panjang, macam-macam kemungkinan tidak baik akan berlaku pada negara dan masyarakat. Maka pemimpin perlu sekali ada ilmu Islam, minda, idea yang kreatif dan strategik dalam kepimpinannya.

Rasulullah SAW ketika melepaskan **Sayidina Muaz** menjadi gabenor di Yaman, baginda bertanya:

قَالَ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِمُعَاذٍ : بِمَ تَحْكُمُ؟

قَالَ: بِكِتَابِ اللهِ

قَالَ: فَإِنْ لَمْ تَجِدْ؟

قَالَ: بِسُنَّةِ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

قَالَ: فَإِنْ لَمْ تَجِدْ؟

قَالَ: أَجْتَهِدُ بِرَأْيِيْ

قَالَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اَلْحَمْدُ للهِ الَّذِيْ وَفَّقَ رَسُوْلَ رَسُوْلِ اللهِ لِمَا يَرْضَاهُ رَسُوْلُ اللهِ

"Dengan apa nanti engkau menghukum?"

"Dengan KitabulIah," jawab Muaz.
"Kalau tidak ada?"
"Dengan Sunnah Rasul-Nya."
:Jika tidak ada dalam Sunnahnya?"
Muaz menjawab, "Aku akan berijtihad dengan fikiranku."
Ra.sulullah berkata, "Segala puji bagi Alllah yang ***menyelaraskan fahaman*** urusan Rasulullah dengan apa yang diredhai Rasulullah."

(Riwayat Ahmad, Abu Daud dan At Tarmizi)

Dalam soal kepimpinan, 1001 ha1 dan persoalan akan berbangkit. Yang mana tidak semua perkara itu ada dalam Al Quran dan Hadis. Maka di situlah idea dan minda (yang berdasarkan wahyu) seorang pemimpin sangat penting. Dengannya ia boleh melakukan ijtihadul fikri dalam semua ha1 yang berbangkit. Sebaliknya kalau seorang pemimpin tidak tajam akalnya, ilmunya pula tidak cukup, tidak kreatif dan tidak strategik, negara dan rakyat akan jadi hidup segan mati tak mahu. Rakyat akan menjadi liar. Masalah yang timbul lebih banyak dari kebaikan yang berlaku. Sekalipun dari segi peribadi, pemimpin **itu** seorang yang baik.

Ilmu kepimpinan yang ada dalam pengajian di universiti-universiti hari ini yang telah melahirkan pemimpin dunia kini yang tidak disandarkan pada ilmu-ilmu wahyu itu, temyata telah gagal memimpin manusia dan negara menjadi betul-betul aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH. Umat Islam pun kerana merujuk ke sana, nampaknya bukan saja tidak boleh jadikan negaranya maju, yang layak menakluki dunia, bahkan masalah-masalah dalam negara pun tidak dapat diatasi dan rakyat tetap tidak terdidik. Begitu juga ilmu yang didapati di pengajian-pengajian pondok atau pesantren dan di sekolah-sekolah agama hari ini yang gagal melahirkan pemimpin yang dapat menyelesaikan pembangunan insaniah dan pembangunan material ummah.

Umum, negara-negara umat Islam di dunia ini, rakyatnya merempat. Masalah kewangan, krisis sesama sendiri, perpe-

cahan, pergaduhan, pergeseran, tindas-menindas, menyalahgunakan kuasa, tuduh-menuduh dan 1001 masalah tidak dapat dijawab dan diselesaikan oleh pemimpinnya. Bahkan pemimpin turut buat masalah untuk menjadikan negara lebih lemah, mundur dan bertambah hancur. Inilah hasil kepimpinan yang sedang berlaku di seluruh dunia hari ini, yang merujuk ilmu penting ini pada ideologi-ideologi rekaan manusia. Atau merujuk kepada pengajian-pengajian yang pasif dan beku seperti pengajian yang ada di pondok-pondok dan pesantren.

2. Tahu memimpin rakyat

Pemimpin seolah-olah orang yang celik, bertugas membawa orang-orang buta menuju ke matlamatnya. Rakyat yang berjuta-juta dalam sesebuah negara hendak dijaga, dikawal, digerakkan fizikal, mental dan spiritualnya agar berguna untuk diri, keluarga, masyarakat, agama dan negara. Mereka hendak diletakkan pada kedudukan dan peranan yang tepat supaya setiap orang dapat memberi sumbangan kepada agama, negara dan masyarakat.

Bukan senang hendak pimpin orang. Bukan senang orang hendak ikut kata kita. Bukan senang hendak kumpul orang untuk bersama-sama kita. Untuk satu hati dan satu kata-kata. Dan lagi, tidak senang nak jadikan rakyat yang jahil itu jadi pandai, yang malas jadi rajin, yang degil jadi jinak, yang tidak pemah kerja, nak disuruh buat kerja, yang jahat nak jadi baik, yang tidak faham syariat hendak dibagi faham, yang menentang jadi taat dan sebagainya. Lebih-lebih lagi tidak senang untuk membina negara dan masyarakat maju di atas ‘segala masalah, kelemahan dan kejahilan ini. Tetapi itulah tugas pemimpin Islam. Dia mesti tahu cara-cara memimpin, tahu seni silatnya, umpan-umpannya, rahsia-rahsia dan segala-galanya.

Ilmunya ini bukan ada di dewan-dewan kuliah dari mana-mana universiti. Sumber ilmu yang diperolehi oleh seseorang

pemimpin itu sebenarnya datang dari:

1. Al Quran dan Hadis.
2. Watak dan jiwa kepimpinan yang terasuh sejak kecil.
3. Latar belakang kehidupan dan pengalaman hidup di tengah-tengah masyarakat dan kehidupan pancaroba.
4. Pengalaman memimpin, cita-cita perjuangan dan hidupnya.
5. Bantuan ALLAH sama ada dari segi ilmu-ilmu yang diilhamkan atau setidak-tidak yang didorongkan.

Kerja memimpin bukan boleh dibuat dengan rasmi-rasmi, dari atas pentas-pentas atau dari jauh. Hendak jadikan si buta pandai berjalan, mana boleh diarah-arah dari jauh. Kita kena pegang tangannya. Dituntun perlahan-lahan atau beri dia tongkat. Ajar cara menggunakannya secara sungguh-sungguh dan berkali-kali hingga dia pandai sendiri. Ertinya, pemimpin mesti hidup di tengah-tengah rakyat. Makan bersama, sembahyang jemaah bersama, berbincang bersama dan lain-lain lagi. Tidak boleh berjumpa mereka pada waktu majlis rasmi sahaja. Hingga kehidupan lahir dan batin pemimpin dapat dicontohi, diikuti, diteladani dan lain-lain lagi. Rumah pemimpin, jangan sampai mengecilkan hati rakyat. Pendapatan pemimpin janganlah sampai melukakan hati rakyat. **Pendek kata, untuk kejayaan memimpin hingga rakyat kasih dan taat setia padanya, pemimpin mestilah menjadi sebahagian dari rakyat.**

Pemimpin yang menjauhi rakyat, tidak ambil tahu masalah rakyat, nanti rakyat pun akan buat tidak tahu padanya. Maka kepimpinan pemimpin tersebut tidak akan berhasil apa-apa. Rakyat terbiar bagaikan lembu dibiarkan oleh pengembalanya. Apa yang terjadi?

3. Mendidik

Selain dari ada idea dan ilmu kepimpinan yang tepat, pemimpin mesti mampu mendidik umat. Dia mampu menyampai-

kan ilmu pada rakyat sama ada ilmu Al Quran dan Hadis atau mindanya. Pemimpin yang pandai tetapi rakyat tidak terdidik, tidak juga boleh menjayakan kepimpinannya. Macam-macam arahan dan polisinya tidak dapat dilaksanakan. Bila pembangunan insan tidak berjaya, pembangunan material juga tidak akan berjalan.

Untuk mendidik dengan jayanya, pemimpin mesti kenal dirinya dan pandai mendidiknya. Seorang yang tidak kenal diri dan tidak tahu mendidik dirinya, nescaya tidak boleh kenal rakyatnya dan tidak tahu mendidiknya. Mengenal diri yang dimaksudkan ialah mengenal sifat-sifat lahir dan batin sama ada yang positif mahupun negatifnya. Sifat positif ialah sifat mahmudah seperti berani, pemurah, kasih sayang, sabar, tawadhuk, pemaaf, lemah-lembut dan lain-lain lagi. Sifat negatif ialah sifat mazmumah seperti penakut, ego, bakhil, pemarah, dengki, dendam, riyak, cinta dunia dan lain-lain lagi.

Seorang pemimpin yang kenal dirinya ada sifat positif dan negatif, akan berusaha menyuburkan sifat-sifat yang baik itu dan berusaha membuang sifat-sifat jahatnya. Cara untuk melakukan mujahadatunnafsi ini mestilah melalui proses takhalli, tahalli dan tajalli. Saya telah pun membincangkan persoalan ini dengan panjang lebar dalam buku saya iaitu **IMAN DAN PERSOALANNYA, MENGENAL DIRI MELALUI RASA HATI** dan **ILMU ROHANIAH** (yang akan diterbitkan tidak lama lagi). Silalah para pembaca merujuk ke sana.

Apa yang para pemimpin perlu ingat ialah gagalnya kepimpinan yang ada di dunia hari ini umumnya adalah kerana adanya sifat jahat yang diperturutkan pada diri mereka. Terutamanya sifat-sifat ego, pemarah, bakhil, mementingkan diri tidak ada belas kasihan, riyak dan sebagainya. Sifat-sifat ini kalau dikekalkan, orang cepat lari dari kita. Orang benci, kecil hati dan marah pada kita. Ya, di depan kita mungkin mereka tunduk atau tunjuk patuh. Kerana takutnya mereka pada kita (maklumlah kita ada kuasa, ada polis dan tentera). Tetapi dalam hatinya dan di belakang kita mereka

mengata-ngata kita. Segala kepandaian, kehebatan dan jasa kita akan tidak bernilai lagi, kalau kita selalu menyakitkan hati mereka. Kita akan tinggal sendirian dan dilupakan orang. Masa masih hidup lagi sudah berlaku, betapalah setelah mati. Bahkan mungkin itu semua akan jadi modal musuh untuk menjatuhkan kita pula.

Sebab itulah ALLAH sangat melarang sifat mazmumah ini diperturutkan. Ia akan membinasakan diri kita sendiri. Sifat riyak misalnya, akan memusnahkan kebaikan kita kerana kita buat bukan kerana ALLAH. Tetapi kerana harapkan pujian manusia agar orang kenang jasanya, beri hati dan undi untuknya. Dia akan menyebut-nyebut jasanya serta mengungkit-ungkit kalau ada orang yang menentangnya. Orang begini sudahlah manusia benci, ALLAH pun sangat marah padanya. Firman ALLAH:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُبْطِلُوا۟ صَدَقَٰتِكُم بِٱلْمَنِّ وَٱلْأَذَىٰ

Wahai orang *yang* berirnan janganlah kamu membatalkan *sedekah* kamu *(segala* bentuk kebaikan) dengan menyebut-nyebut meminta dibalas *d.an menyakiti (perasaan penerima).*

(Al Baqarah: 264)

Jadi, pemimpin yang ada sifat riyak mesti belajar dan didik diri untuk jadi orang ikhlas. Hal ini bukannya mudah. Apalagi seorang yang tidak ada ilmu agama. Yakni ilmu ihsan, akhlak atau tasawuf. Lebih-lebih lagi bagi orang yang menentang ajaran tasawuf, sufi dan tareqat. Dengan ilmu apa lagi mereka dapat membersihkan hati dan melawan nafsu? Dengan ilmu sivik, ilmu sains atau ilmu apa?

Bila nafsu dibiarkan, tidak dilawan melalui latihan mujahadah yang berdisiplin dan istiqamah, bahkan diperturutkan semahu-mahunya, pemimpin bukan saja tidak menjadi orang baik (soleh dan bertaqwa) bahkan bertambah *crook* dan jadi perompak serta pencetus masalah dalam negara. Akhirnya

bukan sahaja rakyat, kawan satu parti pun benci. Dan cuba anda gambarkan serta saksikanlah ke dalam negara yang pemimpin tidak mendidik dirinya dan rakyatnya juga tidak terdidik, lalu semuanya memperturutkan nafsu tamak, haloba, gila dunia, ego, pemarah, gila kuasa, bakhil, takabur, dengki, dendam, benci-membenci, saling mengumpat, memfitnah, riyak, ujub, jahat sangka, mengangkat-angkat diri, menjatuhkan orang lain, tidak sabar, gopoh-gapah dan 1001 macam mazmumah lagi. Apakan jadi?

Wujudkah keamanan, kemakmuran dan keampunan ALLAH itu? Rasakanlah dalam sebuah rumahtangga yang demikian itu perangai ahlinya, maka samalah halnya dalam negara dan masyarakatnya. Mereka hidup dalam ketegangan, kegelisahan dan huru-hara. Mereka semua ingin keluar darinya untuk mencari ketenangan dan kasih sayang yang murni. Akhirnya akan hancurlah rumahtangga dan masyarakat tersebut, musnahlah bangsa itu.

4. Taqwa

Pemimpin Islam mestilah seorang yang memiliki sifat-sifat taqwa. Yakni orang yang sangat patuh dan taat pada ALLAH dan Rasul, lahir dan batin. Amat takut dengan dosa dan sangat memperjuangkan hukum-hakam ALLAH dalam diri dan keluarga serta masyarakatnya. Orang beginkah orang yang hampir dengan ALLAH. Dia redha pada ALLAH, ALLAH pun redha padanya. Apa yang ia Iakukan semuanya mendapat restu dari ALLAH. Dalam Hadis Qudsi, ALLAH berfirman:

اتَّقُوْا فِرَاسَةَ الْمُؤْمِنِ، فَإِنَّهُ يَنْظُرُ بِنُوْرِ اللهِ

Takutlah olehmu *firasat* ***orang Mukmin kerana ia*** memandang dengan ***cahaya ALLAH.***

(Riwayat At Termizi)

Orang-orang ini kerjanya dibantu, dipermudah dan diberkati oleh ALLAH. ALLAH menyatakan janji-Nya ini

dalam firman-Nya:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Barangsiapa yang bertqwa kepada ALLAH, ALLAH akan lepaskan ia dari masalah hidup ***dan memberi rezeki dari sumber yang tidak*** diduga.

(Ath Thalaq: 2-3)

وَٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلْمُتَّقِينَ

ALLAH menjadi pembela bagi orang-orang yang bertqwa.

(Al Jasiyah: 19)

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَٰتٍ
مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ

Jika penduduk satu kumpung beriman' dan bertaqwa, ***KAMI akan bukakan berkat dari*** langit dan ***bumi.***

(Al A'raf: 96)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَقُولُوا۟ قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ
لَكُمْ أَعْمَٰلَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ
فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

Hai orang-orang ***yang beriman, bertqwalah kepada*** ALLAH ***dan ucapkanlah*** perkataan ***yang benar. ALLAH nanti*** akan memperbaiki pekerjaanmu dan mengampuni dosamu. Dan siapa yang mematuhi ALLAH ***dan Rasul-***NYA, sesungguhnya dia akan memperolehi keberuntungan -yang besar.

(Al Ahzab: 70-71)

Pemimpin Islam hanya akan berjaya dalam kepimpinan kalau ia ada taqwa. Tanpa taqwa, ALLAH akan biarkan mereka kepada 1001 masalah yang maha rumit. Yang telah menyebabkan ramai pemimpin dunia diserang penyakit yang bukan-bukan. Hal ini bukan rahsia lagi. Tiap-tiap hari kita diberitahu oleh suratkhabar, tv, radio dan lain-lain media massa. Dan saya sendiri telah melihatnya dengan mata kepala perihal dunia hari ini yang semakin kusut dan hancur, akibat lupakan ALLAH dan ALLAH pun lupakan kita.

Mari kita lihat beberapa contoh bagaimana dengan taqwa ALLAH akan selesaikan masalah dan bantu kita terhadap musuh.

1. **Sayidina Umar Al Khattab** telah melepaskan tenteranya ke medan perang dengan berpesan:

"Aku lebih takutkan dosa-dosamu daripada musuh-musuhmu. Kerana kalau kamu berdosa, ALLAH akan biarkan kamu kepada musuh-musuhmu."

Dalam satu peperangan, tentera Islam tidak menang dan tidak kalah selama tiga bulan berperang. Bila Sayidina Umar tahu hal itu, ia pun pergi memeriksa tenteranya. Didapati mereka itu sudah tidak halus taqwanya. Mereka cuai bersugi dan tidak meluruskan saf-saf sembahyang. Apabila perkara-perkara itu dibaiki, maka dengan mudah saja tentera Islam menang dalam perang tersebut.

Lihatlah, baru tidak bersugi dan tidak lurus saf sembahyang pun ALLAH hukum, betapa kalau tidak sembahyang, dedah aurat, riba, bergaul bebas, umpat-mengumpat, jatuh-menjatuhkan, tamak dan rebut kuasa?

2. Sebab itu **Salahuddin Al Ayubi** tidak membenarkan tenteranya yang tidak bangun malam untuk sembahyang dan baca Al Quran tetapi tidur sampai pagi, untuk pergi ke medan perang. Walaupun perkara-perkara itu bukan wajib tetapi itulah dia lambang taqwa. Siapa yang tidak melebihkan bakti pada ALLAH (overtime untuk ALLAH), ALLAH tidak beri

apa-apa keistimewaan padanya.

3. Muhammad Al Fateh, kerana dia dan .tenreranya orang bertaqwa, maka sewaktu mahu masuk ke pintu Kerajaan Rom, yang jalan airnya ditutup, kapal-kapalnya pun boleh belayar di atas daratan. Mungkin ALLAH belah bumi untuk pelayarannya itu. Begitu besarnya bantuan ALLAH pada hamba-hamba-Nya yang bertaqwa.

Inilah rahsia kejayaan pemimpin Islam. Yakni dalam menghadapi masalah yang otak manusia tidak tahu untuk menyelesaikannya, maka ALLAH sendiri tolong menyelesaikan di luar dugaan dan di luar lojik. Dan diberikan-Nya jalan keluar yang mudah. Sebab ALLAH itu Maha Bijaksana lagi Maha Kuasa.

Bab 4

Tanggungjawab Rakyat Terhadap Pemerintah

DALAM Islam terdapat peraturan-peraturan yang lengkap tentang tanggungjawab pemerintah dan juga tanggungjawab rakyat. Peraturan serta tanggungjawab ini sudah terbukti kalau dilaksanakan dengan betul dan sempurna membawa hasil yang sungguh baik. Yang kebaikannya dapat dikecapi bersama oleh pemerintah, rakyat dan negara keseluruhannya. Bukti ini terdapat dalam negara contoh yang telah dibangunkan untuk kita oleh Rasulullah dan Khulafa'ur Rasyidin dengan bantuan salafussoleh kira-kira 1400 tahun yang lalu.

Walaupun ianya sudah jauh dari kita, ditinggalkan oleh zamannya, namun kaedah yang dipakai itu, kalau digunakan untuk zaman ini, tentu hasil yang sama juga yang akan diperolehi. Kaedah-kaedah selainnya, yang direka-reka oleh manusia-manusia kemudian termasuk segala macam ideologi yang dianut hari ini ternyata belum pernah mencipta kejayaan yang sama seperti apa yang dicipta oleh sejarah Islam itu. Iaitu keamanannya, kasih sayangnya, kemakmuran, keadilan, keharmoniannya, perpaduan dan lain-lain lagi. Kecuali yang mereka boleh buat ialah meluaskan empayar.

Hatta satu hakikat yang patut kita sedari bahawa kejayaan umat Islam ialah kalau mereka kuat dengan agamanya. Manakala kejayaan orang bukan Islam ialah di waktu mereka meninggalkan agamanya. Ertinya, hanya agama Islam saja yang kalau diikut betul-betul akan membawa kejayaan dunia dan Akhirat. Tetapi agama lain, kerana tidak mempunyai

peraturan, maka kalau diikuti ia tidak membawa apa-apa kejayaan. Kecuali mereka meninggalkan agamanya itu. Itu pun kalau dapat hanya kemajuan dunia, di sudut material sahaja.

Saya sudah sebutkan tanggungjawab para pemerintah menurut agama Islam.' Tetapi perlu diingat, rakyat juga ada tanggungjawabnya terhadap pemerintah dan negara. Kalau rakyat cuai atau ingkar terhadap tanggungjawabnya, negara tidak akan selamat juga dan mereka akan menanggung dosanya. ALLAH SWT telah menjelaskan dalam Al Quran tentang tanggungjawab rakyat terhadap pemerintah. Firman-Nya:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ وَأُو۟لِى ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ

Wahai orang-orang *yang* beriman, taatlah kamu kepada ALLAH, madah kepada Rasul dan pemimpin di kalangan kumu.

(An Nisa': 59)

Inilah tugas rakyat yang paling asas dan utama kepada pemerintahnya. Kalau terlaksana tanggungjawab ini, nescaya dengan mudah saja negara itu menuju kejayaannya. Sebaliknya kalau tugas ini tidak selesai, macam-macam kekusutan dan masalah akan timbul serta akan membuatkan negara terumbang-ambing dan kucar-kacir. Kerana bila rakyat taat dengan segala arahan dan perintah dari pemerintah yang adil, ertinya segala rancangan-rancangan baik terlaksana dengan jayanya. Sebarang projek, perancangan, arahan dan hasrat pemerintah akan disambut oleh rakyat dengan sukarela, penuh setia, rela berbuat dan sanggup berkorban apa saja untuk itu.

Gabungan antara dasar dan polisi yang bijak dan baik dengan tenaga maksimum yang dikorbankan oleh rakyat dengan penuh taat dan rela terhadap pemerintahnya akan membawa negara pada puncak kejayaan tamadunnya. Dengan kata lain, kombinasi antara pemerintah dan sistem yang

baik dengan rakyat yang baik akan mencetuskan kebaikan yang merata daiam masyarakat untuk dikecapi oleh semua pihak. Sebaliknya tanpa rakyat yang taat, impian indah para pemerintah cuma tinggal angan-angan yang kosong sahaja. Pemerintah akan merasa dikecewakan oleh rakyatnya sendiri.

Sebab itu pemerintah mesti bersungguh-sungguh dalam mendidik rakyat agar mereka menjadi taat dan setia. Untuk itu, rasa kasih-mengasihi antara rakyat dan pemerintah mesti ditanam betul-betul. **Sebab dari kasih sayang baru datang taat.** Orang susah nak taat pada seseorang yang tidak dikasihinya. Sedangkan isteri yang sudah kasih pada suaminya pun masih belum dapat taat. Kerana kasih itu didorong oleh nafsu bukan kasih murni Inikan pula rakyat, yang tiada hubungan atau ikatan apa-apa dengan pemerintah, masakan mereka dapat taat dengan mudah.

Ketaatan rakyat ini hukumnya wajib. Ertinya kalau rakyat tidak taat pada pemerintah yang adil, mereka telah melakukan perkara haram yang tentunya satu kesalahan. Rakyat perlu faham, perintah taat ini bukan datang dari pemerintah. Tetapi datangnya dari ALLAH berdasarkan ayat Al Quran yang sudah tertulis di atas. Jadi kalau rakyat mender* haka dengan pemerintah, ertinya mereka menderhaka dengan ALLAH. Kalau pemerintah tidak hukum pun, ALLAH pasti menghukumnya.

Syarat ketaatan itu ialah selagi pemerintah itu taat pada ALLAH. Manakala bila pemerintah sudah derhaka dengan ALLAH, rakyat tidak lagi wajib taat padanya. Bahkan berdosa pula hukumnya memberi ketaatan pada pemerintah yang derhaka pada ALLAH. Rasulullah bersabda:

لاَ طَاعَةَ لِمَخْلُوْقٍ فِى مَعْصِيَةِ الخَالِقِ

Tiada ketaatan kepada makhluk dalam soal menderhakai ALLAH.

Pemerintah atau pemimpin yang wajib ditaati itu ada beberapa jenis, iaitu:

1. Pemerintah negara atau negeri.
2. Pemimpin jemaah.
3. Ketua atau pemimpin dalam satu-satu bidang seperti ketua atau menteri pelajaran, ketenteraan, pertanian, ekonomi dan sebagainya.

Selain mereka ini, ada juga ketua-ketua kecil-kecilan yang menjalankan polisi dari ketua umum tadi. Maka selagi mereka taat menjalankan polisi negeri atau negara atau jemaah atau bidang-bidang tertentu, maka mereka juga wajib ditaati.

Ada orang berkata, dia tak boleh taat pada ketua-ketua lain selain ketua satunya. Orang ini sombong dengan ketua-ketua bawahan. Dia rasa dia tidak layak untuk tunduk pada ketua kecil-kecil itu. Hal ini kalau dibenarkan akan membawa perpecahan dalam masyarakat. Akan ada dua tiga ketua di satu tempat. Perpaduan dan pembangunan terancam. Sebab itu ha1 ini mesti difahamkan begini:

Pemimpin bawahan dilantik oleh pucuk pimpinan. Ertinya pemimpin bawahan adalah wakil atau orang kepercayaan pemimpin atas. Oleh itu kalau kita tidak taat pada pemimpin yang dilantik dan dipercayainya, samalah macam kita tidak taat pada pucuk pimpinan itu.

Ujian ketaatan adalah perkara biasa dalam perjuangan. Siapa yang selalu gagal adalah orang-orang lemah yang tidak layak untuk ikut dalam perjuangan. Bahkan mereka adalah penentang sama ada sedar atau tidak. Ketaatan yang dituntut oleh Islam bukan saja dalam hukum-hukum wajib dan sunat. Kerana hukum yang wajib dan sunat itu kalau pemerintah tidak suruh pun, memang mesti buat, jika ianya perkara yang wajib dan elok dibuat jika ia perkara yang sunat. Sebab, sudah diperintahkan oleh ALLAH dan Rasul. Begitu juga perkara tegahan pemimpin yang mesti ditaati, bukan dalam soal haram dan makruh sahaja. Sebab yang haram dan makruh memang sudah ditegah oleh ALLAH. Yang mana kalau pemimpin tidak tegah pun kita kena menghindarkannya.

Ketaatan pada pemerintah mesti juga diberi dalam perkara-perkara yang mubah (harus). Atau dalam soal-soal ijtihadul fikri yakni pendapat atau perancangan pemimpin yang mesti ditaati walaupun kita ada pendapat atau perancangan yang lain. Selagi tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Dalam Islam, kewajipan taat pada hukum-hukum yang mendatang ini disebut wajib aradhi (wajib mendatang). Perkara-perkara contoh yang wajib ditaati oleh rakyat terhadap pemimpin, antaranya:

1. Di waktu musuh menyerang, pemerintah kerahkan tenaga manusia dari rakyatnya untuk memerangi musuh. Maka rakyat wajib taat. Dalam Islam, siapa yang lari dari medan perang boleh dihukum bunuh. Kerana dia dianggap telah melakukan dosa besar.

2. Di zaman kemarau atau zaman darurat atau zamati bencana atau zaman susah makan minum, pemerintah me merintahkan orang-orang kaya mengeluarkan bantuan sama ada untuk senjata, peralatan atau makanan untuk fakir miskin dan lain-lain lagi, maka mereka wajib taat. Kalau mereka enggan, pemerintah yang adil itu boleh memaksa dan merampas harta mereka yang kaya tapi bakhil itu.

3. Kalau pemerintah sudah siapkan satu kawasan kediaman sama ada kampung atau taman kediaman dalam rancangan memindahkan rakyat, agar rakyat beralih ke kawasan baru itu, maka rakyat wajib pindah. Kalau ingkar, mereka jatuh dosa.

4. Rakyat yang diperintah tukar jawatan kerja atau tempat kerja juga wajib taati arahan itu.

5. Kalau pemerintah arahkan penduduk satu kawasan buat pertanian, wajiblah mereka mengusahakan pertanian. Berdosa kalau mereka usahakan ternakan. Atau pemerintah suruh tanam padi, berdosa hukumnya kalau ditanam jagung.

6. Hatta arahan kahwin dan cerai, kalau berlaku, rak-

yat wajib taat. Kalau pilihan kita ditolak oleh ketua, maka kita juga kena mematuhinya dan berkahwin dengan pilihan yang ditunjukkan. Perkara-perkara ini semuanya kalau tidak ditaati, ia terjatuh kepada dosa.

Demikianlah peraturan dalam Islam demi menjayakan pemerintahan yang adil, aman, makmur dan lain-lain lagi. Islam bukan bermaksud mengongkong kebebasan atau menafikan kebijaksanaan atau kreativiti rakyat. Biasanya pemimpin yang adil lebih adil dan terpimpin dari rakyatnya dalam membuat keputusan. Dan rakyat yang taat akan lebih terpimpin fikiran dan kreativitinya.

Rakyat yang menentang pemerintah yang adil boleh diperangi. Hal ini pernah dibuat oleh **Sayidina Abu Bakar.** Yakni beliau memerangi orang-orang yang tidak mahu membayar zakat. Tentunya mula-mula orang yang degil ini dinasihat. Tetapi sesudah dinasihat pun masih degil, maka boleh diperangi hingga mereka kembali jadi rakyat yang taat.

Bab 5

Pemerintahan Yang Baik, Yang Lemah dan Yang Cacat

SETIAP orang di kalangan umat Islam wajib mempunyai pemimpin. Kerana pemimpinlah yang akan menyelamatkan hidupnya dunia dan Akhirat. Oleh itu mencari dan menentukan pemimpin untuk diikut dan ditaati, adalah kewajipan setiap umat Islam.

Bukan semua orang boleh jadi pemimpin. Ada pemimpin yang rasmi tetapi sebenamya dia bukan seorang pemimpin. Ada juga orang yang tidak menjadi pemimpin yang rasmi tetapi dialah yang sepatutnya menjadi pemimpin. Untuk mengenali pemimpin yang baik dan tidak, Islam ada memberi garis panduan umum pada kita. Saya akan cuba menyatakan ha1 ini supaya saudara pembaca dapat dipandu untuk menentukan siapakah pemerintah atau pemimpin anda yang sepatutnya.

Dalam Islam, kepimpinan boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

1. Pemimpin yang baik.
2. Pemimpin yang lemah.
3. Pemimpin yang cacat (rosak).

A. Pemimpin Yang Baik

Pemimpin yang baik ialah pemimpin yang ada padanya empat kekuatan iaitu kekuatan jiwa, kekuatan akal (ada minda), kekuatan perasaan dan kekuatan fizikal. Dengan syarat ke-

empat-empat juzuk ini ditunjangi pula oleh iman dan taqwa;

Kuat Jiwa

Seorang pemimpin memerlukan kekuatan jiwa kerana pemimpin perlu pada sifat-sifat tabah, redha, berani, tahan, uji, yakin dengan diri, tegas, optimis, sungguh-sungguh, lapang dada, kasih sayang dan serius dalam tugasnya.

Sifat-sifat ini semuanya sangat penting untuk memikul beban kepimpinan yang pasti ditempuh oleh seorang pemimpin. Tanpa sifat-sifat ini, pemimpin tidak akan mampu menyelesaikan masalah dan persoalan yang timbul sama ada di kalangan manusia atau di dalam urusan pembangunan material. Misalnya apabila ada anak buah atau pengikut atau rakyat membuat masalah atau kekacauan atau menghalang perjalanan perjuangan, pemimpin yang tidak tegas akan teragak-agak atau tidak tergamak untuk bertindak dan menghukum orang tersebut. Rasa kasihan, tidak sampai hati dan lain-lain, membuatkan dia rela 'dedalu' itu terus menjahanamkan pokok. Yang mana hasilnya, masalah yang berbangkit terbiar untuk mengeruhkan suasana negara atau masyarakat atau jemaahnya. Kalau negara atau masyarakat atau jemaah ditimpa ujian sama ada dari dalam atau luar, pemimpin yang tidak kuat jiwa akan mudah melatah, panik dan ketakutan atau bertindak melulu. Semangat untuk meneruskan perjuangan mungkin patah. Tindakan yang terburu-buru atau tergopoh-gapah mungkin dibuat, yang memungkinkan tersilap langkah. Pengikut yang melihatkan ha1 ini akan turut cemas dan sekaligus lemah semangat juang mereka.

Pemimpin yang tidak kuat jiwa bila tercabar atau terancam, biasanya tidak akan tahan menerimanya, lalu akan terus menjawab dan bertindak. Dia mencabar orang lain, boleh. Tapi jangan dia dicabar. Pasti dia tidak akan tahan. Yang biasanya membawa akibat buruk kepada diri dan pengikutnya sendiri. Kadang-kadang musuh sengaja memancing supaya dia meracau-racau agar di situ musuh akan nampak kele-

mahannya bila dia bertindak dengan menempelak, mempermain-mainkan dan menjatuhkan lawannya.

Pemimpin yang tidak kuat jiwa biasanya merelakan rakyat bersikap lembab, malas dan main-main terhadap aktiviti pembangunan. Yang penting pada mereka rakyat sokong mereka. Kesungguhan untuk menggiatkan anak buah agar lebih aktif dan berdisiplin tidak ada, maka akhimya negara atau jemaah tidak membangun, rakyat mundur dan tidak berakhlak serta banyak masalah yang tidak selesai.

Kuat Mental

Kekuatan mental sangat penting bagi seorang pemimpin. Ia umpama lampu penyuluh perjalanan hidup rakyat atau pengikut dan negara atau jemaah. Tanpanya, rakyat atau pengikut sesebuah negara atau jemaah seolah-olah berada dalam kegelapan. Bila pemimpin lemah fikirannya, dia akan kekurangan idea yang baik dan tepat untuk bertindak, merancang dan menyelesaikan masalah. Dia tidak ada minda sendiri, cuma meminjam-minjam minda orang lain. Dia mudah buntu dalam kepimpinannya. Bila tercabar atau terancam tidak tahu bagaimana untuk melepaskan diri atau bertindak balas; Kadang-kadang kerana tidak cerdik, perkara tidak baik dikatanya baik atau sebaliknya. Keadaan merbahaya dibiarkannya. Tipuan dan umpan musuh termakan olehnya.

Maka akan terjadi masalah masyarakat dan negara **atau** jemaah oleh pemimpin yang tidak cerdik, tidak kreatif, tidak ada idea dan tidak strategik ini. Manakala bagi pemimpin yang mempunyai akal yang tajam, dia dapat membaca sebab-sebab timbulnya satu masalah dengan tepat dan pandai mencari penyelesaian yang konkrit. Dia nampak kemungkinan-kemungkinan yang bakal berlaku terhadap sesuatu tindakan yang orang lain tidak nampak. Hal-ha1 yang tersirat dapat dibaca dan difahaminya. Tipuan musuh dapat dikesan dan dia mempunyai daya tindak balas yang lebih bijak dan tajam. Rancangannya tepat, strateginya mengena. Mindanya mam-

pu menjayakan program pembangunan insan dan material dalam masyarakat dan negara atau jemaahnya. Kerana **dia tidak bersandar atau mengutip minda orang lain tetapi mempunyai pandangan sendiri yang sesuai, tepat dengan persoalan dan keadaan semasa di zamannya.**

Kuat Perasaan

Kekuatan perasaan juga penting sekali bagi seorang pemimpin. Yakni kekuatan untuk menimbang-nimbang kepenting an dan masalah orang lain. Kekuatan untuk bertimbang rasa, berlemah-lembut dan berkasih sayang dengan manusia. Kekuatan untuk menangkap hal-ha1 di sebalik hati manusia dan tahu bagaimana menghibur mereka. Pemimpin yang tidak ada' semua ini adalah pemimpin yang akan kasar, bengis dan kejam dengan manusia. Pengikut taat kepadanya dalam keadaan terpaksa dan takut. Yang lama-kelamaan pengikut akan jemu dan akan meninggalkannya. Dia kurang berhalus dalam menyelesaikan masalah. Dia tidak sensitif dengan ragam manusia. Memujuk, menjaga hati, ambil hati, menghibur dan lain-lain yang perlu untuk menawan hati manusia tidak ada dalam kamus tindakannya. Keadaan kepimpinannya akan tegang, serius dan formal sekali. Tolak-ansur, berlapang dada dan memaafkan pengikut yang bersalah atau lemah jarang berlaku. Dia banyak merempuh dan memecahkan ukhuwah. Akhirnya kepimpinannya tidak membawa hasil yang sebaik-baiknya.

Manakala pemimpin yang ada kekuatan perasaan akan berhalus buat pertimbangan dan tindakannya dengan manusia. Dia ditaati dengan kasih sayang. Dia dipuja oleh pengikut kerana pandai melayan dan menghibur hati pengikut dengan tidak mengorbankan prinsip dan identiti. Dia tegas tapi tidak keras. Dia bersungguh-sungguh tapi tidak merempuh. Dia lembut, pengasih dan pemaaf tetapi tidak lembab, lemah dan cuai. Dia sabar tapi tidak membiar anak buahnya. Pemimpin begini adalah pemimpin di hati rakyat bukan di

mata rakyat. **Dia diterima kerana akhlaknya bukan sahaja kerana bijak dan beraninya.** Dia walaupun sudah pencen atau mati tetap diterima kepimpinannya dan akan dikenang serta disanjung. Sedangkan pemimpin yang tidak halus akhlaknya, belum pencen lagi orang sudah berharap agar dia letak jawatan. Bila tua atau mati, terus dilupakan orang. Maqamnya tak diziarahi orang.

Kuat Fizikal

Kekuatan fizikal bagi seorang pemimpin termasuk suatu ha1 yang penting. Kalau pemimpin tidak aktif, selalu tidak sihat, tidak lincah dan tidak hadir program, kepimpinannya jadi jumud dan kaku. Sebab itu para rasul yang ditugaskan untuk pimpin umat, semuanya diberi fizikal yang kuat. Hingga mereka sanggup untuk mengembara dan pindah-randah dari satu tempat ke tempat lain melintasi padang pasir, gunung-ganang, gaung dan hutan belantara. Cuma dengan berjalan kaki atau mengenderai kenderaan sahaja. Di samping mereka adalah makhluk ALLAH yang diberi akal yang tajam, jiwa yang kebal dan perasaan yang halus dan tinggi. Yang orang biasa atau pemimpin biasa tidak ada yang dikurniakan semua ini melainkan kalau diusahakan. Itupun tidak boleh menandingi Rasul.

Pemimpin yang sempurna dengan kekuatan-kekuatan yang tersebut tadi, yang ditunjang oleh taqwa dan iman, itulah pemimpin yang akan berjaya dalam kepimpinannya. Berjaya dalam ertikata dapat memimpin dan mendidik umat untuk memperolehi hasil yang tepat dan baik, iaitu mentaati ALLAH dan Rasul. Seka1ipun tidak ramai orang yang dipimpinnya, tetapi pimpinan itu benar dan tepat. Sedangkan kalau ramai pengikut tetapi hasilnya tidak tepat dan benar, maka pengikut yang ramai itu macam buih di lautan sahaja. Dan pemimpin itu dikira gagal. Kerana mendapat ramai pengikut yang tidak berkualiti. Pengikut yang sudah diberi subsidi pun masih tidak boleh membangun.

Sepertilah pengembala binatang yang boleh kawal binatang ternaknya dengan baik. Seekor pun binatangnya itu tidak makan tanaman orang atau tidak hilang ditangkap serigala. Dia dikira berjaya walaupun binatang gembalaannya tidak banyak. Sebaliknya kalau banyak pun binatang ternaknya itu, tetapi kurus-kurus fizikalnya, berpenyakit, liar-liar, selalu mati ditangkap serigala, suka makan tanaman orang lain dan lain-lain iagi, bermakna pengembala itu gagal.

Para pemimpin di dunia hari ini umumnya tidak dapat mencipta kejayaan yang memuaskan dalam kepimpinan mereka. Sekalipun dia seorang yang ada keempat-empat kekuatan yang tersebut. Namun kerana kekuatan itu tidak ditunjangi oleh ilmu wahyu, iman dan taqwa, maka kekuatan tadi tidak mencapai kesuburan yang maksimum. Umpama pokok dari benih yang baik tetapi kerana kurang dapat baja yang baik, kesuburan dan hasil yang diberi tidaklah boleh dikatakan berjaya.

Ilmunya cuma di sekitar hal-ha1 yang terjangkau oleh otak sahaja. Rahsia tersirat di sebalik hati manusia yang dipimpin, kemungkinan masa depan tindakannya serta kesan kepada alam ghaib tidak diambil kira. Ilmunya tumpul dan cetek. Kekuatan jiwanya tidak sampailah kepada kemerdekaan yang hakiki kerana ia berpaut pada kepentingan dunia. Tidak pada ALLAH yang Maha Tinggi. Demikian kehalusan hatinya tidak sampai kepada seagung-agung akhlak kerana nafsunya tidak berjaya diperangi habis-habisan.

Dengan itu **kejayaan pemimpin yang ada keempat-empat kekuatan tetapi tidak bertaqwa, mungkin sebanyak 10% sahaja dibandingkan dengan kejayaan pemimpin yang bertaqwa yang ada padanya keempat-empat kekuatan asas itu.** Keistimewaan lain yang diperolehi oleh pemimpin yang bertaqwa ialah:

1. Ia diberi ilmu yang tidak ada dalam kitab atau dalam pengalaman atau pada guru. Ia diajar secara langsung oleh ALLAH, Maha Guru bagi segala guru-guru, yang ilmu-Nya

bagaikan lautan. Ilmu itu diajar melalui perantara hati, bukan akal lagi. Jadi hati orang ini bercahaya-cahaya, boleh menyuluh kehidupan yang nyata dan ghaib dengan terang sekali. Ia nampak perkara-perkara yang tidak dapat dilihat oleh mata dan otak. Ini berdasarkan firman ALLAH:

وَاتَّقُوا اللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ

Bertaqwalah kepada ALLAH, nescaya ALLAH **akan mengajur kamu.**

(Al Baqarah: 282)

Firman-Nya dalam Hadis Qudsi:

اِتَّقُوْا فِرَاسَةَ الْمُؤْمِنِ ، فَإِنَّهُ يَنْظُرُ بِنُوْرِ اللهِ .

Takutilah firasat orang Mukmin kerana mereka memandang dengan **cahaya** ALLAH.

(Riwayat At Termizi)

Di dalam satu Hadis lagi:

مَنْ عَمِلَ بِمَا عَلِمَ أَوْرَثَهُ اللهُ الْعِلْمَ مَالَمْ يَعْلَمْ

Barangsiapa beramal dengan ilmu yang ia tahu, ALLAH akan **pusakakan kepadanya ilmu yang** dia tidak tahu.

(Dikeluarkan oleh Abu Nuaim)

2. Dilepaskan dari masalah -dan mendapat rezeki dari sumber yang tidak diduga. Pemimpin sangat memerlukan bantuan di waktu 1001 masalah rakyat mendatanginya. Tanpa bantuan ALLAH umumnya pemimpin tidak mampu untuk selesaikan masalah, bahkan makin dicuba makin banyak masalah. Seorang tuan punya kereta kalau tidak dibantu oleh tukang kereta dalam membaiki kerosakan kereta, tetapi mahu membaiki sendiri, nescaya kereta itu akan lebih rosak lagi.

Contohnya masalah AIDS yang sedang mencabar dunia

hari ini. Kerana tidak dirujuk pada ajaran ALLAH dan pertolongan-Nya, penyelesaian yang dibuat, membawa kepada rumbuhnya berbagai masalah lagi. Mungkin AIDS dapat diatasi tetapi zina terus juga berlaku dengan pemakaian kondom misalnya. Hakikatnya, masalah tak juga selesai kerana zina itu adalah penyakit sosial yang sangat dahsyat. Sedangkan kalau masalah ini dirujuk kepada ALLAH, ALLAH sendiri yang akan buka jalan-jalan keluar dari masalah tersebut:

Di samping itu dengan taqwa, ada rezeki dari sumber yang tidak terduga. Sebab itu orang bertaqwa boleh selesaikan masalah ekonomi dan lain-lain, kerana untuk mereka ada jalan-jalan kemasukan rezeki yang luar biasa melalui usaha-usahanya. Hal ini dapat disaksikan dengan ketara dalam realiti kehidupan orang-orang bertaqwa. Ianya lojik tetapi bukan lojik mengikut ukuran otak biasa. Kerana otak biasa hanya mampu menangkap lojik-lojik lahiriah dalam kehidupan biasa sahaja. Pada otak, tidak lojik kalau dikatakan syaitan itu akan terseksa dalam api Neraka. Sebab ia dicipta dari api. Api dengan api mana sakit. Tetapi mengapa manusia yang dibuat dari tanah rasa sakit kalau dibaling dengan tanah. Tanah dengan tanah boleh sakit?

Hadirnya pemimpin yang baik ke dunia benar-benar membawa kebahagiaan pada seluruh manusia. Bagaikan adanya seorang ayah dalam sebuah keluarga. Pemimpin beginilah yang Islam memerintahkan umatnya wajib taat. Dia tidak boleh ditukar ganti. **Kepimpinannya seumur hidup. Selagi tidak ada uzur syar'i seperti sakit, dia tidak boleh mengundurkan dirinya dari memimpin.**

Hal inilah yang dipraktikkan oleh Rasulullah dan Khulafa'ur Rasyidin, yang memerintah seumur hidup dengan mendapat ketaatan total dari rakyat. Kejayaan kepimpinan mereka begitu menonjol sekali kerana dapat melahirkan barisan pemimpin bawahan yang bersifat sejagat, hingga dari sana dapat melahirkan empayar Islam di sebahagian besar dunia.

B. Pemimpin Yang Lemah

Kalau pemimpin yang baik dan berjaya itu ialah pemimpin yang bertaqwa yang mempunyai empat kekuatan, maka pemimpin yang lemah itu ialah kerana salah satu atau lebih dari empat kekuatan itu tidak ada padanya. Sama ada jiwanya tidak cukup kuat, akalnya tidak cukup tajam, perasaannya tidak cukup halus atau fizikalnya tidak cukup sihat. Boleh jadi juga lebih dari satu anggota itu yang lemah.

Tetapi kelemahan pimpinan akan begitu menonjol kalau pemimpin itu lemah fikiran, sekalipun dia orang baik dan bertaqwa. Dia tidak menindas, tidak menzalim, tidak menyalahgunakan kuasa dan tidak mencari kepentingan diri dalam tugas sucinya itu. Tetapi kelemahan adalah berpunca dari lemah akalnya.

Pemimpin yang lemah akal tidak ada minda dan idea. Tidak juga kreatif dan strategik. Akibatnya, bila negara kurang maju dan tidak dapat memajukannya, dia tidak tahu bagaimana caranya untuk mencipta kemajuan. Tidak tahu juga bagaimana untuk mengawal kemajuan yang sedia ada. Masalah tidak dapat dilihat sebagai masalah dan kalau tahu pun masalah, tidak tahu juga menyelesaikannya. Rakyat atau pengikutnya yang tidak terdidik, yang membuat macam-macam masalah, tidak pula pandai hendak dibentuk agar terdidik dan tidak buat masalah. Pembangunan insan di kalangan rakyat tidak berlaku dengan sempurna. Maka macam-macam kejahatan dan masalah akan berlaku. Hasilnya di bawah kepimpinan yang lemah fikiran ini negara tidak maju. Rakyat terbiar. Bila-bila masa sahaja musuh dapat main-, mainkan dan menjatuhkannya.

Sebaliknya, seorang pemimpin yang tajam akalnya akan mempunyai macam-macam idea untuk kemajuan negara dan rakyat. Pandai pula dia menyampaikan ideanya kepada rakyat untuk difahami dan dilaksanakan. Tahu pula memimpin dan menunjuk ajar hingga terlaksananya perancangan teori dan) mindanya itu. Kalau ada masalah, nampak pula olehnya

bagaimana cara penyelesaiannya. Rakyat yang bermasalah dapat dihadapi dan diatasi masalah mereka dengan baik. Tipu helah musuh dapat dikesan untuk diberi pukulan balas yang tepat mengena dan membawa maut. **Demikianlah peranan akal. Umpama lampu penyuluh yang baik. Yang kalau kuat taqwanya akan lebih terang-benderanglah ia menerangi negara dan masyarakat atau jemaahnya.**

Namun tanpa kekuatan jiwa, fikiran yang kuat tidak membuahkan apa-apa. Hanya tinggal teori-teori dan idea **serta** perancangan yang berbagai-bagai tetapi tidak terlaksana. Sebab untuk melaksanakan minda dan perancangan, seorang pemimpin mesti dibantu oleh jiwa yang kuat, bercita-cita, berani, yakin dengan diri, tahan uji, sanggup berkorban apa saja dan lain-lain lagi. Mungkin ideanya sampai bertimbun-timbun dalam berbagai-bagai risalah, buku-buku dan kitab-kitab namun ia terus tersembunyi dalam biliknya. Tidak , berani turun gelanggang ke tengah masyarakat kerana takut pada risiko, cemas atas kemungkinan-kemungkinan tidak baik, tidak berani memecah tradisi, tidak sanggup melawan arus dan macam-macam ha1 lagi.

Akhirnya teori tinggal teori selama-lamanya. Tidak ada praktikalnya. Benih yang baik tidak ditanam, maka tidak akan berbuahlah ia. Pemimpin begini biasanya hanya mampu jadi pemimpin kertas kerja, pemimpin seminar, pemimpin simposium, pemimpin forum dan lain-lain lagi. Mukanya selalu ditonjolkan di kaca tv sebagai tokoh. Tetapi tidak boleh bawa pengikut turun gelanggang. Mereka berangan-angan dengan teori ilmiahnya itu. Bukan sahaja kemajuan tidak berlaku bahkan dia kian tertinggal dan dilupakan orang. Bukan sahaja tidak mampu mengajak rakyat atau pengikut hidupkan pertanian di tanah terbiar, pertanian di tanah subur yang sudah diproses pun terbiar. Bukan sahaja tidak boleh bangunkan faktori, kalau sudah ada faktori yang dibuat cara kecil-kecilan itu pun tidak boleh tolong edarkan barang keluarannya.

Inilah negara atau jemaah intelek yang merempat nama-

nya. Menyandar nasib pada orang lain. Keperluan asas pun disediakan oleh musuh. Kalau ada pun yang senang, hanya individu pemimpin itu. Bagaimana negara atau jemaah hendak berdikari, maju, membangun dan menakluki negara lain?

Sebaliknya kalau jiwa sahaja kuat, otak lemah, jadilah pemimpin bagaikan lembu menanduk tembok. Hebat keberaniannya tetapi apa faedahnya meruntuhkan tembok? Silap-silap, tanduk yang patah. Itulah keberanian melulu namanya. Keberanian, cita-cita dan keyakinan yang tidak dirancang, tidak bijak, tidak berdisiplin dan semberono. Pemimpin begini lebih banyak buat masalah daripada buat kebajikan. Negara atau jemaah dan rakyat atau pengikut jadi susah dibuatnya.

Demikianlah seterusnya kalau pemimpin cuma ada kekuatan perasaan dan kekuatan fikiran saja, pun lemah juga kepimpinannya. Dan kalau ada kekuatan jiwa dan perasaan sahaja, pun lemah juga bentuk kepimpinannya. Sekurang kurangnya pemimpin itu mesti ada kekuatan fikiran dan jiwa, kalaupun tidak boleh ada semuanya. Tetapi selain dari itu, pemimpin itu dikira lemah. Pemimpin yang lemah ini hakikatnya bukan pemimpin. Kalau mereka bertaraf ulama, mereka ialah ulama berwatak abid, bukan berwatak pejuang dan pemimpin.

Sebaiknya pemimpin yang lemah ini kalau payah sangat untuk diu'saha baiki kepimpinannya, eloklah dia mengundur diri dari tugasnya secara sukarela. Dia akan disanjung kerana keikhlasannya mencari pengganti yang lebih kuat dan mampu. Atau kalau pemimpin tersebut tidak sedar kelemahannya, rakyat mesti peka dan nasihatkan pemimpin dengan penuh hormat takzim agar mengganti pemimpin dengan yang lebih kuat, layak dan mampu. Kepentingan negara atau jemaah dan rakyat atau pengikut lebih utama dari kepentingan peribadi, Semua pihak mesti merasa bertanggungjawab terhadap nasib negara, bangsa, agama dan masyarakat. Berdosa hukumnya membiarkan negara lemah dan mundur tanpa berusaha mengatasinya.

C. Pemimpin Yang Cacat (Rosak)

Kepimpinan yang cacat (rosak) menurut pandangan Islam bermula dari peribadi pemerintah yang jahat. Mereka tidak beriman dan bertaqwa atau lemah imannya kerana sangat cuai mengusahakannya. Akibatnya, akhlak mereka buruk sekali. Mereka sombong, takabur dan angkuh dengan rakyat atau pada pengikutnya, bakhil dan tamak dengan harta, kasar dan pemarah, hasad dengki dan pendendam dan lain-lain perangai buruk dan jahat.

Hidup mereka bukan berjuang untuk pembangunan negara dan rakyat atau jemaahnya. Tetapi hidup berfoya-foya, bermewah-mewah dan membazir wang negara. Rakyat yang tidak sebulu ditindas dan dizalimi. Mereka telah menyalahgunakan kuasa dengan sewenang-wenangnya. Lagi cerdik mereka ini, lagi hebat kejahatan yang dilakukan. Lagi kuat jiwanya, lagi biadab mereka dengan ALLAH dan zalim terhadap rakyat dan harta negara.

Demikianlah bagi pemerintahan yang tidak beriman dan tidak bertaqwa serta jahil dengan ajaran Al Quran dan Sunnah. Negara atau jemaah dalam pimpinan mereka akan hidup segan, mati tidak mahu. Rakyat hidup tanpa pimpinan, terbiar dan hidup tidak menentu tujuannya. Jauh sekali daripada menjadi manusia-manusia soleh yang dikehendaki oleh Islam. Mungkin sedikit sebanyak ada kemajuan dan pembangunan lahiriah tetapi rakyat atau pengikutnya hidup* dengan memburu dunia lebih dari Akhirat.

Biasanya, bila pemerintah sudah kejam, zalim dan berfoya-foya lama-kelamaan beriakulah huru-hara dalam negara. Sesama pemerintah saling bersengketa kerana rebutkan harta kekayaan. Rakyat yang cerdik sudah berharap-harap agar diganti saja pemerintah yang ada. Para pengampu dan penjilat akan menghasut pemerintah bertindak terhadap penentang-penentangnya. Dengan harapan mereka mendapat upah dan keistimewaan hidup di sisi tuannya. Maka dipuja dan dipujilah pemerintah yang sudah rosak itu. Akibatnya kege-

lisahan dan ketegangan hidup terasa di mana-mana dalam negara. Waktu ini biasanya macam-macam bala bencana berlaku dalam negara untuk membuatkan setiap hati merasakan sesuatu perubahan dalam pemerintahan mesti berlaku. Kerana pemerintahan yang ada sudah hilang wibawa dan keberkatannya.

Dalam pandangan Islam, pemerintah begini patut dinasihati oleh ulama-ulama agar mereka insaf, bertaubat dan segera mengubah sikap. Sekiranya pemerintah atau pemimpin tidak mengubah sikap mereka wajib pilih orang lain yang lebih baik, yang lebih bertaqwa untuk mengendalikan urusan memerintah negara. Supaya negara dan rakyat, jemaah dan pengikut selamat dan mereka pun selamat. Tetapi kiranya mereka berdegil dan para ulama pula mengampu, biasanya mereka akan jatuh juga dalam keadaan terhina. Sama ada oleh bencana-bencana yang ALLAH timpakan hingga mereka hilang lenyap dari muka bumi ALLAH ini.

Lihatlah firman ALLAH dalam surah Al An'am:

أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَبْلِهِم مِّن قَرْنٍ مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ
مَا لَمْ نُمَكِّن لَّكُمْ وَأَرْسَلْنَا ٱلسَّمَآءَ عَلَيْهِم مِّدْرَارًا وَجَعَلْنَا
ٱلْأَنْهَٰرَ تَجْرِى مِن تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَٰهُم بِذُنُوبِهِمْ وَأَنشَأْنَا مِنۢ
بَعْدِهِمْ قَرْنًا ءَاخَرِينَ

Apakah mereka tidak memperhatikan berapa banyaknya generasi-generasi ***yang*** telah KAMI binasakan ***sebelum*** mereka. Padahal (generasi itu) telah KAMI teguhkan kedudukan mereka di muka bumi iaitu keteguhan yang ***belum pernah KAMI berikan padamu, dan KAMI curahkan*** hujan yang lebat atas mereka ***dan*** KAMI jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka. Kemudian KAMI binasakan mereka kerana dosa mereka ***sendiri dan*** KAMI ***ciptakan sesudah mereka generasi*** yang lain.

_(Al An'am: 6)

Atau mereka ini akan jatuh terhina dengan cara-cara yang lain. Dan ALLAH berkuasa melakukannya.

Bab 6

Pemerintah Yang Adil

DUNIA merindui pemerintah yang adil, kerana hanya pemerintah yang adil saja yang dapat membawa perpaduan, keamanan, kedamaian, kemakmuran serta pengampunan ALLAH kepada penghuni dunia ini. Hari ini dunia tidak aman, tidak ada perpaduan, tidak ada kemakmuran yang menyeluruh dan jauh sekali dari mendapat keampunan ALLAH. Mengapa saya katakan dunia kini tidak ada perpaduan, tidak ada keamanan, tidak ada kemakmuran dan tidak diampunkan oleh ALLAH?

Sebab kalaulah dunia ini aman kerana dipimpin dan dididik oleh pemerintah yang adil, yang melahirkan manusia yang hidup di dalamnya penuh dengan keimanan, ketaqwaan, ketenangan, kelegaan, kepuasan dan kebahagiaan, ia sudah tentu sunyi dari kegelisahan, krisis, ketegangan, kesempitan dan penderitaan. Manusia dari semua lapisan dan golongan saling berkasih sayang, bertolong bantu, hormat-menghormati, bertolak-ansur, maaf-bermaafan, bekerjasama, boleh duduk bersama dan doa-mendoa. Ini kerana hati manusia sudah dibersihkan oleh pemimpin atau pemerintahnya atau melalui pendidikan, dari segala hasad dengki, dendam, sombong, bakhil, tamak, gila dunia, gila puji, gila pangkat dan lain-lain lagi. Bila hati tidak kotor lagi, manusia jadi orang-orang yang merendah diri sesamanya, pemurah, pemaaf, berkasih sayang, bertolak-ansur, mencintai kebenaran dan memburu kebaikan. Alangkah tenang dan amannya dunia ini

waktu itu. Yakni mengulangi sejarah kehidupan generasi salafussoleh.

Saya katakan dunia kini tidak makmur kerana manusia sedang merasakan tidak cukup dengan segala apa yang ada padanya. Orang kaya pun merasa tidak cukup dan tidak puas. Apalagi orang miskin. Orang yang memiliki berpuluh-puluh buah banglo mewah pun tidak puas-puas. Orang yang bergaji besar pun masih tidak cukup dengan gajinya. Hampir tidak ada seorang pun manusia kini yang sudah tidak mahu ambil apa-apa lagi dari harta dunia ini.

Sebab itu tabung-tabung kebajikan dan baitul ma1 kosong. Sedangkan dalam masyarakat yang makmur, yang pernah wujud dulu itu, di bawah pemerintah yang adil, semua orang berebut-rebut mengisi tabung kebajikan dan baitul ma1 terutama orang kaya. Mereka lebih suka memberi daripada menerima. Sebab itu negara dan masyarakat jadi begitu makmur dengan harta yang berlebihan dalam tabung-tabung kepunyaan masyarakat. Individu-individunya merasa kaya, cukup dan puas dengan apa yang ada.

Hari ini kalau manusia boleh berubah menjadi orang-orang yang suka memberi dari menerima, cukup dengan harta yang sedikit, apatah lagi harta yang banyak, tentunya segala kekayaan individu akan jadi milik masyarakat, memenuhi tabung-tabung kebajikan dan baitul mal. Tidak akan ada yang terlalu kaya dan tidak ada yang terlalu miskin. Semua merasa cukup keperluannya dan kemakmuran negara terasa dan dikecapi oleh semua. Hari ini orang yang paling kaya pun tidak rasa cukup kerana hatinya dengan ALLAH dan pautan pada Akhirat telah terputus sama sekali.

Mana ada negara di dunia hari ini yang ada padanya harapan pengampunan dari ALLAH? Sedangkan syarat ini penting sekali dipenuhi oleh sesebuah negara demi tercapainya negara yang bersih dari sebarang maksiat dan mungkar. Selagi negara itu belum dapat mengawal dan membersihkan sebarang maksiat dan mungkar, bolehkah dibanggakan negara itu sebagai negara yang baik? Bolehkah pemerintahnya

disebut sebagai pemerintah yang adil?

Demi tercapainya sebuah negara yang aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH inilah maka kita amat memerlukan pemerintah yang adil. Erti adil itu apa? Adil mengikut pengertian biasa dan mengikut istilah bahasa ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya. Misalnya kopiah dipakai **di** kepala, kasut dipakai di kaki, itulah adil namanya. Tapi kalau kasut dijunjung, kopiah dipijak, itu tidak adil namanya atau tidak cocok dan tidak kena tempatnya. Demikianlah seterusnya.

Namun dalam konteks pemerintah yang adil, keadilan tidak lagi boleh disandarkan pada pengertian menurut istilah bahasa atau pengertian biasa yang tersebut itu. Sebab ia tidak cukup luas untuk mencakup seluruh bidang dan gelang gang pemerintah dalam negara.

Pengertian **adil menurut syariat Islam ialah menjalankan hukum-hakam ALLAH pada sebarang tindak-tanduk, pembangunan, percakapan dan hukuman** (yang hendak dijatuhkan kepada pesalah). Dengan kata lain, keadilan itu terbahagi kepada beberapa bahagian:

1. Menjalankan aktiviti dalam semua tindak-tanduk serta dalam semua sistem hidup seperti pendidikan, ekonomi, kesihatan, pertanian, pentadbiran dan lain-lain, selaras dengan syariat Islam.

2. Membentuk atau mendidik insan supaya menjadi hamba dan khalifah ALLAH serta meletakkan mereka tepat pada tempatnya sesuai dengan kebolehan, kemampuan dan peranan masing-masing. Dan memberi peluang untuk mereka menyumbangkan kreativiti asalkan tidak melanggar syariat.

3. Menjalankan hukum-hakam ALLAH iaitu hukum hudud, qisas dan ta'zir dalam sebarang hukuman yang hendak dijatuhkan kepada pesalah.

4. Sebarang tindakan dan hukuman syarak itu hendaklah dijalankan kepada sesiapa saja dan pada semua golongan

tanpa kecuali termasuk menteri-menteri, raja-raja dan hakim-hakim.

5. Membahagi-bahagikan harta benda negara dan kemudahan untuk rakyat dan pembayaran dengan tepat mengikut keperluan dan tanggungjawab, tanpa pembaziran dan sia-sia.

6. Diri peribadi para pemerintah juga selaku warga negara tidak boleh terkeluar atau terkecuali dari langkah-langkah atau hukum-hukum keadilan yang telah digariskan dalam negara. Pemerintah bukan golongan istimewa terhadap tuntutan-tuntutan melaksanakan hukum-hukum ALLAH. Semua orang sama sahaja di sisi ALLAH sekalipun dia seorang raja, presiden atau perdana menteri. Kalau bersalah mesti dihukum. Kalau tidak bersalah mesti dilepaskan dari hukuman.

Perlu diingat bahawa pemerintah umpama ayah terhadap rakyat. Kalau ayah tidak pernah menuntut apa-apa dari anak-anak yang dibesarkan, demikianlah pemerintah, tidak mencari keuntungan apa-apa dalam menjalankan tanggungjawabnya terhadap rakyat. Juga tidak mengungkit-ungkit jasa **mereka** kepada rakyat.

Huraian Keadilan Dalam Konteks Pemerintahan

Keadilan yang dituntut oleh Islam terhadap. orang yang bersedia memikul amanah memerintah negara seperti yang saya senaraikan di atas, dapat dihuraikan seperti berikut:

1. Pemerintah yang adil itu dapat selaraskan semua tindak-tanduk dengan hukum fardhu dan sunat yang telah ditentukan oleh ALLAH. Serta dapat hindarkan perkara-perkara yang haram dan makruh. Termasuk dalam tuntutan ini . semua kerja-ketja pembangunan di bidang ekonomi, pendidikan, kesihatan, pertanian, kebudayaan, pentadbiran, sosial, politik dan lain-lain lagi. Pemerintah yang gagal menepati syarat ini dikira sebagai pemerintah yang zalim terhadap

hukum ALLAH dan segala tindakan dan sumbangannya tidak bernilai di sisi ALLAH.

Sebaliknya pemerintah yang taat pada ALLAH, menegakkan hukum-hukum wajib dan sunat dan menjauhi perkara yang haram dan makruh dalam pemerintahan di semua aspek, dalam melayan rakyat yang berbagai-bagai itu, adalah pemerintah yang berjaya menegakkan hukum dan tamadun Islam. Usaha-usahanya menjadi ibadah. **Lagi banyak pembangunan dilakukan ertinya lagi banyak ibadahnya pada ALLAH dan lagi hebat kemajuan dan tamadun berlaku dalam negara.** Di Akhirat, pemerintah yang adil ini akan menerima ganjaran pahala yang besar di sisi ALLAH. Layaklah Syurga untuk tempat istirahatnya.

2. Para pemerintah mesti mempastikan semua rakyatnya terdidik dan terpimpin. Rakyat tidak boleh dibiarkan tanpa didikan dan pimpinan. Rakyat yang Islam mesti diasuh dengan iman dan syariat Islam. Mereka mesti diajar tentang dunia dan Akhirat. Yakni supaya sesuai dengan keyakinan mereka bahawa hidup di dunia cuma sementara, hidup di Akhirat yang kekal abadi. Dan kepada rakyat yang bukan Islam mesti diusahakan supaya Islam (selamat) secara berhikmah, bukan dipaksa.

Selama ini dalam pemerintahan-pemerintahan di negara-negara umat Islam di dunia, rakyat yang Islam dibiar untuk hidup memburu dunia semata-mata tanpa memburu Akhirat yang maha tinggi itu. Ilmu dunia diberi setinggi-tingginya tetapi ilmu Akhirat dicatu dan dipersempitkan atau tidak dikisahkan langsung. Akibatnya, umat Islam tidak jadi betul-betul Islam. Rakyat jadi umat yang hanyut dalam jahiliah sekularisme, hidup tanpa identiti dan tanpa pembangunan tamadun Islam yang gagah dan agung.

Rakyat yang sudah diberi ilmu dunia dan Akhirat, hendaklah pula disusun atur peranan dan bidang tugas masing-masing di kedudukan yang tepat. Supaya tidak ada rakyat yang tercicir, menganggur, membuang tenaga dan sia-sia.

Setiap rakyat mesti ada tugas sesuai dengan profesyennya sebagai sumbangan kepada negaranya di samping mendapat rezeki yang halal.

Pemerintah juga mesti memberi peluang atau kebebasan kepada rakyat untuk berkreativiti, selagi kerja itu tidak bertentangan dengan syariat. Kalau ianya bertentangan dengan syariat, pemerintah mesti tegas menghalangnya. Kerajaan yang membenarkan pertunjukan-pertunjukan maksiat oleh keluarga-keluarga diraja atau oleh pihak yang ada kepentingan kepada mereka atau pihak keluarga, sebaliknya hanya menghalang perkara yang haram itu dari orang-orang bawahan adalah pemerintah yang tidak adil.

3. Pemerintah mesti menjalankan hukum ALLAH. Yakni hukum hudud dan hukum ta'zir. Hukuman-hukuman ini diputuskan oleh mahkamah terhadap pesalah-pesalah tanpa mengira siapakah yang bersalah itu. Sama ada raja **atau** rakyat jelata, orang kaya atau miskin, berjawatan besar atau berjawatan kecil, semuanya mesti dihukum bila bersalah. Dan semuanya mesti dibebaskan kalau tidak bersalah.

Hukuman-hukuman ALLAH ini adalah hukuman yang adil. Kadar hukumannya tepat dengan kadar kesalahan yang dilakukan. Sebab itu ianya amat berkesan untuk membuatkan pesalah serik dan berhenti dari kesalahannya. Orang yang melihat pun tidak akan berani untuk melakukan kesalahan tersebut. Untuk huraian panjang lebar sila rujuk buku saya **FALSAFAH PERLAKSANAAN HUKUM HUDUD DALAM MASYARAKAT.**

4. Pemerintah yang adil cukup berhati-hati dalam masalah harta negara dan rakyat. Harta yang begitu banyak yang diserahkan padanya, adalah amanah yang mesti dipikul dengan sebaik-baiknya. Harta itu mesti digunakan dan disalurkan dengan sebaik-baiknya tanpa mengambil apa-apa kepentingan. Kita hairan lumrah berlaku, para pemerintah tergamak mengambil gaji yang sangat besar, menimbun wang di bank-bank dan membuat berbagai-bagai harta seelok mereka

jadi orang besar negara.

Lumrah di mana-mana negara di dunia kini, pemerintah dan pembesarnya menjadi kaya-raya apabila memegang jawatan tersebut. Seolah-olah jawatan itu satu peluang untuk cari harta benda. Seolah-olah bila jadi pemerintah seseorang berhak untuk mengaut harta negara untuknya. Seolah-olah memerintah itu satu 'bisnes' yang sangat menguntungkan. . Atau seolah-olah ladang yang memberi hasil lumayan.

Dalam Islam, seperti yang dipraktikkan oleh **Rasulullah** dan **Khulafa'ur Rasyidin,** pemerintah ialah khadam yang berkhidmat untuk rakyat. Mereka bukan saja tidak mengambil harta rakyat yang diamanahkan, bahkan harta-harta mereka pun dikorbankan untuk kepentingan negara dan rakyat. Mereka hidup lebih zuhud daripada rakyat bahkan mati tidak meninggalkan apa-apa untuk dipusakakan pada waris-warisnya.

Ertinya dalam Islam, kepimpinan atau pemerintahan ialah perjuangan atau lambang khidmat yang membahagi-bahagi dan mengagih-agihkan keperluan untuk membina negara yang aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH, sepertimana yang ALLAH syaratkan. Maka untuk mendapatkannya, pemerintah perlu lakukan segala upaya dan pengorbanan. Mereka mesti buktikan pada ALLAH kejujuran mereka menerima amanah yang besar itu. Kalau mereka gagal bererti mereka tidak lulus dalam ujian, dan hukuman ALLAH amat berat sama ada di dunia atau di Akhirat.

Sebab itu **Sayidina Umar Ibnu Khattab** sewaktu jadi pemerintah, di satu musim kemarau telah bersumpah untuk tidak makan kecuali minyak zaitun dan roti. Beliau tidak mahu rakyatnya susah. Beliau ingin untuk sama-sama menanggung dan merasai masalah rakyat. Hingga kerana itu, wajahnya jadi kekuningan kerana hanya memakan minyak zaitun.

Hal ini tidak berlaku dalam konsep pemerintahan sekular. Yang para pemerintahnya telah menjadikan tugas kepimpinan sebagai perlumbaan untuk menjadi kaya-raya. Perihal

nasib rakyat dan negara adalah soal berikutnya yang dirasakan tidak akan ada siapa yang akan meminta mereka pertanggungjawabkan. Maka jadilah di dunia kini si kaya menekan si miskin. Orang besar menelan orang kecil. Negara kaya, kaya sekaya-kayanya; negara miskin, miskin semiskin-miskinnya. Mana ada negara yang betul-betul aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH hari ini? Sekalipun negara yang kaya apalagi yang miskin.

Kalaulah pemerintah-pemerintah orang Islam kembali mengamalkan sistem pemerintahan Islam, barulah mungkin umat Islam jadi empayar sekali lagi. Tetapi selagi pemerintah hidup kaya-raya, rakyat terbiar, negara berhutang, nasib disandarkan pada musuh, sistem hidup meniru cara Barat, rakyat tidak dididik dengan iman dan Islam, selama itulah negara-negara umat Islam tidak akan bersatu, aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH. Bukan saja tidak boleh jadi negara maju bahkan akan terus dijajah lahir batinnya. Firman ALLAH dalam surah Al An'am:

وَهُوَ ٱلَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ ٱلْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ
بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِي مَآ ءَاتَىٰكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ
ٱلْعِقَابِ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

Dan DIA-lah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan DIA meninggikan sebahagian kamu *dari sebahagian* yang lain beberapa darjat untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-NYA padamu Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat seksaan-NYA dan sesungguhnya DIA Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Al An'am: 165)

5. Pemerintah dan keluarga mereka tidak boleh dikecualikan dari segala peraturan dan hukuman dalam negara. Rasulullah pernah bersabda:

لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقَطَعْتُ يَدَهَا

Kalaulah Fatimah ***anak*** Muhammad mencuri, pasti kupotong tangannya.

(Riwayat Muslim)

Sabda Rasulullah lagi,

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَتَشْفَعُ فِى حَدٍّ مِنْ حُدُوْدِ اللهِ، ثُمَّ قَامَ فَخَطَبَ فَقَالَ: أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِكُمْ أَنَّهُمْ كَانُوْا إِذَا سَرَقَ فِيْهِمُ الشَّرِيْفُ تَرَكُوهُ، وَإِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الضَّعِيْفُ أَقَامُوْا عَلَيْهِ الْحَدَّ

Dari Aisyah r.ha bahawa Rasulullah SAW bersabda: Apakuh ***kamu*** meminta kecuali dari hukuman ***hudud?*** Kemudian baginda bangun lalu berucap, sabdanya: Wahai manusia sesungguhnya binasa mereka yang sebelum kamu ialah kerana apabila orang temama di kalangan mereka mencuri didiamkan saja, ***tapi apabila orang*** bawahan mencuri lalu dihukum hudud.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Maknanya dalam Islam siapa saja yang bersalah mesti dihukum dengan seimbang, sekalipun ia dari keluarga diraja atau dari keluarga pemerintah. ALLAH berfirman lagi dalam surah Al An'am:

وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا

Dan apabila kamu berkura (dalam memutuskan hukuman) maka berlaku ***adillah walaupun*** dia adalah kerabatmu dan ***penuhilah janji*** ALLAH (perintah-perintah-NYA) .

(Al An'am: 152)

Pemerintah yang melindungi dirinya, keluarga, klik-kliknya dan golongan diraja dari hukuman adalah pemerintah yang tidak adil dan tidak jujur dalam menegakkan kebenaran dan kebaikan. Sebab membiarkan pesalah tanpa dihukum sebenarnya membenarkan dia terus jahat dan terbiar (tidak dididik). Selain dari itu, rakyat yang terhukum, akan sentiasa tidak puas hati kerana ada orang lain yang juga bersaiah tapi dilepaskan atau dilindungi dari hukuman hanya kerana dia dari keluarga pemerintah atau keluarga diraja. Hal ini membuatkan rakyat jadi liar dan tidak puashati dengan pemerintah. Bila keadaan-keadaan ini berlaku dalam sebuah negeri atau negara; hilanglah barakahnya dan berlakulah bermacam-macam masalah yang tidak dapat dikawal.

Menurut Islam, sebuah pemerintahan yang tidak adil, akan jatuhlah ia kepada salah satu hukum fasiq, zalim atau kafir. Bergantunglah kepada bentuk-bentuk atau sebab-sebab penolakan mereka kepada hukum-hukum ALLAH. Namun dalam ha1 ini, perlu saya ingatkan bahawa dalam Islam, hukum fasiq, zalim dan kafir ini bukan sahaja ditujukan kepada pemerintah yang menolak hukum ALLAH. Tetapi siapa juga kalau menolak hukum ALLAH **sama** ada dalam diri, rumahtangga atau jemaah, jatuhlah ia ke dalam salah satu hukuman itu.

Rakyat juga tidak boleh mengata-ngata pada pemerintah yang tidak adil saja. Kerana pemerintah itu naik dari rakyat. Bagaimana rakyat, begitulah pemerintah. Sebaik-baiknya kedua-dua rakyat dan pemerintah taat pada ALLAH, barulah terbentuk keadilan yang sempuma. Berjayanya Khulafa'ur Rasyidin melaksanakan pemerintahan yang adil adalah kera**na** rakyat mereka secara umum orang-orang soleh dan solehah. Yakni orang yang berlaku adil pada diri masing-masing. Rakyat sangat membantu dalam menjalankan atau mengingatkan pemerintah kepada keadilan. Sebab itu pernah seorang pemerintah bernama Makmun mengingatkan rakyatnya:

> "Kamu meminta aku menjalankan pemerintahan yang adil seperti yang dilakukan oleh **Sayidina Abu Bakar** dan **Sayidina Umar.** Maka untuk itu kamu sendiri hendaklah menjadi sebagaimana rakyat kedua-duanya yakni rakyat yang baik."

Ya, rahsia utama untuk membangunkan pemerintahan yang adil adalah **mengusahakan taqwa di pihak pemerintah dan rakyat.** Sebab itu, bagi mereka yang merindukan negara adil, aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH, taqwa mesti disediakan sebagai **tapaknya** oleh pemerintah dan juga rakyatnya.

Bab 7

Pemerintahan Islam Yang Tidak Berwibawa

DALAM surah Al A'raf ALLAH berfirman:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ
سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ

Tiap-tiap umat mempunyai ajal (tiap-tiap bangsa mempu-***nyai*** batas waktu kejayaan atau keruntuhan) ; maka apa-***bila telah dating ajalnya mereka tidak dapat*** mengundur-kunnya barang sesaat pun dan tidak (pula) dapat melan-jutkan masanya.

(Al A'raf: 34)

Sudah menjadi Sunnatullah bahawa hidup ini sama ada individu, jemaah, kerajaan atau empayar berada di antara pergiliran jatuh dan bangun. ALLAH-lah yang menjatuhkan dan ALLAH jugalah yang berkuasa menaikkan, dengan sebab-sebab yang ALLAH jua tentukan. Biasanya naik dan gagahnya sesebuah kerajaan adalah disebabkan oleh dua faktor, yakni taqwa dan quwwah. Manakala jatuh dan hina sesebuah kerajaan adalah disebabkan oleh kelemahan taqwa atau quwwah itu. Dengan kata lain, naiknya sesuatu kerajaan itu adalah kerana kewibawaannya, manakala kejatuhannya terjadi kerana ia tidak lagi berwibawa.

Kewibawaan pemerintahan Islam adalah terletak pada

taqwa. Manakala kewibawaan pemerintah bukan Islam tergantung pada quwwah. Pemerintah yang bertaqwa itu di antara cirinya ialah:

1. Mempunyai akhlak-akhlak yang baik seperti jujur, zuhud, pemurah, penyayang, tawadhuk, pemaaf, tegas, berani, cinta ALLAH dan lain-lain menjadikan mereka peribadi contoh untuk rakyat.

2. Sangat berkhidmat untuk rakyat, hingga semua rakyat terasa mendapat hak dan layanan yang sama mengikut keperluan dan kemudahan yang sesuai dengan kewajipan dan kepentingan masing-masing, yang tidak pula melanggar syariat. Harta rakyat yang diamanahkan tidak dikhianati dan tidak disia-siakan.

3. Mampu memimpin dan mendidik rakyat (yang Islam) untuk jadi manusia berilmu, berakhlak dan berjuang. Manusia yang selamat dunia dan Akhirat. Hingga pemerintah benar-benar dirasakan penyelamat. Kesan pimpinannya, terbina tamadun insaniah dan tamadun material dalam negara. Yakni tamadun Islam yang unik dan menakjubkan dunia.

4. Di bawah pemerintahan yang bertaqwa, bantuan ALLAH yang diterima akan menyelesaikan banyak masalah, dan tipu daya musuh dapat diatasi.

5. Dengan akhlak, khidmat, pimpinan, didikan dan rahmat ALLAH, maka pemerintah sangat dikasihi oleh rakyat. Kasih murni kepada orang yang dianggap berjasa, pembela dan penyelamat. Kata-kata pemimpin ditaati dan dipatuhi sepenuh hati. Kesilapan pemimpin dimaafkan dan didoakan. Masalah pemimpin dipikul dan dibebani bersama. Rakyat sanggup berganding bahu dan berkorban apa saja demi mempertahankan negara dan pemimpin yang dicintai. Di waktu negara-negara kekurangan Wang, mereka rela berkorban Wang, bahkan di waktu musuh mengancam, mereka rela menggadai nyawa secara sukarela demi mempertahankan negara.

ghaib, maka umumnya para pemerintah itu hatinya terus-menerus jahat dan akhlaknya bejat. Hati penuh dengan sombong, takabur, tamak, gila dunia, dendam, pemarah, hasad, mementingkan diri dan lain-lain yang semua itu diperturutkan menjadi sikap dan akhlak lahir mereka.

Mereka memerintah dengan sombong, mementingkan diri, mengambil kepentingan, menindas, menzalim terutama pada orang yang tidak sebulu dengan mereka, dan membiarkan masyarakat dan negara tanpa pimpinan dan didikan yang sempurna menurut Islam sama ada tidak bertanggungjawab atau tidak faham mendidik rakyat. Hanya semata-mata memikirkan kemajuan material atau kemajuan dunia sahaja.

3. Ilmu-ilmu tentang kepimpinan dan pendidikan kepada rakyat tidak jelas dasar dan matlamatnya. Ertinya mereka memimpin dan mendidik dalam keadaan yang tidak menentu halanya dan kabur arahnya. Kadang-kadang macam meniru-niru dan terbawa-bawa oleh isu semasa. Mereka seakan mencuba-cuba dalam proses trial and error dengan visi atau wawasan yang berubah-ubah dari masa ke semasa. Sedang kan negara dan rakyat jadi mangsanya.

Panduan-panduan bertulis untuk memerintah hingga berjaya dengan dirujuk pada satu model pemerintah yang pernah berjaya, itu tidak ada dan tidak dibuat. Seolah-olah memerintah ini ialah satu proses percubaan yang belum pernah selesai. Yang hasilnya belum boleh ditentukan. Sedangkan dalam Islam, semuanya sudah ditunjukkan oleh ALLAH dan Rasul dan pernah berlaku di zaman salafussoleh, kita tinggal meniru saja.

4. Perpaduan dan kasih sayang antara satu sama lain tidak terpupuk. Bahkan terhadap pemimpin dan sesama satu jemaah atau satu parti pun, hati tidak ada kasih sayang. Memang semua orang canangkan perpaduan dan kasih sayang, tapi hampir-hampir tidak ada yang berhasil. Sebab cara dan matlamatnya tidak betul.

Bila kasih sayang tidak wujud, ertinya ikatan hati antara

taqwa. Manakala kewibawaan pemerintah bukan Islam tergantung pada quwwah. Pemerintah yang bertaqwa itu di antara cirinya ialah:

1. Mempunyai akhlak-akhlak yang baik seperti jujur, zuhud, pemurah, penyayang, tawadhuk, pemaaf, tegas, berani, cinta ALLAH dan lain-lain menjadikan mereka peribadi contoh untuk rakyat.

2. Sangat berkhidmat untuk rakyat, hingga semua rakyat terasa mendapat hak dan layanan yang sama mengikur keperluan dan kemudahan yang sesuai dengan kewajipan dan kepentingan masing-masing, yang tidak pula melanggar syariat. Harta rakyat yang diamanahkan tidak dikhianati dan tidak disia-siakan.

3. Mampu memimpin dan mendidik rakyat (yang Islam) untuk jadi manusia berilmu, berakhlak dan berjuang. Manusia yang selamat dunia dan Akhirat. Hingga pemerintah benar-benar dirasakan penyelamat. Kesan pimpinannya, terbina tamadun insaniah dan tamadun material dalam negara. Yakni tamadun Islam yang unik dan menakjubkan dunia.

4. Di bawah pemerintahan yang bertaqwa, bantuan ALLAH yang diterima akan menyelesaikan banyak masalah, dan tipu daya musuh dapat diatasi.

5. Dengan akhlak, khidmat, pimpinan, didikan dan rahmat ALLAH, maka pemerintah sangat dikasihi oleh rakyat. Kasih murni kepada orang yang dianggap berjasa, pembela dan penyelamat. Kata-kata pemimpin ditaati dan dipatuhi sepenuh hati. Kesilapan pemimpin dimaafkan dan didoakan. Masalah pemimpin dipikul dan dibebani bersama. Rakyat sanggup berganding bahu dan berkorban apa saja demi mempertahankan negara dan pemimpin yang dicintai. Di waktu negara-negara kekurangan Wang, mereka rela berkorban Wang, bahkan di waktu musuh mengancam, mereka rela menggadai nyawa secara sukarela demi mempertahankan negara.

Demikianlah peranan kasih dan cinta. Bila rakyat sudah merasainya, mereka tidak perlu diarah-arah dan dipaksa-paksa untuk membuktikan tanggungjawab mereka. Sedangkan rakyat yang tidak diikat dengan kasih sayang pada negara dan pemimpin akan mengata-ngata pemimpin di belakangnya, bekerja kerana upah bahkan menipu untuk melepas diri dari tugas dan tanggungjawab.

Sesungguhnya, kebanyakan pemerintah yang beragama Islam di negara-negara di dunia hari ini, tidak menikmati, nikmat kasih sayang rakyat sebagaimana sepatutnya. Puncanya kerana pemerintah itu sendiri tidak berwibawa. Kerana mereka tidak bersungguh-sungguh bertaqwa. Mereka lupakan ALLAH, ALLAH lupakan mereka. Mereka tidak serius dengan rakyat, maka rakyat pun main-main dengan mereka. Mereka bermewah-mewah dan berfoya-foya, maka rakyat pura-pura setuju dan taat di depan tapi tidak di belakang.

Hari ini sudah jadi lumrah, pemimpin dihina-hina, dicaci maki oleh rakyat. Tapi dalam pada itu, mereka (rakyat) memuji-muji di depan untuk mengharapkan peluang-peluang hidup dan kepentingan mereka. Walhal di waktu lain mereka bagaikan musuh, yang memihak kepada musuh untuk memburuk-burukkan pemimpin atau menjatuhkannya.

Itulah nasib pemerintah yang tidak lagi berwibawa. Kesilapan-kesilapan yang mereka lakukan di antaranya ialah:

1. Mereka tidak lagi merujuk perihal kehidupan dan pemerintahan mereka kepada ALLAH dan Rasul yakni kepada Al Quran dan Sunnah. Mereka menganut fahaman dari ideologi yang dibikin oleh manusia sama ada secara sedar Gahupun tidak. Tapi dalam pada itu tetap mengaku menganut Islam. Yakni mengaku menerima Al Quran dan Sunnah sebagai pegangan hidup. Yang mana sepatutnya sebagai seorang Islam, mereka tidak perlu pada sebarang ideologi lain.

2. Oleh kerana ideologi-ideologi itu sempit, tidak termasuk di dalamnya cara-cara membaiki hati dan akhlak manusia. Lebih-lebih lagi tidak ada hubungan dengan hal-ha1

ghaib, maka umumnya para pemerintah itu hatinya terus-menerus jahat dan akhlaknya bejat. Hati penuh dengan sombong, takabur, tamak, gila dunia, dendam, pemarah, hasad, mementingkan diri dan lain-lain yang semua itu diperturutkan menjadi sikap dan akhlak lahir mereka.

Mereka memerintah dengan sombong, mementingkan diri, mengambil kepentingan, menindas, menzalim terutama pada orang yang tidak sebulu dengan mereka, dan membiarkan masyarakat dan negara tanpa pimpinan dan didikan yang sempuma menurut Islam sama ada tidak bertanggungjawab atau tidak faham mendidik rakyat. Hanya semata-mata memikirkan kemajuan material atau kemajuan dunia sahaja.

3. Ilmu-ilmu tentang kepimpinan dan pendidikan kepada rakyat tidak jelas dasar dan matlamatnya. Ertinya mereka memimpin dan mendidik dalam keadaan yang tidak menentu halanya dan kabur arahnya. Kadang-kadang macam meniru-niru dan terbawa-bawa oleh isu semasa. Mereka seakan mencuba-cuba dalam proses trial and error dengan visi atau wawasan yang berubah-ubah dari masa ke semasa. Sedangkan negara dan rakyat jadi mangsanya..

Panduan-panduan bertulis untuk memerintah hingga berjaya dengan dirujuk pada satu model pemerintah yang pernah berjaya, itu tidak ada dan tidak dibuat. Seolah-olah memerintah ini ialah satu proses percubaan yang belum pernah selesai. Yang hasilnya belum boleh ditentukan. Sedangkan dalam Islam, semuanya sudah ditunjukkan oleh ALLAH dan Rasul dan pemah berlaku di zaman salafussoleh, kita tinggal meniru saja.

4. Perpaduan dan kasih sayang antara satu sama lain tidak terpupuk. Bahkan terhadap pemimpin dan sesama satu jemaah atau satu parti pun, hati tidak ada kasih sayang. Memang semua orang canangkan perpaduan dan kasih sayang, tapi hampir-hampir tidak ada yang berhasil. Sebab cara dan matlamatnya tidak betul.

Bila kasih sayang tidak wujud, ertinya ikatan hati antara

kedua pihak tidak wujud. Oleh itu dengan apa rakyat ,akan taat dan setia? Bahkan dengan orang-orang separtai pun begitu juga. Akhimya pemimpin dengan halnya, rakyat pula dengan halnya. Hampir-hampir tiada hubungan lagi antara rakyat dengan pemerintah. Rakyat tidak rasa yang dia ada pemimpin. Kalau ada pun macam tak ada, tidak perlu apa-apa. Kesilapan pemimpin dicaci-cerca.

Masalah negara dibeban pada pemimpin saja. Musuh negara tidak dirasa musuhnya. Kalau perlu, dia berpihak pada musuh. Rakyat merasa mereka tidak ada apa-apa tanggungjawab terhadap pemimpin dan negara. Sebab itu pemimpin sendirian dalam program pembangunan. Rakyat tidak turut membangun, menunggu saja pembangunan oleh pemerintah, tanpa melakukan pembangunan dua hala. Sebaliknya sewaktu-waktu rakyat meruntuhkan pembangunan. Itulah akibat gagalnya kepimpinan oleh pemimpin yang tidak berwibawa. Sedangkan sepatutnya pemimpin mendapat nikmat kasih sayang, taat setia dan pengorbanan dari rakyat walaupun dia tidak memintanya, untuk sama-sama merasa negara aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH.

5. Pemerintah yang tidak berwibawa lagi, sesudah tidak dipeduli dan dilupakan oleh rakyat, akhimya bekerja mengaut harta benda negara untuk diri, keluarga serta klik-kliknya. Sebab mereka sudah terasa kemungkinan kuasa bertukar tangan, lalu mengambil peluang terakhir untuk menyedia bekal menjadi orang terbuang yang kaya. Hal ini akan mempercepatkan kejatuhan mereka. Jatuh dalam keadaan terhina di atas kekayaan dan kemewahannya.

Sepatutnya bila diinsafi diri sudah tidak berwibawa, sudah lemah dan sudah tidak dikehendaki oleh rakyat, pemimpin kiri kanan sudah tidak hormat, sudah buat banyak masalah, lebih baik bertaubat dengan ALLAH dan minta maaf dengan rakyat. Kemudian tarik dirilah secara terhormat, dengan mencari pengganti yang berwibawa, yang sesuai dengan selera rakyat. Kalau tidak ada dari dalam jemaah dan parti

sendiri, apa salahnya ambil pemimpin lain yang didatangkan dari luar parti? Yang penting ia lebih berwibawa dan baik serta sebelum dilantik menjadi pemimpin negara, dia sudah pun ada di hati rakyat. Kalau ini dapat dibuat, tentu rakyat akan hormat dan pemerintahannya ditutup dengan cerita indah-indah dan mulia.

Tapi di hari ini, mana ada pemerintah begitu ikhlas? Yang ada ialah pemerintah yang tidak mahu mengaku lemah, sebaliknya tanpa malu-malu tetap mengaku adil, gagah dan cuba sedaya upaya mempertahankan kekuasaannya. Kadang kadang dalam masa yang sama merayu-rayu pada musuhnya. Walaupun mereka tahu sikap itu buruk dan salah, tapi mereka tidak boleh buat lebih baik dari itu. Kerana nafsu cinta dunia, ego dan tamak itu sudah dilayan baik sekian lama. Lalu tidak mungkin ia dapat dijinakkan lagi di saat-saat yang kritikal begitu.

Bab 8

Kelemahan Demokrasi Memilih Pemimpin

HAMPIR semua pemerintah atau pemimpin di dunia kini sama ada orang Islam atau bukan, telah naik melalui pilihan-raya. Yakni hasil undi rakyat jelata di hari membuang undi yang dilakukan beberapa tahun sekali. Mana-mana pemimpin yang dapat lebih undi dari yang lain, dialah yang naik jadi pemerintah untuk negara tersebut. Cara pemilihan pemimpin yang begini adalah cara Barat yang menganut ideologi liberal kapitalisme yang mempraktikkan sistem demokrasi terbuka.

Hal begini adalah berbeza sekali dengan Islam yang merujuk pada Al Quran, Hadis dan ulil amri (ahlul *halli* *wal* "aqdi) Dalam Islam, pemilihan pemimpin dibuat berdasarkan sistem demokrasi terpimpin. Ertinya, **mereka dipilih dari kalangan beberapa orang yang menjadi intipati masyarakat yang dikatakan** ahlul ***halli*** wal ***"aqdi.*** Di antara kedua-duanya, cara Islam dan cara Barat ini, terdapat perbezaan yang jauh. Saya akan membandingkan kedua-dua ini supaya kita dapat melihat kebenaran dan kebijaksanaan sistem Islam.

1. Kita difahamkan kononnya melalui pilihanraya, pemimpin yang naik adalah pilihan oleh majoriti rakyat jelata. Walhal bila diamat-amati, hal itu tidak semestinya berlaku. Katalah dua orang calon bertanding di kawasan yang ada 10 ribu pengundi. A dapat 4500 undi, B dapat 4000 undi dan yang tidak mengundi 1500. Perbezaan antara keduanya cuma

500 undi sahaja. Tetapi yang tidak mengundi seramai 1500. Ertinya A cuma diterima oleh 4500 orang rakyatnya. Manakala 5500 lagi menolak kepimpinannya. Hal ini sebenarnya akan membentuk satu pemerintahan yang tidak stabil. Kerajaannya mudah goyang.

Keadaan akan jadi lebih malang kalau terjadi begini terdapat tiga orang calon yang bertanding di kawasan yang pengundinya ada 10 ribu orang. Keputusannya,

A dapat 3300 undi
B dapat 3300 undi
C dapat 3400 undi

Ertinya C menang dengan penyokongnya 3400 manakala penentangnya kalau dicampur dengan dua calon yang lain ialah 6600. Secara demokrasi, di manakah dikatakan dia naik pasti atas sokongan majoriti? Kerana penentangnya lebih banyak daripada penyokong. Cuba gambarkan dalam sesebuah negara yang penyokongnya sedikit dan penentangnya ramai, macam mana negara itu hendak stabil? Huru-hara selalu terjadi dan kerajaan boleh tumbang dengan mudah.

2. Melalui sistem pilihanraya, semua rakyat disuruh memilih pemimpin termasuklah orang tua yang sudah uzur, orang buta, orang jahil, orang jahat, orang perempuan dan orangeorang yang tidak tahu-menahu mengenai pemimpin dan kepimpinan. Orang-orang begini turut menentukan corak kepimpinan negara. Saya yakin, di sesetengah negara (yang tidak berpelajaran) 95% daripada pengundi yang mengundi itu tidak tahu-menahu tentang dasar pemerintahan parti yang disokongnya. Apakah keputusan mereka menjamin kebaikan dalam pemerintahan? Kalaulah satu parti itu menang hasil sokongan orang-orang jahil ini, apakah parti itu boleh berbangga? Sedangkan yang menentangnya adalah dari kalangan orang cerdik pandai yang boleh menilai sekalipun bilang annya minoriti.

3. Hari ini bermacam-macam golongan manusia yang turut mengundi. Golongan peniaga, petani, buruh, nelayan,

cendekiawan, budayawan, seniman, artis, ahli sukan dan pegawai-pegawai serta lain-lain yang datangnya pula dari berbagai bangsa dan kaum minoriti. Masing-masing golongan ada niat masing-masing. Mereka mengundi satu parti bukan kerana menyokong dasar parti itu. Tetapi kerana marah pada parti lawan.

Sebab itu bila parti yang disokongnya menang, maka mereka akan tuntut hajat-hajat mereka masing-masing. Sepuluh golongan, sepuluhlah perkara yang diminta. Sekalipun yang diminta itu membebankan pemerintah dan rakyat, namun terpaksa dilakukan. Dasar parti yang sebenarnya hilang tenggelam. Pemerintah tidak boleh mencorak negara tetapi rakyatlah yang melakukannya. Pemerintah terpaksa mengikut kehendak-kehendak golongan tadi, bukan mengikut dasar parti serta kepentingan umum lagi. Lebih-lebih lagi kepentingan ALLAH dan Rasul.

4. Bila pengundi itu tidak faham dasar parti yang disokongnya, mereka juga tidak boleh menilai segala penyele‘wengan yang dibuat oleh pemerintah. Ertinya, mereka tidak boleh menegur atau membaiki kesilapan-kesilapan yang berlaku dalam pemerintah. Ini membuatkan pemerintah boleh melakukan apa saja dengan sewenang-wenangnya. Di sini mungkin ada orang berkata, “Itulah perlunya orang-orang yang baik-baik jadi calon”. Saya jawab begini, “Orang baik, tidak pernah mencalon diri. Kenaikan mereka ialah kerana ditonjolkan oleh orang lain melalui cara yang bersih”. Itulah dia ahlul halli wal ‘aqdi. Lagipun mana boleh orang-orang baik menang kalau majoriti rakyat yang mengundi jahat-jahat belaka?

5. Sesetengah orang yang mencalonkan diri untuk jadi pemimpin adalah orang-orang politik yang kebolehan istimewanya ialah pandai berpidato. Cakap-cakapnya membangkitkan semangat dan mempesona orang yang mendengar serta pandai mencari kesalahan-kesalahan dan menuduh orang lain. Ertinya, dia mengaku dirinya baik dan bukan orang lain yang

buat pengakuan tentang kebaikannya. Maka jadilah dia tokoh besar. Perangainya orang tak fikir, cara hidupnya tidak diambil kira, agamanya atau taqwanya tidak dipedulikan, ilmu dan pengalaman serta kecerdikan dan karisma kepimpinan tidak dihitung, kreativiti dan mindanya tidak dinilai, keturunan, latar belakang dan pendidikan yang diterima tidak dikisah.

Pendek kata, syarat-syarat nak jadi pemimpin cuma dinilai pada pandai melobi, pandai bercakap dan pandai mengata orang lain sahaja. Sedangkan memimpin itu bukannya untuk bercakap atau mengata orang sahaja. Sebaliknya memimpin ialah:

a. Mendidik manusia agar jadi hamba ALLAH dan khalifah-Nya. Yakni jadi abid dan mujahid. Jadi orang dunia dan Akhirat. Bukan dunia saja dan bukan Akhirat saja. Untuk itu pemimpin mesti ada ilmu dan pengalaman mendidik yang cukup.

b. Memimpin atau memandu rakyat untuk membangunkan tamadun insaniah dan tamadun material dalam 'negara. Semua tenaga manusia hendak digemblengkan agar sama'-sama membangun dan mencipta tamadun. Jangan ada yang tercicir, menganggur dan hidup tanpa tujuan. Dan jangan sampai negara terbiar, berhutang, dipermainkan atau huru-hara.

c. Menjawab 1001 macam masalah yang timbul dari masa ke masa dan menjawab 1001 tanda tanya yang berbangkit dalam masyarakat. Kalau hal-hal begini tidak diselesaikan, akan kusut dan kucar-kacirlah negara. Maka untuk itu seorang pemimpin perlu sekali mendapat pertolongan dari ALLAH secara nyata atau ghaib dan mendapat ilmu ilham dari ALLAH, untuk menjawab setiap persoalan. Yang mana segala ini hanya diberi kepada pemimpin yang bertaqwa.

Firman A L L A H :

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Barangsiapa yang bertaqwa kepada ALLAH nescaya ALLAH ***lepaskan dia dari masalah*** hidup dun memberi rezeki dari sumber yang tidak diduga.

(Ath Thalaq: 2-3)

Firman-Nya lagi:

وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ ٱللَّهُ

Bertaqwalah kepada ALLAH, nescaya ALLAH akan mengajar kamu .

(Al Baqarah: 282)

وَٱللَّهُ وَلِىُّ ٱلْمُتَّقِينَ

ALLAH menjadi pembela (penolong) orang yang bertaqwa.

(Al Jasiyah: 19)

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يُكَفِّرْ عَنْهُ سَيِّـَٔاتِهِۦ وَيُعْظِمْ لَهُۥٓ أَجْرًا

Barangsiapa yang bertaqwa akan terlepas daripada sebarang kejahatan (musuh)

(Ath Thalaq: 5)

d. Pemimpin hendaklah menjadi peribadi contoh yang dengan melihat kehidupan pemimpin, rakyat boleh meniru. Untuk itu pemimpin mesti bagus ibadahnya dan akhlaknya seperti merendah diri, pemurah, sabar, lapang dada, zuhud, pemaaf, pengasih, berani, jujur, ikhlas, gigih berjuang dan berkorban dan macam-macam sifat baik lagi. Untuk itu, sekali lagi pemimpin mesti bertaqwa. Hanya taqwa yang boleh mengawal dan mendorong akhlak yang baik itu dari dijahanamkan oleh nafsu dan syaitan.

e. Merancang dan memberi panduan-panduan serta idea untuk pembangunan. Untuk itu pemimpin mesti ada idea, ada minda, ada strategi dan kreatif. Pemimpin tidak boleh emosional, buntu, gopoh, lemah jiwa, merajuk, putus asa dan lembab. Fikiran mesti tajam, jiwa mesti kuat, perasaan halus dan fizikal tangkas. Sebab itu dalam Islam, perempuan tidak boleh jadi pemimpin. Selain kerana otaknya tidak terlalu tajam untuk menjangkau kemungkinan-kemungkinan masa depan atau yang tersirat, fizikalnya juga mudah lemah dan emosionalnya tinggi. Orang lelaki juga kalau demikian sifatnya tidak layaklah jadi pemimpin walaupun ia pandai bercakap dan sijilnya tinggi.

f. Kebijaksanaan menewaskan musuh. Kita tidak mung kin dapat elak dari orang-o;ang yang mahu menjatuhkan kita. Musuh tidak boleh disalahkan kerana itu memang kerjanya. Yang penting kita kena tewaskan dia. Pemimpin mesti licin dan bijak dalam menghadapi musuh. Sekali lagi pimpinan ALLAH dalam ha1 ini sangat penting. Dan untuk itu taqwa juga yang jadi syaratnya. Berkata Sayidina Umar, "Aku lebih takutkan dosa-dosa kamu dari musuh-musuhmu. Sebab ***bila kamu berdosa, ALLAH akan biarkan kamu kepada musuhmu.*** "

Lihat, betapa beratnya kerja pemimpin ini. Ia bukan boleh dibuat senang-senang dan oleh sebarang orang. Kerana itu, memimpin tidak boleh jadi rebutan dan diperdagangkan. Sebab ia hanya boleh dibuat oleh orang-orang khusus yang memang dikurniakan kebolehan semulajadi, orang yang terdidik dan dipimpin oleh ALLAH. Otaknya tajam, jiwa semulajadinya tahan bagaikan besi waja. Akhlaknya terbentuk dari kecil, strateginya licin, fikiran tembus dan kecenderungan memimpin bukan untuk kepentingan atau terlantik dengan rasmi di dewan-dewan besar.

Orang begini kalau orang tidak lantik pun, dia boleh

memimpin. **Orang tidak boleh rebut dan curi kebolehannya memimpin.** Orang begini diangkat jadi pemimpin bukan dengan jari atau undi tapi dikehendaki oleh hati. Orang suka dengan kepimpinannya bukan hasil lobi atau jual beli undi. Tapi hasil dari kerja kepimpinan yang sudah dibuktikan, yang manusia rasa terhutang budi kerana kerja dan jasa kepimpinannya sebelum ia dilantik menjadi pemimpin yang rasmi.

6. Bila orang itu mencalon diri untuk jadi pemimpin dalam keadaan orang belum yakin dengan kebolehannya, kerana belum terbukti yang ia adalah pemimpin, maka kenalah ia berlakon-lakon menjadi pemimpin. Ia akan mengangkat-angkat diri dan membuat janji-janji manis yang tiada jaminan untuk dilaksanakan. Kenalah juga menghina-hina pihak lawan yang mencabar pencalonannya. Kerana takut kalah, demi mendapatkan undi, kerja-kerja melobi dan membeli undi terpaksa dilakukan. Perebutan sengit ini tidak mungkin selamat dari riyak, ujub, sombong, benci, dendam, berang, tipu, berpura-pura, hasad dengki, menyebut-nyebut janji muluk yang palsu dan lain-lain mazmumah. Ia juga akan memfitnah, mencerca, mengata-ngata dan lain-lain lagi.

Alangkah kotornya laluan ini. Alangkah bahaya dan jahatnya. Orang Barat pun mengakui dengan ungkapan: Politic *is* a *dirty* game. Yang kalah akan rasa terhina dan yang menang membusung dada. Rasa sengketa tidak akan terkikis dari jiwa-jiwa mereka. Kepimpinan begini mustahil akan dapat mewujudkan perpaduan yang murni dan kerjasama yang baik. Pemimpin akan sepanjang masa merasa pimpinannya sentiasa ditentang dan kedudukannya terancam. Lalu dia akan sentiasa mencari jalan untuk mempertahankan kedudukan. Tugas kepimpinan sudah jadi barang yang diperebutkan demi kepentingan peribadi dan duniawi semata-mata.

7. Demi mempertahankan kerusi yang dibeli tadi, pemimpin sanggup pula buat apa saja sekalipun menindas dan

menipu, mengugut-ugut dan menghukum. Pihak lawan akan dianaktirikan dan penyokong terpaksa dijaga hati. Kehendak penyokong kena ditunaikan sekalipun hati sendiri tidak setuju. Ertinya rakyat yang tentukan corak pemerintahan. Pemimpin ikut saja. Pemimpin dididik oleh rakyat. Maklumlah dia wakil rakyat dan bukan wakil ALLAH.

Sering berlaku dua parti yang berbeza dasarnya, bekerjasama untuk menentang parti pemerintah yang juga berbeza dasarnya. Mengapa sekarang boleh menyokong seseorang~ dan menentang seorang yang lain? Sedangkan kedua-duanya tidak sebulu dengannya. Itu tandanya orang itu berjuang bukan untuk mempertahankan dasarnya, tapi lebih bermotif untuk menang dan dapat kedudukan.

Berlaku baru-baru ini Kerajaan Kelantan yang katanya Kerajaan Islam pun kerana naik melalui undi, terpaksalah mengambil hati dan menjaga hati rakyat agar terus mengundinya. Maka didekati dan diberi hatilah pada pemain dan peminat sukan. Sedangkan sukan yang diamalkan pada hari ini, umumnya tidak bercorak Islam. Sepatutnya rakyat yang kena tunduk pada dasar pemerintah tetapi ha1 sebaliknya berlaku, di mana pemerintah tunduk pada kemahuan rakyat.

8. Pemerintah yang naik melalui sesuatu parti politik pasti tidak selamat dari sentimen kepartian. Yakni ia akan utamakan orang-orang partinya dengan menganaktirikan rakyatnya yang lain yang tidak separtai dengannya. Sudah tentulah golongan-golongan lain tidak puashati. Keadilan dan perpaduan sebenar tidak dapat ditegakkan selama-lamanya.

Hal ini terbukti dalam pengalaman kita yang sudah sekian lama hidup dalam negara yang mengamalkan demokrasi Barat ini. Parti pemerintah belum terbukti dapat membuatkan semua atau majoriti rakyat mengiktiraf dan membantu dasar yang diperjuangkan. Sedangkan dalam pemerintahan Islam, orang bukan Islam pun terima dan bekerjasama menjayakan kemajuan.

9. Biasanya pemimpin atau pemerintah yang ditunjuk

oleh jari (undi) ini, mereka tidak dicintai dengan kasih murni dari' hati. Kasih rakyat pada mereka kalaupun ada adalah kerana kepentingan-kepentingan jawatan, gaji atau subsidi yang diharapkan. Ketaatan yang diberi cuma waktu di depan. Di belakang mereka, rakyat menipu dan menderhaka.

Sebab itu pemimpin begini, kalau tersilap atau tersalah, mereka akan dicaci maki dan dijatuhkan. Rakyat mudah melupakannya apalagi kalau sudah tidak berkuasa. Baru pencen saja, hidup mereka sudah jadi. terbuang, tersisih dan terhina. Bila mereka mati terus dilupakan orang. Maqamnya tidak diziarahi. Walhal pemimpin-pemimpin Islam, maqamnya diziarahi walaupun sudah beribu tahun. Kalau beginilah rupanya demokrasi Barat, untuk apa lagi ia dipertahan dan diperjuangkan? **Kalau sudah nyata ianya kotor, buruk dan jahat, mengapa diikut?** Tidakkah yang menerimanya itu kerana sifatnya pun sama juga?

10. Satu lagi keburukan demokrasi ialah ia memungkinkan terlantiknya musuh untuk jadi pemimpin. Yakni musuh melobi untuk menjadi calon. Kerana pandainya berkempen,, menanglah dia untuk menjadi pemimpin kepada rakyat.

11. Di satu kawasan yang majoriti orangnya jahat, maka wakil yang naik atas suara majoriti ini pun biasanya orang jahat. ,Kalau orang baik menjadi calon di sana pun, pasti kalah.

Bagi orang-orang yang mencintai kebenaran, mereka tentu mencari-cari satu cara baru yang suci, bersih dan mulia. Apakah tidak ada lagi di dunia ini kebenaran dan kemuliaan sehingga manusia terpaksa bergelumang dengan najis dan kejahatan demokrasi? Jawabnya ada, iaitu Islam. Yakni kebenaran mutlak yang datang dari ALLAH termaktub dalam Al Quran, terserlah dalam Sunnah Rasulullah SAW dan perjalanan Khulafa'ur Rasyidin.

Sebenamya pemilihan pemimpin secara demokrasi itu sudah berjalan sejak 4-5 ribu tahun dahulu oleh orang-orang Yunani. Waktu itu oleh kerana manubia tidak ramai, maka

mereka menjalankan demokrasi secara langsung. Yakni semua rakyat datang ke satu dewan persidangan untuk mewakili diri masing-masing dalam urusan perlantikan pemimpin yang hendak dibuat. Katakan penduduk sepuluh ribu .orang, maka kesemua sepuluh ribu itu datang untuk menyatakan pandangan dan menentukan pemimpin yang dikehendakinya.

Di sini nampaklah kita bahawa orang-orang sekular ini memandang tujuan melantik pemerintah ialah untuk jalankan kehendak-kehendak rakyat. Sebab itu mereka dinamakan wakil rakyat. Sedangkan dalam Islam, pemerintah bukan wakil rakyat. Tetapi wakil ALLAH (khalifatullah) untuk jalankan pemerintahan menurut cara yang ditentukan oleh ALLAH. Kedua-dua pandangan ini mempunyai maksud, cara dan matlamat yang amat berbeza.

Berbalik kepada perkara pilih pemimpin cara demokrasi itu, yang telah diwarisi hingga ke hari ini oleh orang-orang sekular, ianya tidak lagi boleh dibuat secara langsung. Sebab utamanya ialah kerana manusia sudah terlalu ramai. Jadi tentu tidak praktikal kalau berjuta-juta manusia itu nak dikumpulkan di satu tempat untuk jalankan undian memilih pemimpin. Lalu diubahsuailah demokrasi itu kepada demokrasi tidak langsung. Iaitu demokrasi perwakilan rakyat. Yakni beribu-ribu orang rakyat. di satu-satu kawasan akan meng hantar wakil-wakil mereka ke parlimen melalui pilihanraya. Wakil itulah yang membawa identiti, hasrat, pandangan seterusnya menyuarakan kehendak-kehendak rakyat. Wakil itu . dikenali sebagai wakii rakyat.

Soalnya, betutbetul ke wakil rakyat itu mewakili rakyat? Kalaulah rakyat di kawasan itu ialah petani, hidup ala kadar, inginkan pembelaan hidup dan mahukan pemimpin yang berjuang untuk kebaikan hidup mereka dunia dan Akhirat, apakah wakilnya juga membawa ● identiti dan hasrat yang sama? Ataukah pemimpinnya **pergi membawa identiti dan hasrat peribadinya yang telah diperolehi hasil amanah rakyat yang dikhianatinya?** Bukankah ia sudah berlagak menjadi orang kaya dan orang besar, yang cakap pun besar dan

mahu memperjuangkan lagi kebesaran dan kekayaannya itu? Saya lihat itulah yang berlaku sekarang. Rumah wakil-wakil rakyat bagaikan istana tersergam berpagar di tengah-tengah rumah-rumah kayu rakyatnya. Kereta wakil-wakil rakyat bagaikan singa melintasi deretan rakyat yang berjalan kaki atau bermotosikal. Makan pakai wakil rakyat, adalah sesuatu yang mustahil dapat dirasai oleh rakyat.

Seelok jadi wakil rakyat, ia berjuang atas nama rakyat yang diamanahkan padanya untuk menjadikan dirinya serta keluarga berbeza dengan rakyat. **Gayanya itu ia seolah-olah wakil dari kalangan orang-orang kaya dan raja-raja, bukan lagi mewakili rakyat yang serba daif dan sederhana.** Pelik, wakil rakyat patutnya betul-betul macam rakyat. Ia bayangan rakyat untuk suarakan hasrat rakyat. Bagaimana boleh bayang bayang lain dari objeknya. Suaranya pun sudah lain. Ini tentu ada sesuatu yang sudah salah. Salahgunakan amanah rakyat. Sudah khianat dan zalim dengan tugas yang dipikulkan oleh rakyat. Hal ini mesti disedari oleh kita semua. Supaya segala penyakit masyarakat dapat dikenal pasti untuk diubati demi tercapainya masyarakat idaman yang aman, makmur dan mendapat keredhaan ALLAH.

Selain dari pemilihan pemimpin cara undi rakyat ini, ada satu lagi cara kenaikan pemimpin yang dibuat di dunia kini. Yakni cara diktator. Cara ini sebenarnya lebih jahat dan kejam. Ia berlaku secara kekerasan oleh seseorang yang ingin berkuasa. Dengan menggunakan kuasa tentera, ia mengguling kan kerajaan yang ada, lalu naiklah ia bertakhta memerintah negara. Rakyat mesti menerimanya, rela atau terpaksa.

Dia monopoli kuasa untuk dirinya saja tanpa seorang lain pun boleh campurtangan dalam urusan pemerintahan. Maka dengan itu berleluasalah ia memerintah ikut sesukanya. Siapa cuba mengkritik akan ditangkap dan dipenjarakan. Terkenal sekali dalam sejarah kejamnya pemerintahan diktator ini. Bertakhta di hati, beraja di mata. Terjadi hari ini pemerintahan bentuk ini di Syria, Libya, Iraq, Myanmar, Cuba dan lain-lain tempat lagi.

Dalam tajuk berikut saya akan huraikan sistem demokrasi terpimpin yang terdapat daiam Islam. Yakni bagaimana pemilihan pemimpin itu dibuat. Moga-moga ALLAH akan ajar kita tentang kebenaran ini untuk difahami dan diperjuangkan. Firman-Nya:

وَاتَّقُوا اللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ

Bertaqwalah kepada ALLAH, nescaya ALLAH *akan* mengajar kamu .

(Al Baqarah: 282)

Bab 9
Cara Islam Melantik Pemimpin

ISLAM kelihatan lebih bijak dari demokrasi Barat dalam ha1 melantik pemimpin. Ia tidak meminta semua orang ikut serta atau campurtangan dalam memilih pemimpin negara. Sebab bukannya semua rakyat itu tahu menilai tentang siapa pemimpin yang layak dan siapa yang tidak layak untuk mereka. Sedikit saja bilangan orang-orang bijaksana dalam masyarakat dan negara yang benar-benar tahu tentang mana satu pemimpin yang benar-benar layak memerintah negara. Manakala rakyat yang awam, yang ramai-ramai itu, biasanya tidak faham dalam hal-ha1 kepimpinan dan kenegaraan. Oleh itu adalah tidak bijak kalau mereka diminta memberi suara untuk menentukan pemimpin-pemimpin negara. Kerana kiranya pilihan mereka tidak tepat, nanti negara akan jadi mangsanya.

Dalam Islam, orang-orang yang dijemput untuk menentukan pemimpin negara ialah orang-orang yang menepati kelayakan seperti berikut:

1. Ada ilmu pengetahuan Islam yang cukup (khususnya dalam soal-soal kepimpinan dan kenegaraan) di samping mempunyai taqwa dan akhlak yang tinggi. Dengan taqwa dan ilmu, mereka mampu menilai dengan tepat dan adil, siapa pemimpin negara yang betul-betul layak.

2. Ada pengaruh dalam masyarakat. Yakni rakyat percaya, segan dan hormat padanya. Pandangannya, kata-katanya serta arahan-arahannya dipercayai, didengar, diterima dan

ditaati. Sekalipun dia belum menjadi pemimpin secara rasmi di mana-mana peringkat pun. Yang mana bila ia sudah memilih seorang pemimpin, masyarakat akan setuju dan yakin dengan pilihannya itu. Yakni tidak akan timbul desas-desus di belakang. Dengan ha1 yang demikian, akan selamatlah negara daripada ketidakpuasan hati rakyat terhadap pemimpin. Dan selamat juga dari tercalonnya pemimpin yang tidak layak.

Dalam Islam, orang-orang yang dibenarkan memilih pemimpin, yang menepati syarat tadi disebut **ahlul halil wal** ‘aqdi. Mereka termasuk sebagai ulil amri yang tidak rasmi. Yakni pemimpin-pemimpin yang didengar kata-katanya oleh rakyat, walaupun ia bukannya pemimpin yang rasmi. Seperti para ulama yang beramal dengan ilmunya, yang berakhlak dan dengan itu ia mempunyai wibawa yang tinggi.

Contoh yang jelas tentang perlantikan pemimpin menurut cara Islam dapat dilihat di zaman Khulafa’ur Rasyidin. Apabila Rasulullah wafat, Sahabat-Sahabat besar yang dijamin Syurga kerana taqwa dan lain-lain kehebatannya telah memilih **Sayidina Abu Bakar** untuk jadi Amirul Mukminin. Pemilihan itu diketuai oleh **Sayidina Umar Al Kbattab** selaku ulil amri yang tidak rasmi atau anggota ahlul hulli wal 'aqdi. Beliau telah memegang tangan Sayidina Abu Bakar sebagai tanda bai’ah dengannya atas perlantikan beliau menjadi khalifah. Sahabat besar yang lainnya seperti **Sayidina Usman, Sayidina Abdul Rahman bin Auf, Sayidina Abu Ubaidah, Sayidina Saad Abi Waqqas, Sayidina Said, Sayidina Zubair** dan lain-lain yang menjadi ahlul *halli wai* ‘aqdi turut setuju. (Yang selama ini mereka memang dianggap sebagai pemimpin secara tidak rasmi oleh masyarakat, Bahkan kalau salah seorang daripada mereka pun yang dilantik menjadi pemimpin tetap boleh diterima oleh masyarakat di waktu itu seperti **Sayidina Umar Al Khattab, Sayidina Usman Affan, Sayidina Ali Abi Talib** dan lain-lain Sahabat). Kerana orang yang ditunjuk dan orang yang me-

nunjuk memang sudah di hati mereka, sudah menjadi pemimpin tidak rasmi yang kata-katanya didengar dan ditaati.

Seluruh kaum Muslimin yang terdiri dari orang-orang Ansar dan Muhajirin serta rakyat jelata umumnya pun setuju dan mengikut saja kerana mereka merasa Sahabat-Sahabat besar itu lebih tahu dan lebih adil dari mereka tentang soal-soal kepimpinan dan memilih pemimpin ini. Lagipun bagi rakyat waktu itu, **orang-orang yang menunjuk dan yang ditunjuk sebagai pemimpin itu memang orang-orang yang mereka cintai dan yakini.** Yang mana kalau mereka tidak jadi pemimpin rasmi pun, memang sudah dirasakan sebagai pemimpin di kalangan mereka. Sebab mereka itu merupakan tempat rujuk dalam masyarakat.

Rakyat tidak pernah dipanggil mengundi untuk menentukan siapakah yang patut memimpin mereka. Semuanya ditentukan oleh **Ahlul Halli Wal 'Aqdi.** Apabila Sayidina Abu Bakar wafat, Sayidina Umar pula dilantik oleh Ahlul Halli Wal 'Aqdi untuk jadi khalifah. Seperti tadi juga, perlantikan itu diterima dengan senang hati oleh seluruh kaum Muslimin. Sayidina Umar memang sudah di hati rakyat sebelum menjadi pemimpin rasmi lagi. Kenaikannya memang ditunggu-tunggu oleh semua. Hati orang memang padanya. Tiada siapa yang mahu mencabar atau menentang kepimpinannya. Kalau dijalankan undian pun dia akan menang tanpa bertanding. Sebab semua orang sudah iktiraf kepimpinannya berdasarkan apa yang sudah dikenali tentangnya. Sayidina Umar tidak payah menonjol-nonjol diri, mengangkat-angkat diri, memuji-muji diri dan melobi untuk jadi pemimpin seperti yang berlaku dalam negara demokrasi hari ini. Dan memang tidak mungkin terjadi hal itu semua bagi pemimpin yang bertaqwa. Mereka telah menawan hati rakyat kerana taqwa dan akhlak yang tinggi serta dengan jasa-jasa kepimpinan secara tidak rasmi sebelum ini. Maka **untuk jadi pemimpin rasmi, dia tidak perlukan undi-undi jari dari rakyat kerana dia memang sudah di hati rakyat.**

Dengan keadaan ini, rakyat dalam negara tidak terpecah-

pecah kepada berbagai-bagai parti, team, kern atau puak-puak yang saling berlawanan. Perpaduan dan kesatuan terjalin secara menyeluruh. Demikianlah yang dapat dijayakan dalam negara dan masyarakat Islam tulen. Yang pemimpin dan rakyatnya sama-sama bertaqwa dan soleh-soleh belaka. Maka urusan pemerintahan dan pengurusan negara berjalan dengan mudah dan licin. Rakyat semuanya taat dan bersatu di bawah satu pemimpin. Pemimpin adil dan tidak pilih kasih. Sentimen puak, team, kern dan kepartian tidak wujud.

Tapi ha1 yang murni dan indah begitu tidak lama bertahan. Di zaman pemerintahan Muawiyah, kemurnian pemerintahan sudah mula tercemar. Perlantikan pemimpin dibuat atas nama keluarga. Maka bermulalah perpecahan ,kepada puak-puak dalam negara. Yang mana bermula wujudnya sistern feudal di dalam masyarakat Islam. Kita berharap akan terjadi sekali lagi pemerintahan Islam tulen di akhir zainan ini. Yakni pemimpin yang diterima dengan hati oleh rakyat. Bukan ditunjuk oleh jari. Yang kalau ia tidak memimpin secara rasmi pun, sudah didengar kata-katanya. Yang dalam pimpinannya, rakyat tidak lagi berpuak-puak dan tidak lagi saling bergaduh dan berlawan antara satu dengan. yang lain. Insya-ALLAH, di kemuncak kebangkitan Islam di Malaysia, kita akan saksikan berulangnya sejarah yang indah ini. Yakni pemimpin bertaqwa memimpin rakyat yang bertaqwa dalam satu pemerintahan Islam yang adil.

Bab 10

Perhatian Untuk Parti-Parti dan Badan-Badan Islam

DENGAN izin ALLAH- saya telah dedahkan kelemahan-kelemahan sistem demokrasi dalam soal melantik pemimpin. Kemudian disusul pula dengan memperlihatkan keistimewaan Islam dalam soal tersebut. Maka di sini saya ingin menarik perhatian parti-parti Islam dan badan-badan Islam di seluruh dunia tentang persoalan perlantikan pemimpin ini.

Ada dua ha1 yang mesti difikirkan:

1. Penyertaan mereka dalam demokrasi pilihanraya ala Barat.
2. Cara perlantikan pemimpin yang dijalankan dalam parti dan harakah Islamiah.

Selaku orang-orang yang bercita-cita memperjuangkan hukum-hakam ALLAH, sedaya upaya sepatutnya kita mesti cuba untuk menjalankan seluruh hukum ALLAH itu dalam kehidupan. Kecualilah kalau memang betul-betul tiada upaya, mudah-mudahan ALLAH maafkan.

Dalam ha1 pemilihan pemimpin cara Barat dalam pilihanraya, itu jelas bertentangan dengan Islam. Bahkan ianya begitu lemah sekali. Namun parti-parti Islam tetap menyertainya juga dengan alasan tiada pilihan lain. Kononnya itulah satu-satunya cara untuk dapatkan kuasa memerintah Negara Islam. Saya walaupun tidak setuju dengan alasan itu, namun sedia bertolak-ansur untuk menerimanya. Tetapi dengan satu persoalan baru!

Bukankah dalam pemilihan pemimpin khusus dalam parti, tiada siapa lagi menghalang kita dari mengikut sistem Islam. Tetapi mengapa ianya tidak dilakukan? Mengapa hingga ke hari ini badan-badan dan parti-parti Islam itu masih meniru cara Barat dan membelakangkan cara-cara yang ditunjuk oleh wahyu?

Dalam mesyuarat agung atau di muktamar-muktamarnya, dijemputlah perwakilan-perwakilan dari seluruh negara termasuklah kaum-kaum ibu untuk ikut sama dalam pemilihan pemimpin. Yakni dengan menjalankan undian oleh ribuan orang yang hadir. Ertinya pemimpin yang naik adalah pilihan ribuan orang yang berbagai ragam, berbagai kehendak, berbagai pandangan, berbagai sifat yang semuanya mengharap pemimpin yang naik itu akan dapat memenuhi tuntutan dan kemahuan masing-masing. Dan sudah tentu berlaku sebelumnya lobi-melobi, pengaruh-mempengaruhi dan lain-lain lagi. Sehingga terjadilah hasilnya, pemimpin atau pemerintah dalam jemaah itu dicorak oleh pengikut atau rakyatnya. Dasar dan matlamat pemerintahan dalam jemaah bukan ditentukan oleh pihak pemerintah tapi mengikut kehendak dan nafsu para perwakilan. Yakni kehendak-kehendak buruh, petani, nelayan, ahli sukan, bintang filem, artis, ahli akademik, pelajar dan lain-lain puak serta profesyen yang berbeza satu sama lain, yang telah menjadi ahli parti itu. Maka dalam menunaikan 1001 tuntutan, dasar pemerintahan parti atau dasar jemaah terlebur dan terkorban di dalamnya. Pemerintah dan parti tidak dapat dijuruskan ke satu matlamat yang khusus, yang tepat dan membawa kebaikan yang mutlak mengikut Islam.

Sedangkan, dalam Islam para pemerintah adalah wakil ALLAH, yang akan menjalankan dasar dan matlamat yang ditentukan oleh ALLAH. Bukannya dasar dan matlamat yang ditentukan oleh para perwakilan atau rakyat. Rakyat mesti tunduk kepada dasar pemerintahan yang telah ditentukan oleh ALLAH. Sebab itu dalam Islam, pemerintah bukan dipilih oleh rakyat. Sebab rakyat bukan semuanya tahu apakah

dasar-dasar dan syarat-syarat pemerintahan Islam itu. Orang yang tahu, faham dan adil dalam soal-soal kepartian atau kenegaraan dan pemerintahan ini dinamakan **ahlul halli wal 'aqdi.** Mereka orang bertaqwa, orang alim, orang berwibawa, orang berpengaruh, yang kata-kata dan pandangannya diterima dan diiktiraf oleh rakyat. Yang mana suaranya seolah-olah mewakili suara rakyat. Mereka ini disebut juga ulil umri yang tidak rasmi. Yakni pemimpin yang tidak rasmi. Walaupun tidak ditunjuk untuk jadi pemimpin rasmi tetapi kepimpinan dan kewibawaannya sudah diiktiraf oleh orang ramai. Sebab itu bila mereka itu menunjukkan calon pemerintah di dalam parti atau negara, pilihan itu adalah tepat dan menerima sokongan rakyat. Kenaikannya tidak menimbulkan perpecahan dan pertelingkahan di kalangan ahli parti atau rakyat.

Itulah cara Islam. Cara yang benar, tepat dan adil. Tetapi mengapa pemimpin-pemimpin parti Islam dan harakah Islam tidak melaksanakan hukum ini dalam jemaah mereka? Mengapa tidak diwujudkan majlis syura dengan nama **ahlul halli wal 'aqdi** untuk menentukan pemimpin yang sebenar? Yakni yang layak menjadi wakil ALLAH untuk memimpin ahli parti atau rakyat di atas dasar yang ditentukan oleh ALLAH? Bukan ditentukan oleh perwakilan orang ramai di kalangan ahli parti sebagaimana mengikut demokrasi Barat. Sebabnya saya ulangkan lagi, bahawa dalam pandangan Islam pemerintah ialah wakil ALLAH untuk menjalankan dasar pemerintahan yang sudah ALLAH tentukan, dan bukannya wakil manusia untuk menunaikan tuntutan akal dan nafsu manusia yang sempit dan melulu itu.

Jadi soalnya mengapa orang-orang yang mempejuangkan Islam ini tidak melaksanakan sistem Islam dalam perjuangan mereka, khusus dalam soal perlantikan pemimpin ini? Kalaulah persoalan ini didiamkan saja tanpa satu jawapan yang penuh tanggungjawab, kita akan jadi tertanya-tanya lagi, apakah mungkin mereka akan melaksanakan undang-undang Islam dan cara hidup Islam dalam negara seluruhnya kalau

betul-betul mereka memerintah nanti? Sedangkan di satu sudut ini pun mereka sudah membohongi orang ramai di kalangan umat Islam yang tidak tahu bagaimana pemimpin dilantik dengan cara Islam. **Apa lojiknya seseorang akan berjaya' dalam satu kerja yang maha berat sedangkan terhadap satu kerja kecil pun tidak mampu dijayakannya?**

Saya tidak fikir tokoh-tokoh pejuang politik Islam itu tidak tahu bahawa cara Islam melantik pemimpinnya adalah jauh lebih bijak dari cara-cara demokrasi pilihanraya atau cara mengundi yang dicipta oleh Barat itu. Tetapi mengapa mereka tetap mengikut cara-cara Barat yang tidak matang itu? Yakni melantik pemimpin dengan cara mengundi atau angkat tangan oleh beribu-ribu orang yang melihat kepimpinan dari sudut kepentingan mereka masing-masing. Yang mereka itu sebenamya jahil tentang ilmu kepimpinan menurut Islam. Lalu perlantikan mereka terang-terangan salah dan bercanggah dengan syarat-syarat yang dikehendaki Islam. Ertinya pemimpin yang naik itu pun bukan pemimpin Islam yang sebenar. Yang tentunya tidak mampu menjalankan pemerintahan Islam dengan tepat, lalu apakan jadi dengan masyarakat dalam jemaah yang dipimpinnya?

Terjadi di satu negara kepada satu parti Islam sewaktu pemilihan pemimpin melalui undian dalam satu muktamar agungnya beberapa tahun yang sudah (tak payah disebutkan namanya), yakni seorang musuh yang menyamar, dihantar oleh parti lawannya telah terundi untuk jadi salah seorang pemimpin parti. Hal ini sepatutnya tidak mungkin terjadi kalau perlantikan dibuat secara Islam. Iaitu yang memilih itu di kalangan **ahlul halli wal 'aqdi** sahaja.

Bab 11
Memerintah Bukan Membuat Jasa

PEMERINTAH menerima tugas memerintah tidak sama dengan seorang kerani atau seorang mufti atau seorang guru rasmi menerima kerjayanya itu. Kerani, mufti atau guru rasmi meminta kerja itu, biasanya kerana mahu cari makan. Manakala pemerintah naik ke takhta pemerintahan adalah kerana cita-cita perjuangan. Pemerintah yang beriman dan bertaqwa bersedia menjadi pemerintah adalah kerana mahu menegakkan kalimah ALLAH dalam negara dan kehidupan seluruh rakyat serta untuk berkhidmat kepada rakyat.

Dengan kata lain, **mereka jadi khadam rakyat.** Agar sistern sekular diganti dengan sistem hidup Islam. Dengan cita-cita dan semangat perjuangan yang kuat, seluruh hidupnya dikorbankan untuk tujuan itu. Boleh dikatakan perjuangannya itu adalah hidup matinya. Dia bukan mahu duit, jawatan atau lain-lain kepentingan. Tapi yang diidamkannya ialah tertegaknya cara hidup Islam secara syumul dalam negara dan masyarakat serta dapat berkhidmat kepada rakyat. Demi kerana itu, dia bukan saja tidak minta apa-apa upah, bahkan harta bendanya pun habis dikorbankan ke sana. Kecuali kalau ia tidak mempunyai apa-apa, maka Islam membolehkan ia mengambil keperluan dan kemudahan dari negara. Sekadar itu saja.

Hal ini dibuktikan oleh **Khalifah Umar Ibnu Aziz** seelok saja ia menjadi pemerintah. Dia telah mengisytiharkan bahawa semua hartanya dan harta isterinya adalah milik ne-

gara. Ertinya, hartanya dijadikan modal demi menegakkan negara dan masyarakat Islam. Kerana hendak membina negara yang baik itu keperluannya amat banyak. Jadi apa saja pengorbanan dari semua pihak amat diperlukan. Dan khalifah sendiri adalah orang pertama yang melakukan pengorbanan itu. Sesudah menghabiskan harta bendanya, dirinya pun dikorbankan untuk cita-cita perjuangan hidup matinya itu. Yang mana selama menjadi khalifah (selama lebih 2 tahun), Sayidina Umar Ibnu Aziz tidak ada masa lagi untuk tidur dengan isterinya. Masanya dihabiskan untuk bekerja menegakkan cita-cita murninya itu.

Demikianlah bentuk pemerintah yang sebenar itu. Memerintah atas cita-cita perjuangan yang suci, mahu melihat agama ALLAH tertegak di bumi. Mahu membina sebuah negara yang aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH. Untuk itu mereka berkorban dan terkorban. Bukannya ambil gaji besar di atas tumpahan keringat rakyat. Sesuai dengan firman ALLAH:

إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً

Sesungguhnya AKU akan *jadikan* munusia *khalifah* di bumi.

(Al Baqarah: 30)

Maka para pemerintah yang haq itu, ia adalah khalifah ALLAH atau wakil ALLAH. Ia diwakilkan oleh ALLAH, di atas muka bumi-Nya ini, untuk mengurus dan **mengimmarahkan (memajukan) bumi ini tepat dengan syariat ALLAH serta dapat berkhidmat** kepada hamba-hamba ALLAH. Itulah yang menjadi matlamat perjuangan serta pemerintahannya. Rakyat dididik dan diurus untuk menjadi hamba-hamba ALLAH yang taat dan patuh pada ALLAH. Serta bekerja keras untuk membangunkan bumi 'ini menjadi benar-benar bumi ALLAH.

Demikianlah konsep pemerintahan yang sebenarnya, yakni para pemerintah sebagai wakil ALLAH untuk mencorakkan

bumi dengan dasar dan matlamat yang ALLAH sendiri telah tetapkan. Wakil-wakil ini kemudiannya akan dipanggil balik ke hadrat ALLAH untuk dipertanggungjawabkan tentang tugas-tugasnya. Segala tingkah laku akan disoal dan ditanya. Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ:
اَلاِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

Setiap kamu adalah pengembala ***dan*** kamu akan ditanya tentang gembahannya. Pemimpin adalah pengembalu ***dan*** dia akan ditanya tentang gembalaannya.

(Riwayat Al Bukhari)

Kalau ia berlaku adil, tepat dengan syariat maka selamatlah ia menjadi ahli Syurga. Sebaliknya kalau ia khianat, Nerakalah padahnya.

Jadi, memerintah ialah tugas dan khidmat serta tanggungjawab, bukannya jasa. Kebaikan-kebaikan yang dilakukan bukan satu pengorbanan atau budi baik yang mesti dibangga-bangga dan dimegah-megahkan. Tetapi ia adalah tugas yang wajib dilaksanakan. Ertinya kalau tugas itu dicuaikan, ia dikatakan khianat dan berdosa. Sebaliknya kalau dia bertanggungjawab dengan baik, itu bukan jasa yang perlu diberi pingat. Sebab ia cuma menunaikan kewajipan dan tugasnya. **Sebab itu para pemerintah yang menjalankan amanah dengan melakukan kebaikan-kebaikan untuk rakyat, tidak sepatutnya mendabik dada mengakui berjasa.** Lebih-lebih lagi tidak boleh berlagak sombong, angkuh dan menunjuk-nunjuk serta menyebut-nyebut jasa dengan riyak dan ujub.

Kebaikan yang dilakukan itu selain dari tanggungjawab yang mesti ditunaikan, ia juga bukan kuasa kita. ALLAH-lah yang telah memberikan hidayah dan taufiq hingga kita dapat melaksanakannya. Kalau begitu kita patutnya bersyukur kepada ALLAH kerana mengizinkan kita jadi pemerintah. Sedangkan kita pun hamba seperti hamba-hamba-Nya yang

lain juga. Tetapi kita dilebihkan dengan kebolehan menjadi pemimpin. Kemudian sesudah itu diizinkan pula melakukan kebaikan-kebaikan terhadap rakyat di waktu pemerintah lain tidak mampu melakukannya. Maka sepatutnya kita rasa malu kerana diri yang dhaif diberi keupayaan istimewa daripada ALLAH dapat menggembirakan rakyat. Anugerah ini adalah ujian agar kita lebih hampir pada ALLAH. Bukan untuk menonjol-nonjol diri dengan menyebut-nyebut jasa. Tetapi kalau kita jadi sombong, angkuh, ujub dan riyak kerana kumiaan-kumiaan ini, itu ertinya kita hamba yang tidak sedar diri. Kalau tidak di dunia, di Akhirat pasti nahas. ALLAH berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُبْطِلُوا۟ صَدَقَٰتِكُم بِٱلْمَنِّ وَٱلْأَذَىٰ

Jangan ***kamu*** batalkan sedekah-sedekah kamu dengan , mengungkit-ungkit minta dibalas ***dan*** menyakiti (orang yang menerima) .

(Al Baqarah: 264) ,

Satu hal lagi, yang mesti difahami ialah, pemerintah tidak boleh pilih kasih terhadap rakyat. Apa saja rancangan kemajuan dan bantuan mesti disamaratakan pada semua rakyat sekalipun ianya dari parti lawan. Sesuai dengan keperluan, kewajipan dan tugas-tugasnya. Pemimpin tidak boleh berdendam. Sebab ia memegang amanah untuk semua rakyat di seluruh negara sekalipun orang bukan Islam. Tidak juga boleh mengugut-ugut untuk menarik semula bantuan tersebut. Sebab hal itu adalah tanggungjawab, bukannya senjata politik untuk memancing undi.

Pemerintah yang adil akan menyamaratakan khidmat kepada rakyat, sekalipun yang tidak disukainya. Ingatlah firman ALLAH:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلْقِسْطِ
وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُوا۟

هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ
خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Hai orang-orang yang ***beriman, jadilah kamu pendukung*** kebenaran kerana ***ALLAH, juga menjadi*** saksi ***dengan penuh keadilan*** Dan janganlah kbencian kamu kepada sesuatu puak itu menyebabkan ***engkau*** tidak berlaku ***adil*** lagi. Berlaku adillah ***krana*** adil itu menghampiri sifat taqwa. Dan bertaqwalah kepada ALLAH, sesungguhnya ALLAH mengetahui apa yang kamu. krjakan.

(Al Maidah: 8)

Pemerintah yang bertaqwa, yakni takut pada ALLAH itu, bukan saja pada manusia, pada binatang pun ia boleh berlaku adil. Ini terbukti pernah dibuat oleh **Sayidina Umar Al Khattab** yang menangis kerana kematian seekor kambing. Ia berkata,

"Wahai Tuhan, jangan *salahkan* ***Umar ini kerana matinya seekor kambing*** rakyatku."

Dan ini hanya dapat dibuat oleh orang-orang yang takut pada ALLAH sahaja.

Bab 12

Regu Dalam Pemerintahan

HUKAMA' ada berkata:

اَلْحَقُّ بِلاَ نِظَامٍ سَيَغْلِبُ الْبَاطِلُ بِالنِّظَامِ

Kebenaran yang tidak bersistem akan dapat dikalahkan oleh kebatilan yang bersistem.

Kata-kata ini memberi faham bahawa "pejuang kebenaran" yang tidak berdisiplin akan dikalahkan oleh pejuang pejuang kebatilan yang berdisiplin.

Pasukan pemain bola itu pun kalau mahu menang mesti menjadi regu yang padu. Sekiranya setiap pemain ikut selera masing-masing, sepak ke mana saja mereka suka tanpa mengikut disiplin permainan yang tepat, nescaya mereka akan gagal.

Seorang pemimpin Islam, yang inginkan kejayaan dalam pemerintahan mesti menyiapkan satu team kepimpinan yang jitu dan padu. Nak buat sebuah rumah pun, seorang arkitek mesti sediakan pekerja yang cukup dan terlatih di dalam pelbagai bidang, inikan pula nak bangunkan satu sistem hidup Islam yang syumul dalam sebuah negara, yang di dalamnya ada berbagai kementerian dengan dasar dan bidang masing masing. Gambarkan arkitek membuat bangunan seorang diri. Bagaimana jadinya? Juga gambarkan kalau pemimpin itu hanya fikirkan dirinya saja dengan membiarkan orang-orang bawahannya buat ha1 masing-masing.

Seorang khalifah atau presiden atau perdana menteri di zaman moden ini, sekurang-kurangnya berbaris di belakang-nya:

1. Gabenor-gabenor.
2. Menteri-menteri Pusat.
3. Pegawai-pegawai tadbir.
4. Rektor universiti bersama pensyarah-pensyarah dan guru-guru besar.
5. Pengarah-pengarah media massa termasuk tv dan akhbar.
6. Pakar-pakar ekonomi dan jutawan-jutawan negara.
7. Doktor-doktor dan pengarah perubatan.
8. Ketua-ketua hakim, hakim dan peguam..
9. Duta-duta ke luar negeri.
10. Ketua polis dan ketua tentera.

Inilah dia orang-orang yang akan membantunya untuk jayakan sebuah Negara Islam. Kesemua bidang kerja ini mesti menjalankan dasar Islam yang dibuat oleh khalifah atau keputusan hasil syura **Majlis Ahlul Halli Wal 'Aqdi** yakni anggota **Majlis Syuyukh** (Majlis Eksekutif). Atau dengan kata lain oleh pemerintah.

Inilah dia golongan pelaksana polisi kerajaan. Atau orang-orang yang menjalankan dasar pemerintah. Mereka tidak boleh buat dasar sendiri. Kalau mereka pun ada undang undang tersendiri, ada cita-cita tersendiri, rosaklah program membangunkan Islam oleh pemerintah. Atau kalau mereka cuai dalam tugas atau tidak suka dengan pemerintah, itu pun boleh gagalkan rancangan kerajaan.

Oleh kerana itu, team ini mesti ikut disiplin betul-betul; rajin dan taatkan pemimpin. Di antara perkara-perkara penting yang orang-orang ini mesti lakukan betul-betul ialah:

1. Menjadikan dasar perjuangan pemimpinnya itu sebagai dasar perjuangan mereka.
2. Menjadikan matlamat perjuangan pemimpin sebagai matlamat perjuangan mereka.

3. Menjadikan minda pemimpin mereka sebagai minda mereka. Dengan maksud mereka itu bersefahaman. Seolah-olah kepala mereka satu.
4. Mereka mesti menjadi orang-orang yang bertaqwa. Taqwa inilah yang menjamin kejujuran, amanah, bertanggungjawab, selamat dari fitnah perempuan dan lain-lain lagi.
5. Menjadikan sikap, tindakan, akhlak dan cara hidup pemimpin, tiruan mereka. Dengan kata lain, mereka ini adalah bayangan pemimpinnya.
6. Menjadikan ukhuwah dan kasih sayang sesama mereka bagaikan satu keluarga besar dengan pemimpinnya bagaikan ayah dan ibu.

Alangkah indahnya sebuah pemerintah yang kaki tangan, mata dan telinga semuanya bekerja keras untuk menjayakan cita-cita yang satu, dengan satu hati dan satu fikiran yang masing-masing bertaqwa kepada ALLAH. Sebaliknya alang kah kusutnya pemerintahan yang bercampur-aduk antara berbagai niat, kepentingan, mazmumah dan macam-macam minda dan fikiran. Pemimpin nombor satu dengan fahamannya, pemimpin nombor dua dengan ragamnya, pemimpin nombor tiga dengan putar belitnya, demikian pemimpin-pemimpin lain seterusnya. Apa akan jadi pada negara yang mereka perintah itu? Bolehkah ia dikatakan Negara Islam?

Mahu tidak mahu, pemimpin nombor satu mesti menyediakan pasukan pemerintah dan pentadbir-pentadbir negara yang **satu cita-cita, bertaqwa, sama mindanya, saling berkasih sayang dan menuju ke matlamat yang satu.** Barulah munasabah dia akan membawa satu perubahan kepada Islam yang syumul. Sesuai dengan cita-cita dan dasar perjuangannya. Negara Islam tidak boleh tegak kalau ianya hanya menjadi cita-cita pemimpin nombor satu sahaja.

Untuk tujuan di atas, langkah sebaik-baiknya bagi seorang yang ada cita-cita memerintah, ialah memulakan dengan melahirkan kawan-kawan dan pembantu-pembantunya. Mulakan

dengan mendidik seorang demi seorang untuk menjadi seperti dia, sama ada dalam cita-citanya, ilmunya, jiwanya, kasih sayangnya dan lain-lain lagi. Hingga orang-orang itu merasa dia adalah ketua dan gurunya, walaupun dia sendiri tidak mengisytiharkannya begitu. Lama-kelamaan tentu terkumpul ramai kawan-kawannya hingga terbentuk sebuah jemaah walaupun tanpa daftar rasmi. Jemaah yang satu hati dan fikiran ini, diberilah tugas masing-masing mengikut keboleh-an, minat dan profesyen untuk membangunkan projek dalam jemaah sekaligus sebagai latihan memerintah. Maka terjadilah sebuah pemerintahan kecil Islam bagaikan satu pasukan pemain bola yang begitu padu, jitu dan berdisiplin.

Apa yang saya sebutkan itu, adalah cara-cara yang dibuat sendiri oleh Rasulullah SAW. Baginda mulakan pembinaan empayar Islam dengan mendidik seorang demi seorang seperti yang digambarkan. Dialah guru, pemimpin, perancang, pe-mikir dan ayah yang mendidik, memimpin dan membahagi-bahagikan kerja kepada anak-anak mengikut bidang masing-masing.

Keluarganya kian membesar, gabungan berbagai bangsa dan negara. Maka dengan stail yang tetap sama, terjadilah sebuah kerajaan Islam di Madinah. Yang kemudiannya mem-besar, meng-Islamkan 3/4 dunia. Rasulullah jadi ayah dan pe-mimpin seumur hidup. Siapa yang masuk Islam, belajar dari-nya dan menganggap dia adalah guru bahkan ayahnya. Inilah dia punca jitu dan gagahnya kepimpinan baginda.

Hal ini kelihatan tidak berlaku lagi sejak beberapa ratus tahun kebelakangan ini. Umat Islam berjuang tanpa meniru disiplin Nabinya. Mereka lebih kebarat-baratan. Mereka mulakan cita-cita Negara Islam dengan mendaftar nama ahli-ahli di bawah satu badan berdaftar rasmi politik atau bukan. Pendaftaran itu didasarkan pada kehendak musuh politiknya pula. Ahli yang berdaftar itu hanya didasarkan kepada ke-mahuan individu tersebut dengan kesediaan membayar bebe-rapa ringgit yuran. Tanpa mengambil kira apakah mereka betul-betul bercita-cita Islam, mahu dipimpin, sanggup taat,

tanpa kepentingan dan tepat ilmunya.

Mereka pun buat mesyuarat untuk mengundi pemimpin. Tanpa mengambil kira apakah dia itu seorang pendidik, guru dan ayah. Keutamaan pemimpin hanya diukur pada sijil dan kepandaian bercakap. Maka berjalanlah perjuangan tanpa matlamat dan langkah-langkah yang disehalakan. Hati dan fikiran tidak diusahasatukan melalui satu sistem tarbiah yang lengkap. Tarbiah yang berkesan, yang hati, fikiran dan fizikal betul-betul Islam, dari minda yang benar-benar mentafsirkan Al Quran dan Hadis dari seorang pucuk pimpinan.

Maka tidak pelik, pengikut tidak dapat didisiplinkan untuk membangunkan cara hidup Islam dalam seluruh sistem hidup yang diperlukan oleh umat Islam, sekalipun dalam jemaah yang kecil. Apalagi kalau besar. Lalu dapatkah jemaah ini meng-Islamkan sebuah negara dan dunia seluruhnya?

Bab13

Bagaimana Mengumpul Wang dan Membangunkan Ekonomi Dalam Negara Islam

SEBUAH Negara Islam sangat jauh bezanya dengan sebuah negara yang tidak Islam. Dengan kata lain, negara yang rakyatnya mengamalkan sistem hidup Islam sangat berbeza dengan negara yang mengamalkan sistem-sistem hidup sekular. Sebabnya ialah sistem hidup Islam itu mempunyai dasar dan matlamat yang jauh bezanya dengan lain-lain sistem. Dalam soal ekonomi negara, Islam mengharamkan riba, tipuan, rasuah dan penindasan. Hutang piutang juga tidak digalakkan. Agar negara dan rakyat tidak mudah dicatur oleh orang lain. Pembaziran dan membuang harta dengan sia-sia dan kurang berfaedah ditentang. Hasil-hasil pengeluaran dari sumber-sumber yang haram seperti riba, pelacuran, judi dan dengan cara-cara yang tidak halal, tertolak. Bahkan dari sumber yang makruh pun disuruh hindarkan seperti hasil tembakau.

Negara Islam, negara yang berdikari dalam soal ekonomi. Maksudnya, ia boleh berdiri sendiri tanpa minta sedekah atau berhutang dan bergantung dengan orang lain. Lebih-lebih lagi dengan musuh-musuh Islam. Bahkan sepatutnya Negara Islam itu mempunyai lebihan harta dan Wang, yang melimpah-limpah pula ke negara umat Islam yang lain. Sebab itu dalam sejarah, negara-negara Islam mempunyai tamadun yang luar biasa dan mengkagumkan. Bahkan umat Islam telah pernah menjadi empayar memerintah 3/4 dunia, yang mempunyai sistem percaturan ekonomi Islam yang begitu licin dan berhasil.

Dengan izin ALLAH, saya akan cuba membentangkan di sini bagaimana caranya Islam membina kewangan dalam negara serta melancarkan projek ekonomi rakyat, sistem pengagihan harta demi mencapai sebuah negara yang aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH.

Sumber-sumber Kewangan

1. ALLAH SWT berfirman:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Barangsiapa ***yang bertaqwa*** kepada ALLAH, nescaya ***dilepaskan*** dari masalah hidup dan diberi ***rezeki*** dan ***sumber.*** yang ***tidak*** diduga.

(Ath Thalaq: 2-3)

Firman-Nya lagi:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَٰتٍ
مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ

Kalau penduduk satu ***kampung itu beriman dan bertaqwa,*** Kami (ALLAH) ***akan bukakan barakah dari langit*** dan ***bumi.***

(Al A'raf: 96)

Dengan janji-janji yang pasti ini, maka dalam negara yang orang-orangnya majoriti bertaqwa kepada ALLAH, nescaya terdapat rezeki-rezeki yang ALLAH datangkan dengan cara-cara yang tidak disangka-sangka. Di samping itu segala usaha akan diberkati, yakni usaha yang sedikit mendapat hasil yang banyak apalagi kalau usahanya juga besar. Misalnya, tanam-tanaman subur memberi hasil lumayan, binatang-binatang ternak membiak gemuk dan menghasilkan susu atau daging yang banyak. Nelayan pulang dari laut membawa bakul atau'

bekas yang penuh dengan hasil tangkapan. Itulah negara yang diberkati. Ekonomi di sudut ini sudah dilupakan orang sekalipun ulama-ulamanya. Bahkan orang ketawakan kerana tidak masuk akal.

Untuk itu pemerintah mesti mengambil berat soal taqwa mereka dan juga taqwa rakyat jelata. Kerana **taqwa adalah rahsia utama dan perkara asas bagi kejayaan ekonomi dalam Negara Islam.** Pendidikan taqwa ini mesti jadi dasar dalam sistem pendidikan di sekolah dan untuk orang dewasa.

2. Pemerintah dan rakyat jelata yang bertaqwa dalam Negara Islam mesti membuktikan ketaqwaan mereka dengan sifat khidmat, pemurah, mengutamakan orang lain, zuhud dan qanaah. Yakni dapat hidup secara sederhana dan merasa cukup dengan kesederhanaan itu. Had kesederhanaan yang dimaksudkan ialah hidup dalam keadaan cukup keperluan asas dan kemudahan-kemudahan hidup. Keperluan asas yang dimaksudkan ialah tempat tinggal, makanan-makanan asas, pakaian dan seumpamanya secara sederhana yakni tidak berlebihan dan tidak berkurangan.

Kemudahan-kemudahan hidup pula ialah seperti kenderaan, api elektrik, air paip, telefon, keperluan dapur, perabot rumah dan lain-lain yang semuanya berguna untuk memudahkan menjalankan tanggungjawab dan memberi faedah kepada rakyat. Kelengkapan rumah atau hiasan yang haram, sia-sia dan membazir tidak dibenarkan oleh Islam. Pembaziran itu haram hukumnya. Ini ditegaskan oleh ALLAH dengan firman-Nya:

إِنَّ ٱلْمُبَذِّرِينَ كَانُوٓا۟ إِخْوَٰنَ ٱلشَّيَٰطِينِ

Sesungguhnya orang *yang* membazirkan mereka itu adalah saudara syaitan. Dan syaitan itu *kufur* terhadap Tuhannya.
(Al Isra': 27)

Dalam Islam, taraf hidup pemerintah dan rakyat sama saja. Umpama anak dengan ayah, yang tinggal dalam sebuah ru-

mah, tentu tiada beza apa-apa, kecuali mungkin keperluan ayah lebih daripada keperluan anak-anaknya. Dan kemudahan hidup ayah lebih daripada kemudahan yang dikehendaki oleh anak-anak. Kerana ayahnya itu perlukan kemudahan dalam mengurus dan mengendalikan tanggungjawab untuk kepentingan anak-anaknya. Itu saja bezanya.

Pembaziran sangat ditentang. Menghabiskan harta dengan sia-sia juga ditegah. Ertinya dalam Negara Islam, tidak ada pemerintah atau orang kaya yang hidup bermewah-mewah dan berfoya-foya. Mereka hidup sederhana. Lebihan harta mereka (kalau ada) adalah untuk tabung-tabung jihad dan untuk rakyat yang memerlukan. Kekayaan orang kaya adalah untuk menampung keperluan negara dan rakyat yang susah. Bukannya hendak menampuk-nampuk harta untuk berfoya-foya dan membuang-buang harta dengan sia-sia.

Tujuan ALLAH adakan miskin dan kaya ialah supaya kedua-dua golongan saling memberi dan menerima untuk menambah ukhuwah antara mereka. ALLAH tidak bermaksud supaya orang kaya berbangga-bangga dan si miskin sakit jiwa. Sebab itu menurut Islam, **dalam harta orang kaya itu ada hak orang miskin yang mesti ditunaikan.** Yang mana sekiranya tanggungjawab ini diabaikan, masalah dan kepincangan akan berlaku dalam masyarakat. Beban dan dosa-dosanya ditanggung juga oleh orang kaya. Kes-kes curi, rompak, hasad dan bunuh akan dilakukan oleh orang-orang'miskin yang jahat kepada si kaya yang sombong dan bakhil. Huru-hara ini akan terpaksa ditanggung juga oleh negara dan masyarakat seluruhnya termasuk orang-orang kayanya.

Dalam keadaan pemerintah dan rakyat hidup sederhana, maka kekayaan negara akan terkumpul untuk digunakan dalam projek-projek pembangunan milik bersama rakyat. Negara dan rakyat akan jadi makmur dan maju tanpa perlu minta sedekah atau berhutang sana dan sini. Kerana ia akan menghilangkan kemerdekaan serta menjatuhkan maruah agama, negara dan bangsa.

3. Sumber kewangan negara juga boleh diperolehi dari zakat, sama ada zakat harta atau zakat fitrah. Hal ini memang diwajibkan oleh Islam. Sebab itu pemerintah mesti serius dalam usaha mendidik rakyat agar semuanya membayar zakat. Yakni dididik dengan iman, betapa orang yang membayar zakat diberi ganjaran yang besar oleh ALLAH dan sebaliknya Neraka untuk yang tidak berzakat. **Sayidina Abu Bakar** telah memerangi golongan yang tidak mahu bayar zakat. Kalaulah hukum ini dikuatkuasakan betul-betul oleh pemerintah yang berwibawa, nescaya wang zakat akan lebih berperanan dalam kehidupan. Dan bila Wang-Wang ini dibagi-bagikan dengan betul kepada lapan asnaf yang termaklum itu, nescaya beban negara berkurangan, kehidupan fakir miskin dapat dilegakan sikit dan akan menghasilkan macam-macam kebaikan insya-ALLAH.

Selain dari zakat, orang kaya juga sangat dianjurkan agar bersedekah, mewakafkan harta, menjamu, berkorban, membantu dalam kemalangan, bantu biaya perubatan, memberi biasiswa dan dalam usaha-usaha atau perniagaan kecil-kecilan rakyat, membantu sekolah-sekolah, masjid, buat jalan raya dan lain-lain lagi. Anjuran ini sangat banyak dan jelas dalam Al Quran dan Hadis. Bahkan Rasulullah dan para Sahabat berhabis-habisan harta untuk jihad di jalan ALLAH. Mereka mahu simpan lebihan harta dunia ini untuk Akhirat. Sebab mereka mahu selamat dari perhisaban di Padang Mahsyar yang dahsyat.

Sebab itu untuk hidup di dunia mereka ambil sekadar perlu untuk kemudahan hidup. Kekayaan mereka diserahkan kepada ALLAH yakni untuk menegakkan masyarakat dan tamadun Islam. Mereka sengaja memilih kemiskinan di dunia demi menegakkan hukum ALLAH di dunia dan menjadi orang kaya Akhirat. Inilah pilihan hidup mereka. Pilihan yang bijak, kerana mengutamakan sesuatu yang kekal abadi.

Negara yang dapat melaksanakan hidup yang sederhana baik di kalangan rakyat mahupun pemerintah, dapat pula mengutip wang zakat serta orang-orang kaya dapat bertindak

menjadi bank kepada masyarakat, semangat pengorbanan untuk jihad fisabilillah pun tinggi, nescaya boleh berdikari dalam soal ekonomi. Bebanan hutang negara dapat diselesaikan atau negara yang belum berhutang tidak perlu berhutang lagi. Untuk buktikan ini cukup saya hitungkan begini; di Malaysia misalnya katalah ada 100 orang, yang tiap-tiap orang mengambil gaji bulanannya sebanyak RMlO ribu sebulan. Ertinya wang negara sebanyak RMl juta telah disia-siakan. Kalau mereka ambil RM3000 saja sebulan, berapa banyak wang negara dapat diselamatkan.

Tapi untuk mendapatkan suasana hidup taqwa itu bukanlah mudah. Menjadikan orang-orang kaya itu bersifat pemurah bukannya mudah. Menjadikan pemerintah orang-orang yang zuhud bukannya mudah. Menjadikan orang miskin redha dan sabar, bukannya mudah. Perlu ada usaha yang serius dan sungguh-sungguh dari semua golongan terutamanya dari para pemerintah dan para mama. Pendidikan taqwa yang amat berkesan perlu diusahakan. Saudara pembaca boleh merujuk ha1 ini dalam buku saya **PENDIDIKAN RASULULLAH.**

Membangunkan Ekonomi Rakyat

Sesudah mengumpulkan Wang-Wang negara melalui cara-cara hidup yang disebutkan tadi, sekarang saya akan bentangkan bagaimana kemasukan wang dari sumber-sumber yang boleh diusahakan oleh rakyat. Moga-moga rancangan ekonomi ini benar-benar dapat menyelesaikan masalah ekonomi umat Islam.

1. Biasanya ALLAH telah limpahkan rezeki semulajadi negara. Sebab rezeki itu adalah rahmat dan anugerah dari ALLAH yang telah dijanjikan. Terhadap seorang yang ada anak ramai pun ALLAH berpesan, jangan bimbangkan rezeki anak-anak. Firman-Nya:

وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَوْلَٰدَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَٰقٍ ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ

> Dan janganlah kamu membunuh anak ***kamu*** (menyekat kelahiran anak ***ramai) kerana*** takut kemiskinan. ***Kamihh*** yang memberi rezeki kepada mereka dan ***kamu juga.***
>
> (Al Isra': **31)**

Demikianlah juga dalam negara. Sebab itu ALLAH limpahkan macam-macam harta dalam negara. Misalnya di Malaysia terdapat bahan-bahan galian seperti emas, perak, timah, minyak dan lain-lain lagi. Ada juga khazanah hutan seperti kayu balak. Di laut ada ikan, di darat ada hasil pertanam dan lain-lain lagi. Semuanya ini adalah rahmat dan limpahan rezeki dari ALLAH yang kalau diagihkan dengan adil pasti cukup untuk mewujudkan kemakmuran kepada rakyat dan negara. Cara untuk menggunakan khazanah kekayaan negara ini dengan sebaik-baiknya ialah:

a. Libatkan rakyat atau paling tidak orang miskin untuk masuk saham dalam mengusahakan pengeluaran khazanah itu. Dengan diuntukkan saham kepada mereka secara subsidi dari pemerintah.
b. Tubuhkan syarikat untuk mengusahakan pengeluaran kekayaan bumi itu, supaya hasilnya merata dan melimpah-ruah kepada negara dan rakyat, sekaligus menambah pendapatan rakyat.

Kalaulah dapat dijayakan langkah-langkah ini, yang tentunya dimulakan dengan jiwa-jiwa taqwa insan-insannya, harta tidak lagi tertompok dalam tangan beberapa individu sahaja tetapi menjadi milik bersama rakyat dan negara.

Perlu diingat, di negeri mana yang ada sumber keluaran minyak atau balak atau lain-lain sumber kekayaan bagi negeri itu, pemerintah mesti menggunakan hasil-hasil pendapatan tersebut untuk membangunkan negeri itu terlebih dahulu. Sebelum wang itu dialirkan ke pusat atau ke lain-lain tempat. Pembangunan seperti jalan raya, biasiswa, dirikan rumah untuk orang miskin dan lain-lain kemudahan dan keperluan.

2. Supaya umat Islam dan rakyat dapat menjadi pengusaha, pembekal dan pengeluar barangan halal, suci dan bersih, kerajaan mesti menggalakkan industri-industri kecil atau home industry di kalangan rakyat. Yakni menubuhkan kilang perusahaan kecil-kecilan di rumah masing-masing untuk membuat makanan-ringan, minuman dan kraftangan. Cara ini tidak memerlukan tenaga dan biaya penyelenggaraan yang besar.

Penerangan peri pentingnya rakyat gemblengkan tenaga dalam kegiatan-kegiatan ekonomi seperti ini mesti dibuat secara serius dari masa ke masa. Yakni diterangkan tentang peranannya sebagai fardhu kifayah yang sangat dituntut oleh Islam, demi tertegaknya ekonomi yang suci, halal lagi menyeluruh. Orang-orang bertaqwa mesti buktikan iman mereka dengan menjalankan hukum-hukum ALLAH ini dalam kehidupan mereka.

Untuk menjamin projek yang penting ini, pemerintah mesti sediakan tenaga dan Wang yang cukup untuk membantu perjalanannya serta menyelesaikan masalah pemasaran dengan menubuhkan agensi-agensi yang berkenaan. Atau menggiatkan penubuhan syarikat kerjasama di kalangan rakyat. Paling tidak di kalangan mereka yang terlibat dengan "industri rumah". Untuk tujuan membekalkan bahan mentah serta mengutip semula hasilnya untuk dipasarkan sama ada di dalam atau di luar negeri.

Gambarkanlah keadaannya bilamana projek ini dapat dijalankan dengan baik, negara akan mempunyai hasil kekayaan bikinan anak negeri sendiri secara halal, pengangguran dapat dihapuskan, pendapatan rakyat dapat ditingkatkan dan selamat dari tekanan-tekanan oleh golongan kapitalis.

3. 9/10 rezeki ada dalam perniagaan. Demikian Rasulullah memberitahu kita. Jadi kekayaan umat Islam boleh dicari melalui perniagaan. Pemerintah mesti melatih, mendidik dan membuka peluang-peluang perniagaan sebanyak-banyaknya kepada rakyat. Ia adalah ibadah fardhu kifayah yang dituntut

yang mana kiranya tidak dilakukan, dosanya akan ditanggung bersama. Umat Islam mesti ada tempat beli-belah sendiri untuk kemudahan rakyat dan ianya mesti berjalan menurut cara Islam.

Bantuan subsidi hendaklah diberikan kepada rakyat yang sudah menunjukkan potensi yang baik. Kerajaan mesti adil dalam memberikan subsidi ini, supaya ia benar-benar merata dan tepat pada orangnya. Subsidi jangan digunakan untuk kepentingan politik. Selain dari itu, penubuhan syarikat kerjasama dan sistem mudharabah (yakni berkongsi tenaga dan modal antara dua pihak) juga boleh membanyakkan gelang gang perniagaan di kalangan rakyat.

Kejayaan peranoangan ini tergantung kepada taqwa, kesungguhan, bantuan-bantuan kemahiran dan modal. Maka pemerintah mesti serius menyediakan itu semua. Di mana juga di dunia ini, siapa yang berjaya menjadi golongan peniaga, merekalah yang dapat jadi pemegang tampuk ekonomi negara. Maka umat Islam mesti mendapatkan ini sedaya upaya.

Punca kegagalan selama ini kerana kerajaan hanya mementingkan soal-soal kemahiran dan modal. Tetapi tidak atas dasar taqwa. Orang yang membeli dan menerima, kedua-duanya tidak atas taqwa. Sebab itu ALLAH lepas diri-Nya. Kalau orang kafir berjaya memanglah atas dasar quwwah (usaha lahir). Tetapi umat Islam mesti atas dasar taqwa. Inilah yang tidak difahami oleh umat Islam selama ini termasuklah di kalangan para pemerintah dan sesetengah alim-ulamanya.

4. Pertanian dan penternakan juga amat penting dalam negara, sebagai sumber bahan mentah. Negara mesti ada makanan dan keperluan asas sendiri tanpa mengharap sumbangan dari negara lain. Untuk itu kesedaran dan jiwa bertani dan ternakan ini mesti ditanam sungguh-sungguh dalam diri rakyat. Jadikan rakyat melihat pertanian ini satu kerja mulia dan tinggi nilainya di sisi ALLAH dan sebahagian

daripada bahan mentah itu adalah keperluan asas kepada rakyat.

Pemerintah mesti cari jalan untuk membuatkan golongan petani menjadi golongan yang terhormat sama ada di segi pendapatan, kehidupan atau pergaulan. Pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi mesti sudi ke ladang, tanah terbiar mesti diusahakan. Untuk itu kita kena tiru wilayah Yunnan dan wilayah-wilayah lain di Negeri China di sudut kesungguhan mereka, bukan di sudut taqwa. Pertanian mereka sungguh mengkagumkan. Seperti dikatakan tadi, subsidi, mudharabah dan syarikat kerjasama adalah bantuan-bantuan yang sangat baik untuk menjayakan projek ini. Sekali lagi, demi kejaya-annya, ia jangan dijadikan mainan politik orang-orang tertentu.

5. Sekiranya usaha-usaha serius dalam negara tidak juga membekalkan keperluan yang cukup, maka pemerintah kena mengusahakan supaya rakyat mengimport keperluan itu dari luar. Kalau boleh, utamakan barang-barang dari negara umat Islam, dengan tujuan membantu ekonomi umat Islam di sana. Keuntungan lain dari kerja-kerja eksport dan import ini ialah terjalinnya hubungan baik antara kedua-dua negara dan rakyat mereka.

Saya kira cukuplah setakat itu dulu perancangan umum tentang ekonomi negara. Yang mana kalau ianya dapat dilaksanakan secara menyeluruh, hasilnya sudah cukup untuk mewujudkan suasana makmur dalam negara. Di mana rakyat semuanya merasa cukup dan selesa tinggal dalam negara. Pembangunan tamadun lahiriah akan dapat dijayakan dengan pesat tanpa menanggung hutang. Tabung-tabung kebajikan sentiasa terisi dan masalah masyarakat akan berkurang, insya-ALLAH. Gambaran suasana dalam Negara Islam boleh disaksikan dengan jelas dalam negara-negara salafussoleh. Mudah-mudahan sejarah ini berulang sekali lagi, insya-ALLAH.

Bab 14

Jangan Jadi Perompak

SAT-U pengkhianatan dan penzaliman besar yang dibuat oleh pemerintah-pemerintah dunia hari ini ialah menjadi kaya-raya hasil dari jawatan dan kedudukan memerintah. Hal ini bertentangan sekali dengan ajaran Islam. Yang .mana dalam Islam, seperti yang dipraktikkan oleh **Rasulullah, Khulafa'ur Rasyidin** dan **Khalifah Umar Abdul Aziz,** mereka lebih zuhud dan miskin sewaktu memerintah. Bahkan mereka mati tanpa meninggalkan apa-apa harta pusaka. Jadi kalau ada orang yang jadi kaya-raya kerana tugas itu, ertinya suatu kesilapan besar sudah dibuat. Rasanya tidak keterlaluan kalau saya katakan, mereka itu ialah pemerintah yang telah merompak harta rakyat.

Mentang-mentang khazanah kekayaan negara diserahkan ke tangan mereka, maka mereka bebas untuk menggunakannya, lalu kekayaan itu diambil untuk kepentingan diri, keluarga dan klik-klik mereka saja. Mereka menipu rakyat dan manusia seluruhnya. Mereka putar-putarkan lidah memperkatakan kebaikan tetapi sikap mereka di belakang rakyat jahat sekali. Firman ALLAH:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يُعۡجِبُكَ قَوۡلُهُۥ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَيُشۡهِدُ
ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا فِي قَلۡبِهِۦ وَهُوَ أَلَدُّ ٱلۡخِصَامِ ﴿٢٠٤﴾ وَإِذَا تَوَلَّىٰ
سَعَىٰ فِي ٱلۡأَرۡضِ لِيُفۡسِدَ فِيهَا وَيُهۡلِكَ ٱلۡحَرۡثَ وَٱلنَّسۡلَ

وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلْفَسَادَ ﴿٢٠٥﴾

Dan sebahagian manusia ketika berucap *mengenui kehidupan di* dunia sungguh mengkagumkan *kamu. Dia hersumpah* membuat pengakuan segala *isi* hatinya bulat untuk ALLAH, *sedangkan* dia itu adalah sejahat-jahat musuh Apabila dia berpaling (di masa *yang lain)* berusaha merosakkan muka bumi, membinasakan *tanam-tanaman* dan binatang ternakan Dan ALLAH tidak suka kepada kerosakan .

(Al Baqarah: 204-205)

Mereka menompok-nompok harta sesama mereka, saling merebutkannya, lalu mereka berpecah-belah, jatuh-menjatuhkan dan mengampu menjilat untuk mendapatkan kekayaan dan jawatan. Kebaikan kecil yang dibuat dibesar-besarkan kepada rakyat dengan melupakan rompakan-rompakan besar yang mereka lakukan. Hampir di seluruh dunia ha1 rompakan ini sedang berlaku sekarang. Mereka beri pada rakyat RM600 sebulan, paling banyak RM3000. Manakala mereka sendiri mengambil RM30 ribu sebulan, tidak termasuk elaun perjalanan, lodging dan lain-lain lagi. Ini yang rasmi, yang tidak rasmi lebih besar daripada itu.

Apa alasan pemerintah ini untuk mengambil gaji seban-, yak itu? Apa yang mereka makan, apa yang dipakai dan apa yang mereka gunakan lagi? Besar sangat ke perut mereka, badan mereka dan lain-lainnya hingga perlukan wang sebanyak itu untuk keperluan bulanan mereka? Kalau rakyat boleh cukup RM600 sebulan, ertinya pemerintah sudah melebihi keperluan asas rakyat berkali-kali ganda banyaknya. Ini suatu pembohongan dan penipuan besar yang telah dilakukannya. Barangkali selain itu, pendapatan tidak rasmi lagi banyak. Maklumlah tiada siapa yang berani intip mereka. Kalau begitu ternyata sekarang dunia sedang diperintah oleh perompak-perompak dan penipu-penipu besar. Negara terpak-

sa menanggung hutang yang banyak.

Tidak pelik mengapa rakyat hampir-hampir di seluruh dunia hari ini sudah tidak segan silu menunjukkan sikap penentangan terhadap pemerintah. Rakyat yang peka dan cerdik sudah tidak boleh ditipu lagi. Mereka mengharap keadilan dan mahukan kepimpinan yang benar-benar adil lagi bersih. Dan hal ini hanya dapat dibuat oleh pemimpin yang bertaqwa yang cinta Akhirat yang mengikut cara pemerintahan Islam yang tulen.

Dalam Islam, jawatan pemimpin bukan kerja untuk makan gaji. Sebab pemerintah bukan pengarah atau pengurus kilang. Kalau pengurus kilang bolehlah ambil berapa pun gaji kerana kilang itu dia yang punya. Gajinya boleh jauh lebih besar dari buruh. Atau dia sebagai pengarah atau pengurus kilang kepunyaan majikan, dia boleh minta gaji sebanyak mana yang dia mahu mengikut yang disetujui oleh majikannya. Negara bukan kepunyaan pemerintah tetapi kepunyaan bersama. Pemerintah bukan keluarkan modal untuk bangunkan negara. Mereka cuma diminta untuk menjaga, mentadbir dan mengurusnya. Mereka menerima amanah mengendalikan perjalanan negara. Mereka tidak boleh makan gaji atas amanah ini.

Dalam Islam, pemimpin ibarat ayah kepada rakyatnya. Seorang ayah yang diamanahkan anak-anak untuk dijaga, tentu tidak akan makan gaji kerana amanah itu. Bahkan dia yang akan mengorbankan hartanya untuk mempastikan amanah itu benar-benar ditunaikan dengan baik untuk kepentingan anak-anak. Sepertimana ayah hidup setaraf dengan anak, begitulah pemerintah dengan rakyat. Ayah yang tinggal serumah dengan . anak-anak masakan akan berbeza hidupnya dengan anak-anaknya. Kalau berbeza pun cuma mungkin ayah makan lebih sikit, baju ayah besar sikit, ayah ada kereta untuk mudahkan urusan tugasnya .dalam mengurus kepentingan anak-anaknya. Tidak mungkin ayah akan makan gaji dengan anak-anak dan mengenakan tambang kepada anak-anak yang naik keretanya. Dalam keadaan kesempitan, biasanya si ayah

sanggup berlapar asalkan anak-anaknya kenyang. Dia tak makan pun tak mengapa asalkan anak-anaknya selamat.

Ayah mahu jadi ayah atas rasa tanggungjawab, bukan atas kepentingan. Demikian sepatutnya pemerintah sanggup menjadi pemerintah adalah kerana rasa bertanggungjawab untuk mengurus hal-ha1 kenegaraan agar negara aman dan rakyat makmur. Keupayaan memimpin yang ALLAH bagi pada seorang pemimpin, adalah satu tuntutan untuk melaksanakan kewajipan menjaga negara dan rakyat. Kalau ia disalahgunakan, berdosalah hukumnya. Kalau rakyat yang baik itu cuma ambil keperluan dan kemudahan hidup sahaja, yang selebihnya diberi kepada pembangunan rakyat dan negara, maka lebih-lebih lagilah pemerintah yang baik, tentu bersedia untuk hidup sederhana dengan hanya mengambil keperluan dan kemudahan hidup sahaja dari harta negara. Selebihnya digunakan untuk pembangunan bersama negara dan rakyat jelata.

Biar saya buat satu tamsilan lagi untuk menampakkan kedudukan pemerintah di sisi rakyat. Mereka bukan majikan terhadap pekerjanya. Sebab negara itu bukan kepunyaan pemerintah. Katakanlah negara itu sebagai sebuah rumah. Kalaulah ketuanya meninggal dunia; maka tentu diperlukan seorang ketua baru untuk mengendalikan rumah itu. Maka dilantiklah salah seorang ahli keluarga rumah itu yang paling layak. Yakni abang yang tertua dan tercerdik. Si abang pun menjalankanlah amanah itu dengan sebaik-baiknya. Demi keselamatan dan keharmonian rumahtangga, masakan ia akan makan gaji dengan adik-adiknya, bersikap pilih kasih dan membiarkan adik-adik hidup sendiri? Tentu ia yang akan berkorban segala-galanya demi kebahagiaan keluarga mereka, kalau ia betul-betul abang yang baik.

Pemerintah tiada hak untuk buat sewenang-wenang dalam negara. Dan kalau ha1 itu sudah berlaku, tunggulah kehancuran bangsa dan negara tersebut. Lihatlah, paling tidak huru-hara akan berlaku. Dan bagi pemerintah, tunggulah Neraka

di Akhirat. Moga-moga para pemerintah di dunia hari ini akan insaf dan jujur untuk mengakui ketelanjuran mereka terhadap rakyat dan bersedia untuk mengubah corak pemerintahan yang zalim kepada pemerintahan Islam yang adil.

Bab 15
Pemerintah Contoh

PEMERINTAHAN ISLAM yang sebenar, yang menepati kehendak-kehendak Al Quran dan Hadis, hanya dapat ditegakkan oleh beberapa orang sahaja dalam sejarah. Itupun berlakunya tidaklah lama, sekitar beberapa tahun sahaja. Memang demikianlah sunnatullah bahawa kebenaran yang tulen itu tidak panjang umurnya. Bak bunga asli, tidak lama kembangnya dan cepat layu. Tetapi bagi bunga plastik, tahan lama.

ALLAH munculkan sesekali pemerintahan contoh supaya manusia dapat buat perbandingan antara pemerintah-pemerintah yang haq dan yang batil. Supaya manusia tahu erti kebatilan dan kebenaran. Supaya manusia akui kelemahannya dan sedar akan kehebatan Tuhannya.

Pemerintahan Islam contoh itu hakikatnya pemerintahan dari ALLAH. ALLAH sendiri campurtangan langsung dalam urusan-urusan pemerintahan tersebut. Mula-mula ALLAH lahirkan wakil-Nya, yakni seorang manusia, kemudian ALLAH beri ilmu-Nya. ALLAH tanggung rezekinya, ALLAH jadualkan langkah-langkah perjuangannya, ALLAH tipu musuh-musuhnya, ALLAH jayakan segala-galanya. Hinggalah berakhir dengan satu bentuk kehidupan yang aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH.

Inilah yang berlaku kepada Rasulullah SAW, yang kemudiannya disambung oleh Khulafa'ur Rasyidin **– Sayidina Abu Bakar As Siddiq, Sayidina Umar Al Khattab, Sayidina**

Usman Ibnu Affan dan **Sayidina Ali bin Abi Talib.** Pemerintahan mereka ini hanya mengambil masa lebih kurang 30 tahun sahaja iaitu di awal-awal tahun hijrah. Hinggalah di tahun 100 hijrah atau awal kurun kedua, lahir pula **Khalifah Umar Abdul Aziz,** diikuti 100 tahun selepas itu dengan lahirnya **Imam Syafi'i** sebagai mujaddid kurun kedua dan pemimpin thoifah untuk zamannya. Demikianlah seterusnya 600 tahun kemudian, munculnya **Muhammad Al Fateh yang** membebaskan Konstantinopel sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah. Tetapi sebelum itu telah lahir **Salahuddin Al Ayubi** yang menawan kembali Baitul Maqdis. Semua mereka ini membawa pemerintahan contoh bertaraf ummah dan thoifah. Terutamanya **Rasulullah SAW,** betul-betul mewakili ALLAH untuk memimpin manusia kepada kebenaran. Hingga terbentuklah oleh baginda sebuah masyarakat dan kerajaan kecil Islam, tepat seperti yang ALLAH mahukan. Hakikatnya itulah dia kerajaan yang ALLAH sendiri membentuknya sebagai satu-satunya negara dan masyarakat terbaik untuk dicontohi dan ditiru oleh dunia sepanjang zaman.

Bila Rasulullah wafat dengan erti selesailah tugasnya memimpin dan memerintah umat, Sayidina Abu Bakar menyambung kerja-kerja tersebut. Diikuti oleh Sayidina Umar Al Khattab, yang turut meniru kerja-kerja Rasulullah di zaman pemerintahannya. Demikianlah seterusnya hingga kerajaan Islam yang adil dan baik itu tidak dapat ditiru lagi oleh pemerintah-pemerintah selepas Khulafa'ur Rasyidin itu. Generasi selepas Sayidina Ali tidak cukup kelayakan dan syarat-syarat untuk menegakkan pemerintahan adil. Hingga lah ALLAH lahirkan seorang pemimpin di setiap awai 100 tahun yang bertaraf mujaddid.

Rasulullah SAW bersabda:

يَبْعَثُ اللهُ لِهٰذِهِ الأُمَّةِ عَلَى كُلِّ رَأْسِ مِائَةِ
سَنَةٍ مَنْ يُجَدِّدُ لَهَا أَمْرَ دِيْنِهَا

ALLAH akan mengutus untuk umat ini, setiap awal 100

rahun mereka yang memperbaharui mujahid) urusan agama-NYA.

Dengan cara-cara yang sesuai untuk mujaddid itu, ALLAH sendiri mendidik dan menjaganya, memberi rezeki dan ilmu serta kecerdikan dan lain-lain lagi hingga berulanglah satu pemerintahan yang benar-benar adil, di tangan para mujaddid. Mereka dapat menepati kehendak Al Quran dan Sunnah Rasul-Nya di zaman mereka. Sebenarnya apa yang mereka bawa betul-betul pembaharuan yang memeranjatkan orang sezamannya. Sebab apa yang diperjuangkannya tidak terduga dan tidak termampu dilakukan oleh orang lain. Orang lain tidak terfikir pun nak buat apa yang dibuatnya. Kerana mujaddid itu sebenarnya orang yang ALLAH janjikan. Hadis di atas itulah hujah kepada kenyataan ini: **Mujaddid adalah orang yang dijanjikan.**

Selain mujaddid, belum pernah diceritakan adanya individu yang berjaya menegakkan pemerintahan yang adil. Ramai yang memerintah tetapi tidak adil. Memang mereka . ingin berlaku adil tetapi ternyata tidak mampu. Sebab halangan, ujian dan masalahnya cukup banyak dan besar. **Tidak ada yang tahan kecuali orang-orang ALLAH saja.**

Saya sebutkan itu bukan bermaksud untuk melemahkan semangat pejuang-pejuang Islam dan yang berjuang menegakkan Islam. Tidak sekali-kali, kerana memang berjuang itu tuntutan agama. Siapa yang melakukannya sangat besar pahalanya. Terbunuh kerananya, syahid. Saya berkata demikian itu, kerana melihatkan pejuang-pejuang Islam di dunia hari ini, cita-cita mereka begitu besar, sedangkan kemampuan dan potensi yang ada kecil sahaja. Mereka bercakap ten tang persoalan sejagat dan Islamic Country. Sedangkan diri keluarga dan jemaah atau parti atau harakah sendiri, tidaklah semampu mana pun. Pengikut diajak berangan-angan besar. Sedangkan usaha, pengorbanan, tenaga, perpaduan dan jiwa, lemah sekali. Jadilah pejuang-pejuang Islam itu seperti Mat Jenin. Hingga perjuangan Islam yang dilaung-laungkan

dianggap perkara lucu oleh para pemerhati, dengan pendukungnya tidak lagi disegani, kerana jelas tiada wibawa.

Para mujaddid, pemimpin yang ALLAH lantik itu, mereka bukannya meminta kuasa memerintah dan tidak juga merebutnya. Sebab mereka tahu tugas memimpin itu tidak boleh direbut-rebutkan. Bahkan mereka dapat menasihati pemerintah itu pun sudah cukup baik. Dalam keadaan mereka takut dengan kuasa itu, tapi sebaliknya manusia sangat inginkan kepimpinan dari mereka, maka dengan kuasa ALLAH, ALLAH pun serahkan kuasa memerintah itu kepada mereka. Puncanya, orang ramai tertarik dengan kepimpinan mereka. Lalu mereka pun mendapat ramai pengikut.. Jemaah mereka menjadi begitu berwibawa, kepimpinan mereka sangat dikagumi. Dalam keadaan demikian, walaupun dia tidak meminta kuasa memerintah, namun ALLAH serahkan juga padanya.

Demikian itulah hasilnya pemerintahan yang adil. Tetapi selain itu, pemimpin yang naik melalui demokrasi, umumnya tidak mampu berlaku adil, walaupun keinginannya begitu besar sekali. Sebab itulah saya peringatkan tadi, supaya pejuang-pejuang Islam jangan berangan-angan. Kalau kita rasa kita bukan orang yang dijanjikan ALLAH, rasanya cukuplah kita berjuang secara kecil-keciian sahaja. Baiki diri, keluarga dan masyarakat serta jemaah dengan sungguh-sungguh. Kalau usaha itu berjaya, itu pun sudah cukup besar rasanya. **Apa ertinya kita memerintah negara tetapi Islam tidak pun tertegak oleh kita? Orang hilang kepercayaan terhadap kita. Lebih baik kita jadi penasihat kepada pemerintah, itulah yang lebih bijak rasanya.**

Hal inilah yang telah dibuat oleh **Imam Syafi'i** ketika dia ditawarkan memerintah, lalu ditolaknya. Demikian juga **Imam Ahmad,** menolak tawaran memerintah. Mereka tidak mahu, memerintah tetapi tetap menasihati pemerintah agar berlaku adil. Sebab orang yang bertaqwa itu, amat takut dengan ALLAH dalam urusan memimpin ini. Yang jelas mereka tidak merebutkannya.

Sebab nak berlaku adil dalam pemerintahan bukanlah mudah. Sedangkan pemerintah yang tidak adil, tidak dapat lepas dari Neraka. Dalam pengalaman dunia, hanya beberapa orang sahaja pemerintah yang adil, yakni yang layak untuk ke Syurga. Selain mereka, semuanya ke Neraka. Apakah anda suka kiranya jawatan memerintah itu membukakan pintu Neraka untuk anda? Tidak, bukan? Sebab itu takutlah pada ALLAH kiranya anda tercalon untuk jadi pemimpin. Sebab umumnya pemimpin gagal dalam tugasnya. Terlalu sedikit yang berjaya.

Memimpin sebenarnya kerja yang sangat berat dan sulit. Ia tidak munasabah untuk dijadikan rebutan. Kalau ada orang yang lebih boleh berbuat, kita bersyukur sepatutnya. Apakah kita nak berebut untuk panjat pokok kelapa? Tentu tidak, bukan? Kalau adalah orang lain boleh buat, kita rasa lega bukan? Demikianlah menjadi pemimpin yang adil, hakikatnya jauh lebih susah dari kerja memanjat pokok kelapa. Apa pendapat anda?

Berikut saya paparkan satu contoh pemerintahan adil, yang amat sulit dan berat untuk dijayakan. Moga-moga kita dapat menirunya, kalau betul-betul kita mahu memimpin umat ini.

Sayidina Umar Al Kbattab setelah menjadi khalifah

1. Sayidina Umar setelah menjadi khalifah sangat mengambil berat terhadap urusan manusia.

2. Selepas dilantik menjadi khalifah, beliau tidak berupaya tidur di waktu malam. Beliau berkata, “Aku tidak dapat tidur di waktu siang, takut urusan rakyat tidak sesuai. Aku tidak dapat tidur di waktu malam, takut urusanku dengan ALLAH tidak selesai.”

3. Di waktu bersembahyang malam, hatinya tidak dapat menumpukan kepada sembahyang, kerana fikirannya diganggu oleh urusan manusia, kemudian beliau pun menangis.

4. Setiap hari selepas sembahyang Subuh, beliau duduk memikirkan urusan manusia serta membahagi-bahagikan rampasan perang (ghanimah) kepada orang-orang yang berhak. Iaitu rampasan perang yang disampaikan kepadanya oleh ketua-ketua tentera yang menawan negara-negara musuh.

5. Setiap kali beliau menerima harta, beliau sentiasa berfikir kepada siapa hendak diberikan harta itu.

6. Pemah Sayidina Umar duduk di hadapan harta yang banyak dan rampasan perang yang amat besar sekali. Kemudian beliau menyuruh sebahagian Sahabat mengiranya. Selepas itu beliau mengisytiharkan dasamya terhadap pembahagian harta. Ucapannya kepada orang ramai: "Demi ALLAH, tiada Tuhan melainkan Dia, tiada seorang pun di kalangan manusia melainkan baginya ada hak atas harta itu. Tiada seorang pun yang lebih berhak daripada seorang yang lain, dan saya juga tidak berhak, melainkan saya samalah seperti salah seorang daripada mereka."

7. Beliau sentiasa bergaul dengan manusia. Ke mana saja beliau pergi, beliau sentiasa membawa tongkat kecil di tangannya. Sesiapa yang bersalah (melakukan kemungkaran dan dosa) dipukul dengan tongkatnya.

8. Sayidina Umar pemah melihat penjual susu menipu di sebuah pasar, lantas beliau memukulnya, kemudian menggugut untuk memenjarakannya. Selepas itu, susu itu dibagi-bagikan kepada fakir miskin dan beliau memberi amaran bahawa sesiapa yang menipu akan diazab dengan azab yang menyakitkan. Kemudian beliau mengingatkan manusia tentang Sabda Rasulullah SAW: Burung siapa menipu, maka bukanlah daripada golongan kami.

9. Waktu siang beliau mengelilingi pasar Madinah untuk memerhatikan keadaan rakyatnya. Di waktu malam beliau berjalan-jalan keluar untuk mengesan keperluan rakyat dan di tangan kanannya ada tongkat.

10. Sayidina Umar pemah melihat ada di kalangan **orang-**orang yang beribadah di dalam masjid yang tidak bekerja, lantas beliau memukulnya.

11. Sayidina Umar selalu bertanya kepada orang-orang yang ditemuinya di dalam masjid selepas sembahyang tentang usaha-usaha mereka. Jika didapati ada yang tidak mempunyai usaha, beliau menggalakkannya berniaga atau mendorong memahirkan apa-apa kerja untuknya.

12. Sayidina Umar tidak memberi zakat kepada muallaf kerana beliau berijtihad bahawa Islam telah kuat, berwibawa dan tidak berhajat mengambil hati seseorang.

13. Sayidina Umar sangat keras mendisiplinkan diri dan keluarganya. Beliau dan keluarganya tidak sampai berkenyang-kenyang dan berpakaian berlebih-lebihan.

14. Beliau pemah melihat seekor unta yang gemuk lagi cantik lantas bertanya: "Siapa punya unta ini!" Ada yang menjawab, "Itu unta Abdullah bin Umar (anak Sayidina Umar)". Mendengar jawapan itu, beliau mengutuskan seseorang memanggil Abdullah. Setelah Abdullah hadir, Sayidina Umar berkata: "Bertuahlah engkau wahai anak Amirul Mukminin. Unta apa ini!"

    Abdullah menjawab: "Aku membeli dengan duitku sendiri. Aku buat berniaga dan aku melakukan apa yang dikehendaki oleh kaum Muslimin."

    Sayidina Umar berkata: "Orang yang melihat akan berkata, jagalah ia kerana ia unta anak Amirul Mukminin. Begitulah menjadikan unta engkau gemuk dan bertambah subur. Keuntungan yang engkau perolehi dari unta Amirul Mukminin! Wahai Abdullah Ibnu Umar, ambillah modal yang engkau gunakan untuk membeli unta ini dulu dan untungnya kau beri kepada Baitul Mal."

15. Sayidina Umar pernah memanggil anggota keluarganya, kemudian berucap: "Manusia semua melihat kepada kamu

sepertimana burung melihat kepada daging. Apabila kamu melakukan sesuatu, mereka melakukan. Jika kamu awas, mereka juga awas. Sesungguhnya demi ALLAH, tidak ada seseorang pun dari kalangan kamu yang melakukan apa yang aku larang manusia melakukannya melainkan aku akan azab dia berganda-ganda kerana kedudukannya sebagai keluargaku."

16. Seorang Arab Badwi pemah berkata kepadanya: "Ya Umar! Bertaqwalah kepada ALLAH!" Lantas seorang yang ada di dalam majlis itu berkata: "Orang yang semacam engkau hendak berkata kepada Amirul Mukminin bertaqwalah kepada ALLAH?"

    Lantas Sayidina Umar berkata, "Biarlah dia berkata, maka tidak ada kebaikan bagi kamu yang tidak mengucapkannya, tidak ada kebaikan kepada kami pula kalau tidak mahu mendengarnya. Biarlah dia ucapkan kepada aku, maka inilah sebaik-baik apa yang diucapkan."

17. Sayidina Umar pemah mengajak manusia berhimpun di masjid. Kemudian naiklah beliau ke atas mimbar dan berpidato:

    "Wahai sekalian Muslimin, apa kamu akan katakan kalau aku sudah cenderung dengan dunia, sedangkan kau takut bersalah. Maka tiada seorang pun di kalangan kamu yang sanggup menegah kerana membesarkan aku. Jika aku baik, tolonglah aku. Jika aku bersalah, betulkan aku."

    Kemudian seorang lelaki berkata: "Demi ALLAH, jika kami lihat engkau telah keluar daripada kebenaran, nescaya kami akan kembalikan kamu kepada kebenaran." Kemudian melompat seorang lelaki yang lain lantas berkata: "Demi ALLAH, ya Amirul Mukminin, jika kami melihat kamu menyeleweng, nescaya kami membetulkan engkau dengan pedang-pedang kami."

    . Kemudian Sayidina Umar berkata: "Moga-moga ALLAH merahmati kamu. Segala puji bagi ALLAH yang telah menjadikan ada di kalangan kamu, orang yang akan

meluruskan Umar dengan pedang-pedangnya."

18. Sayidina Umar pemah berucap di atas mimbar: "Wahai manusia, aku akan berdoa, aminkanlah."

Dia pun mengangkat dua tangan dan berdoa: "Wahai Tuhan, aku ini kasar, lembutkanlah aku untuk orang yang mentaati Engkau bersesuaian dengan kebenaran, kerana menuntut keredhaan-Mu dan Hari Akhirat. Dan berilah aku rezeki akan kekerasan dan ketegasan terhadap musuh-musuh Kamu dan orang-orang yang fasiq dan munafiq dengan tidak menzalimi mereka dan tidak juga memusuhi mereka. Wahai Tuhanku, aku bakhil. Maka jadikanlah aku pemurah dengan tidak membuang-buang harta dan membazir dan tidak riyak dan bermegah. Jadikanlah aku dengan demikian itu, tujuan kerana Zat-Mu dan Negeri Akhirat.

"Jadikanlah aku merendahkan sayap dan diri terhadap orang-orang Mukmin. Ya ALLAH, aku ini telah banyak lalai dan cuai, dan ilhamkan aku untuk mengingat-Mu di dalam sebarang keadaan. Dan ingatkanlah aku kematian di setiap ketika. Wahai Tuhanku, aku ini lemah beramal untuk mentaati-Mu, berilah aku rezeki, kecergasan dan kekuatan ke atasnya dengan niat yang baik dan yang tidak akan berlaku, kecuali dengan kemuliaan dan taufiq-Mu. Wahai Tuhan tetapkan aku dengan keyakinan, kebajikan dan kekuatan. Dan berilah aku khusyuk pada apa saja yang membuat Engkau redha padaku, dan berilah aku rezeki untuk muhasabah diri dan memperbaiki segala niat dan sentiasa awasi terhadap segala yang syubahat. Wahai Tuhan, rezekikanlah aku berfikiran dan mengambil perhatian pada apa saja yang akan diucapkan oleh lidahku dari kitab-Mu dan berilah aku kefahaman dan mengambil berat tentang pengertiannya dan mengkaji rahsia-rahsia dan beramal dengan apa yang tersimpan."

19. Selepas berdoa beliau berucap: "Wahai manusia, sesung-

guhnya Arab itu seumpama unta yang lemah dan akan mengikut orang yang menuntunnya, di mana saja dia dituntun. Sesungguhnya demi Tuhan, aku akan bawa kamu di atas hal kebenaran."

Kemudian beliau pun turun dari mimbar dan menulis satu surat kepada petugas-petugasnya, meminta mereka mengambil berat dalam membaiki urusan mentadbir kes wangan orang ramai dan bertanggungjawab terhadap keperluan-keperluan manusia. Selepas itu beliau berucap:

"Wahai para gabenor sekalian, sesungguhnya kalau kami lihat harta ini halal bagi kami nescaya kami akan menghalalkan untuk kamu. Apabila tidak halal bagi kami, kami akan larang untuk diri-diri kami, maka hendaklah kamu tegah untuk diri-diri kamu."

20. Sayidina Umar sangat aktif menghantar tenteranya ke negara-negara lain seperti Iraq dan Syam, tetapi bukan untuk menjajah atau untuk kekayaan dunia. Tetapi beliau melakukan seperti Rasulullah SAW dan Sayidina Abu Bakar lakukan iaitu dengan tujuan: mempertahankan Islam dari serangan musuh, menyebarkan ajaran Islam dan membebaskan manusia dari belenggu kehinaan dan perhambaan sesama manusia (oleh bangsa Parsi dan pemerintahan Rom), dan juga untuk membangunkan masyarakat ma-nusia di atas asas meneguhkan rasa persaudaraan di bawah satu naungan, satu agama, bertoleransi, adil dan memberi kebaikan. Caranya ialah mengajak manusia dengan cara yang bijaksana dan nasihat-nasihat yang baik. Hanya jika mereka memerangi, barulah diperangi balik.

21. Sayidina Umar pernah menasihatkan para kadhi (hakim) agar jangan menghukum dengan melihat zahir semata-mata. Beliau mengambil iktibar dari kisah Nabi Yusuf. Sesungguhnya saudara Nabi Yusuf mencampakkannya ke dalam perigi, kemudian mereka balik kepada bapa mereka dengan menangis-nangis.

22. Sayidina Umar sangat mesra dengan Sayidina Ali. Beliau selalu bersahabat dengannya walaupun perbezaan umur di antara keduanya sangat jauh. Persahabatan antara keduanya sangat rapat dan mereka sangat berkasih sayang. Di antara satu sama lain sentiasa mengiktiraf kedudukan masing-masing.

23. Apabila Sayidina Ali sebut namanya di sisi Sayidina Umar, Sayidina Umar akan berkata: "Ali orang yang paling pandai menghukum di kalangan kami." Apabila satu-satu masalah itu kesamaran kepada Sayidina Umar, dan Sayidina Ali tidak ada bersamanya, hatinya tidak tenang menghukum, lantas dia berkata: "Tidak ada keputusan sedangkan Abal Hassan tidak ada." Banyak kali beliau menyebut, "ALLAH tidak akan menghidupkan saya di satu bani yang Abal Hassan tidak ada padanya."

24. Sayidina Ali mengakui pula akan kelebihan yang ada pada Sayidina Umar. Beliau selalu saja menyebut tentang kelebihan Sayidina Umar kerana beliau pemah mendengar Rasulullah SAW menyebut, "Sebaik-baik manusia selepas Rasulullah SAW ialah Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Umar."

25. Sayidina Umar sangat amanah dalam menjaga harta Baitul Mal.

Pada satu ketika dia naik ke atas mimbar hendak memberi nasihat, tiba-tiba dia merasa sakit. Ada orang mengatakan bahawa ubatnya ialah madu lebah. Sedang di waktu itu di dalam Baitul Ma1 (Perbendaharaan Negara) ada tersimpan setong (segariba) madu lebah. Namun kata beliau, "Kalau tuan-tuan izinkan, saya akan mengambilnya sedikit, tetapi kalau tidak, haramlah saya mengambilnya."

Beliau juga pemah berkata, "Wahai umat, kamu harus maklum bahawa harta Baitul Ma1 ini bukanlah kepunyaanku atau keluargaku. Harta Baitul Ma1 adalah kepunya-

an kamu, dan kamu berhak menerimanya. Aku diamanahkan supaya menjaga harta kamu ini. Dan aku akan ditanya kelak oleh ALLAH tentang bagaimana cara aku menjaga harta itu dan bagaimana caranya aku menguruskan kepentingan umat Islam. Celakalah aku nanti sekiranya ALLAH mendapati aku tidak amanah terhadap harta Baitul Ma1 itu."

26. Melayani seluruh rakyat dengan rasa persamaan dan bersikap adil walaupun kepada orang yang dipandang rendah.

Pada satu hari Umar pergi naik haji, **Safyan Ibn Umayyah** menyediakan dan mengajaknya makan. Lalu' dikeluarkanlah sebuah talam besar makanan diangkat oleh empat orang khadam. Mereka pun makan tetapi khadam-khadam itu tegak sahaja. Lalu -Umar berkata, "Mengapa saya lihat khadam-khadam tuan tidak makan bersama!" Lalu mereka menjawab, "Tidak, demi ALLAH ya Amirul Mukminin, tetapi kami kemudiankan sahaja mereka makan untuk menunjukkan kebesaran kita." Mendengar itu beliau marah, lalu berkata, "Tiap-tiap kaum yang merendah-rendahkan khadamnya akan direndahkan ALLAH. Ayuh, khadam-khadam, mari makan bersama-sama!" Maka khadam-khadam itupun ,.makan bersama-sama sehingga tidak ada lagi makanan yang dimakan oleh Amirul Mukminin.

27. Sayidina Umar amat tegas bila berdepan dengan penganiayaan dan sikap mementingkan diri seorang Muslim terhadap saudaranya yang lain.

Pernah terjadi seorang lelaki datang ke sebuah kampung di sebuah oasis meminta air minuman. Malangnya penduduk kampung pedalaman itu tidak mahu memberinya, hingga orang itu mati. Maka oleh Sayidina Umar seluruh penduduk kampung itu dikenakan diat **(denda** kerana membunuh).

28. Sayidina Umar tidak pilih kasih, tidak takut dalam urusan

pemerintahan sekalipun kepada tokoh-tokoh besar yang berpengaruh.

Suatu masa sedang tangan kanannya memegang tong kat (cambuk) Sayidina Umar pergi ke Makkah. Beliau telah bertemu dengan ‘Abu Sufyan (seorang pembesar yang terkenal) yang sedang duduk berhampiran batu-batu. Umar berkata, “Angkat batu ini!” Lalu batu itu diangkat oleh Abu Sufyan. “Ini pula, ini pula,” kata beliau lagi. Semuanya diangkat oleh Abu Sufyan dengan tidak bertanya pun apa sebabnya, untuk apa, sampai 5 atau 6 buah batu. Setelah itu Sayidina Umar terus mengadapkan mukanya ke Kaabah lantas menangis, “Segala puji bagi-Mu ya ALLAH yang telah menjadikan Umar sanggup memerintah Abu Sufyan di pusat kelahirannya sejati (Makkah) dan diturutnya perintah itu.”

29. Sayidina Umar cuba sedaya upaya memperseimbangkan sikap lunak dan kerasnya semasa memerintah.

Melalui **Abdul Rahman bin Auf** pernah orang mengadu kepadanya, “Umar, engkau telah menimbulkan rasa takut kami sehingga mata kami tidak kuat menentang matamu.” Lalu berkata Sayidina Umar kepada Abdul Rahman bin Auf, “Benarkah mereka berkata demikian? Demi ALLAH, telah aku cuba melunakkannya sehingga lantaran lunak itu aku takut dimurkai oleh ALLAH pula. Telah cuba aku berkeras, sehingga aku juga takut dimurkai ALLAH kerananya. Oh... bagaimana lagi? Bagaimana nasib aku ini berbanding mereka!”

30. Bila rakyat melihatnya, mereka takut kepada ALLAH.

Seorang lelaki Quraisy telah menemui Sayidina Umar dan berkata, “Bersikap lunaklah kepada kami, sebab kami sudah amat gentar melihatmu.” Umar menjawab, ‘<Adakah di situ tersimpan perbuatan saya yang zalim!” “Tidak,” jawab lelaki itu. Maka kata Umar, “Kalau demikian, biarlah ALLAH menambah takut dalam hatimu terhadap aku.”

Sedang mereka berbual, waktu sembahyang tiba. Memang tidak salah kalau beliau sembahyang di dalam gereja sekalipun. Tetapi sebaliknya beliau melakukan solat di luar bangunan itu. Ketika ditanya, "Mengapa tuan sembahyang di luar? Bukankah lebih selesa sembahyang di dalam ini?" Sayidina Umar menjawab, "Benar tuan. Memang tiada salahnya. Tetapi saya tidak mahu di belakang hari kelak orang menuduh saya menukar gereja kepada masjid lalu perbuatan saya dicontohi oleh kaum Muslimin."

35. Sayidina Umar sangat mementingkan nasib rakyatnya. Beliau selalu duduk bersama rakyatnya, makan dan berbual bersama tanpa kelihatan perbezaan tingkat hidup di antara beliau dan rakyatnya.

Pernah terjadi satu musim kemarau yang amat dahsyat hingga di Madinah makanan begitu sukar didapati. Sayidina Umar bersama-sama rakyatnya begitu menderita dengan ujian ini. Satu ketika dibawa oleh pelayannya sedikit minyak sapi dan susu ke rumahnya. Kata pelayan itu, "Ya Amirul Mukminin, saya membeli sedikit minyak sapi dan susu ini dari *Wang saya sendiri untuk tuan..."

Mendengar kata pelayannya, beliau berkata, "Pergilah engkau hadiahkan kepada orang Islam yang lebih memerlukan. Aku tidak akan makan makanan seperti susu dan minyak sapi ini selagi aku lihat ada orang Islam yang masih lapar dan susah di negara ini."

36. Beliau selalu solat dan berdoa di malam hari di masjid. Suatu malam datanglah seorang utusan dari Iraq ke Madinah untuk bertemu dengan Khalifah Umar. Oleh kerana waktu itu hari telah pun jauh malam utusan itu pun singgah bermalam di masjid. Waktu itu Sayidina Umar baru selesai solat. Melihat tetamu itu masuk beliau pun mendekatinya seraya bertanya, "Anda nampaknya datang dari jauh. Dari mana anda datang? Apa hajat?"

Jawab utusan itu (tanpa mengetahui orang yang ber-

yang berhak mendapat bantuan dari kita setiap bulan."

38. Beliau sangat mengasihi rakyatnya sekalipun kepada anak-anak.

Satu ketika sewaktu melantik seorang gabenor baru di satu wilayah, Sayidina Umar berjalan-jalan melihat keadaan rakyat bersama gabenor barunya. Beliau telah melihat seorang budak kecil lalu diangkat, ditimang serta diciumnya. Melihat keadaan Umar yang sangat halus dan penyantun itu, gabenomya berkata, "Wahai Amirul Mukminin, patutkah tuan melayani anak kecil seperti ini? Saya fikir tidak patut bagi seorang pemerintah melayani anak kecil. Demi ALLAH saya sendiri tidak pemah berbuat demikian."

Mendengar itu beliau menjawab, "Demi ALLAH, tahukah engkau bahawa barangsiapa yang tidak mempunyai belas kasihan dan santun terhadap orang lain maka ia tidak sepatutnya diberi amanat untuk memelihara kepentingan umat. Tidakkah engkau tahu wahai pejuang ALLAH, bahawa anak-anak kecil juga ialah sebahagian rakyat kita? Aku bukan sahaja khalifah kepada umat Islam... tetapi juga khalifah kepada kanak-kanak!"

39. Sayidina Umar sangat ditaati oleh rakyatnya hingga air Sungai Nil, pun mematuhi perintahnya.

Ketika gabenomya di Mesir Amru Al **Ash** menghantar surat bahawa air Sungai Nil telah semakin surut dan kering kerana mengikut kepercayaan penduduk asal (bangsa Qibti), seorang anak dara mestilah dikorbankan untuk membolehkan air mengalir seperti biasa, Sayidina Umar cuma menghantar surat dengan pesannya surat itu hendaklah dijatuhkan ke dalam Sungai Nil. Surat itu berbunyi:

"Surat ini dikirimkan oleh Umar, Amirul Mukminin kepada Sungai 'Nil. Hai Sungai Nil... kalaulah air yang mengalir pada tubuhmu itu bukanlah dari kuasa ALLAH

maka kami tidak sekali memerlukan engkau. Tetapi kami percaya ALLAH itu Maha Berkuasa dan kepada-Nya kami bermohon supaya engkau mengalir seperti biasa."

Bila surat itu jatuh sahaja ke dalam Sungai Nil, airnya pun mengalirlah seperti sediakala.

40. Beliau amat takut dengan amanah kekhalifahan yang disandangnya dari awal hinggalah akhir hayatnya.

Ketika dilantik menjadi khalifah beliau berkata, "Kalaulah aku tahu ada antara kamu lebih baik dan lebih kuat dariku dalam menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah ini, aku lebih rela leherku dipotong daripada menerima jawatan ini..."

Ketika hampir wafat setelah ditikam, beliau berpesan kepada anaknya (Abdullah bin Umar), "Wahai Abdullah, keluarga Umar tidak menaruh sedikit pun niat untuk menjadi khalifah. Cukuplah di kalangan mereka Umar Al Khattab sahaja yang akan ditanyai oleh ALLAH SWT akan tanggungjawabnya terhadap umatnya. Anakku... sekali-kali jangan, jangan engkau mengingat-ingat akan jawatan khalifah ini..."

Bab 16
Warganegara Dalam Negara Islam

DALAM Negara Islam, siapa saja yang berada di dalamnya atau yang mendatang ke situ, **atau** pelancong-pelancong bahkan pelarian-pelarian yang mencari perlindungan, semuanya secara automatik dianggap warganegara (penduduk negara). Mereka semua dihormati, dilindungi dan dijaga kebajikannya tanpa mengira kaum, bangsa, agama, warna kulit, bahasa dan lain-lain lagi. Demikianlah Islam memandang manusia ini sama sahaja. Bahkan bumi ALLAH ini dianggap kepunyaan bersama. **Siapa pun boleh tinggal di mana tempat yang dia suka. Tidak perlu ada sempadan geografi antara negara-negara, tidak perlu ada pasport dan visa.** Begitulah takrif kesatuan sejagat atau global menurut Islam.

Cuma sayangnya, dunia hari ini tidak praktikkan konsep ini. Di waktu mereka melaungkan perpaduan dan kerjasama, mereka juga memecah-mecahkan dan mengkotak-kotakkan bumi ALLAH ini, kononnya supaya senang mereka memerintah. Di negara-negara yang katanya Islam pun seperti Kerajaan Saudi dan Iran, kelihatan sama juga, tidak membawa perpaduan sejagat ini. Masing-masing tidak terlepas dari fanatik asobiah ini.

Kita rindukan Negara Islam tulen. Yang ianya terbuka untuk sesiapa saja. Pelancong seolah-olah tetamu yang dilayan sebaik-baiknya (ikranwdduyufl. Dan kalau pelancong mahu tinggal lama pun boleh. Pelarian-pelarian juga dikira tetamu dan warga yang pasti dilindungi. Demikianlah Islam mem-

benarkan kerana ia adalah penyelamat, pelindung yang memberi keamanan dan kemakmuran pada warganya.

Untuk memudahkan urusan pemerintahan dan pentadbiran serta pengurusan warganya, Negara Islam mengkategorikan seluruh rakyat hanya kepada dua kategori, yakni:

1. Warganegara Islam (Muslim citionship).
2. Warganegara bukan islam (non-Muslim *citizenship*

Pemisahan ini adalah kerana berbezanya cara hidup orang Islam dengan yang bukan Islam. Ada peraturan yang dikenakan kepada orang Islam tetapi tidak dikenakan pada orang bukan Islam. Misalnya, umat Islam diwajibkan membayar zakat bila cukup nisab dan haulnya, sedangkan umat bukan Islam tidak berzakat. Sebab itu bagi warganegara yang bukan Islam, ada beberapa peraturan khusus untuk mereka.

Mari kita lihat hak-hak yang diberikan oleh Negara Islam kepada warganya yang Islam dan yang bukan Islam.

A. Warganegara Islam

Setiap orang Islam sama ada yang asli (penduduk tempatan) atau mendatang (penghijrah, pelancong, tetamu, pelarian dan lain-lain lagi) mendapat hak asasi yang sama saja. Orang besar, orang kecil, orang berjawatan, orang tidak berjawatan, orang kaya, orang miskin tidak dibeza-bezakan dalam urusan mendapatkan hak-hak asasi ini. Iaitu:

1. Kebebasan untuk memiliki rumah, harta dan lain-lain.
2. Kebebasan bekerja dan bercakap.
3. Peluang belajar di dalam dan luar negeri.
4. Melaksanakan dan mengurus hak-hak agama.
5. Kalau dicerobohi, dilindungi dengan penceroboh itu dihukum.
6. Mempertahankan maruah diri, harta, keluarga dan lain-lain lagi. Bahkan dalam ajaran Islam seseorang yang mati kerana mempertahankan dirinya, maruahnya, keluarganya dan hartanya itu dianggap mati syahid.

Sabda Rasulullah:

مَنْ قُتِلَ دُوْنَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ، وَمَنْ قُتِلَ دُوْنَ دَمِهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ، وَمَنْ قُتِلَ دُوْنَ دِيْنِهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ، وَمَنْ قُتِلَ دُوْنَ أَهْلِهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ،

Sesiapa ***yang*** terbunuh kerana mempertahankan ***hartanya*** maka dia dianggap syahid, dun sesiapa ***yang*** terbunuh ***kerana*** mempertahankan darahnya maka dia juga ***syahid,*** sesiapa ***yang*** terbunuh kerana mempertahankan agama (maruah)nya maka dia syahid dan sesiapa yang terbunuh ***kerana*** mempertahankan ***keluarganya*** maka dia juga ***syahid.***

(Riwayat Abu Daud dan At Termizi)

Itulah dia hak-hak asasi umat Islam secara umum dalam Negara Islam. Mereka dibolehkan, bahkan bebas berorganisasi, beraktiviti, berdagang, mengumpul harta, berjuang, berhibur, menulis mengeluarkan pendapat dengan syarat tidak melanggar syariat ALLAH dan tidak melanggar hak asasi orang lain. Juga tidak bercanggah dengan arahan pemimpin, yang arahan itu pun sesuai dengan ajaran Islam. Arahan pemimpin yang tidak syar'i tidak wajib ditaati.

Rasulullah SAW bersabda:

اَلسَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيْمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ. فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

hormat dan patuh ***wajib*** kepada ***orang*** Muslim sama ada perkara itu disukui ***atau*** tidak selama tidak diperintahkan ***perkara maksiat.*** Apabila seseorang ***itu diperintah*** supaya ***melakukan*** maksiat ***maka tidak ada hormat dan ketaatan lagi.***

(Riwayat Al Bukhari)

Umat Islam dalam Negara Islam sepatutnya ialah orang orang yang mengikut cara hidup Islam, dengan merujuk kepada Rasulullah dan salafussoleh. Supaya umat Islam jadi macam para Sahabat, yang mereka itu jadi tuan di dunia, jadi tuan di Akhirat. Mereka dapat tumbangkan Rom dan Parsi. Mereka bukan saja jadi negara maju bahkan muncul sebagai empayar yang menguasai 3/4 dunia. Mereka bukan saja terkenal di langit, tapi juga di bumi. Bahkan mereka terus terkenal dan disebut sampai ke zaman ini, 1400 tahun sesudah mereka meninggal. Maqam mereka tetap diziarahi. Mereka bukan saja kaya, bahkan dunia berada dalam tangan mereka. Bahkan sekarang ini mereka sedang diulit kenikmatan Barzakh yang kelazatannya tidak tergambarkan dan tidak terkatakan.

Umat Islam kalau terus meniru Barat, nampaknya takkan sampai ke mana pun. Kejayaan dunia pun ala kadar saja. Kalau ada yang kaya hanya bilangan jari sahaja. Kepentingan Akhirat langsung terlepas. Oleh itu apa salahnya kita alih pandangan pada ALLAH. Lupakan Barat dan Timur yang difatamorganakan itu. Jangan-jangan ALLAH dan Rasul akan memberikan segala yang kita impikan itu. Sebab ALLAH telah berjanji untuk menolong dan ALLAH tidak memungkiri janji yang dibuatnya.

B. Warganegara Bukan Islam

Menurut pandangan Islam, terdapat dua jenis warganegara dari kalangan orang bukan Islam iaitu:

1. Kafir zimmi.
2. Kafir ‘ahdi (mu’ahid).

kafir zimmi ialah orang bukan Islam yang bermaustautin dalam Negara Islam yang mereka itu mengaku taat setia kepada pemerintah dan negara. Mereka walau apa bangsa sekalipun, sama ada penduduk asli (penduduk tempatan) atau mendatang akan mendapat hak-hak asasi seperti jugalah umat Islam mendapat hak-haknya. Yakni:

1. Kebebasan memiliki rumah dan harta.
2. Peluang-peluang belajar di dalam dan luar negeri.
3. Kebebasan bekerja dan bercakap dengan syarat tidak melanggar hak asasi orang lain.
4. Bebas menganut agama apa jua dan pemerintah atau umat Islam tidak boleh paksa mereka menganut Islam. Sebab ALLAH berfirman:

لَآ إِكۡرَاهَ فِي ٱلدِّينِ

tiada paksaan dalam memilih agama.

(Al Baqarah: 256)

5. Berhak untuk menjadi pemimpin atau menteri-menteri di kalangan mereka.
6. Diberi perlindungan bilamana mereka diceroboh. Sekalipun penceroboh itu dari kalangan orang Islam sendiri, ia pasti dihukum.
7. Berhak mempertahankan maruah diri, harta dan keluarga.

Berbeza dengan umat Islam, warganegara bukan Islam tidak dikenakan zakat, fitrah sedekah, berkorban dan lain-lain lagi sebagai sumbangan kepada negara dan masyarakat. Supaya dengan sumbangan tersebut negara akan jadi kuat dan boleh menguatkan pula individu-individu terutama orang-orang susah. Maka untuk tujuan yang sama di samping kepentingan-kepentingan keselamatan dan pengurusan mereka, Negara Islam menetapkan warganya yang bukan Islam mesti membayar jizyah atau cukai kepala. Tidak ada lain-lain cukai selain ini. Kadar cukai ini menurutlah taraf hidup dan kemampuan masing-masing seperti yang diputuskan oleh hakim atau ketua negara.

Bagi **kafir mu'ahid** yakni orang bukan Islam yang tinggal di Negara Islam kerana adanya hubungan-hubungan diplomatik, ekonomi, perdagangan, persahabatan dan lain-lain lagi, walau apa pun bangsa mereka, dari negara mana, apa agama

dan warna kulit, namun tetap dilindungi oleh Negara Islam. Mereka mendapat hak-hak mereka dan dilindungi dari dicerobohi. Samalah halnya dengan kafir zimmi tadi,

Kafir Harbi

Terdapat sejenis lagi orang kafir menurut ukuran Islam. Tetapi mereka ini bukan warganegara. Mereka adalah musuh Islam yang dipanggil kafir harbi. Mereka ada niat untuk bermusuh dengan umat Islam. Orang ini walaupun belum berperang senjata, cuma berperang saraf sahaja, tetapi tetap dianggap sebagai musuh Islam. Kalau mereka menyerang, negara wajib membalas serangan tersebut. Namun **umat Islam sekali-kali tidak diajar untuk memulakan serangan, sekalipun perbuatan musuh itu begitu jelas sekali. Tetapi apabila mereka menyerang, wajib dibalas atau dilawan** dengan dua tujuan penting iaitu:

1. Menjaga maruah agama, negara dan masyarakat.
2. Mengawal fitnah agar kejahatan tidak berpanjangan dan tidak merebak.

Dalam peperangan, harta musuh boleh dirampas sebagai harta rampasan perang. Orang-orang tawanan perang pula dijadikan hamba sahaya. Kecuali kalau dia memeluk Islam, secara automatik dia merdeka dan mendapat hak-hak warganegara seperti orang-orang Islam yang lain.

Demikianlah pertimbangan Islam dalam memberi keselamatan dan naungan kepada manusia sejagat. Mana ada penindasan dan kekejaman atau peperangan yang ditaja oleh Islam? Temafilah konon Islam agama peperangan dan kekejaman.

Bab 17

Syura dalam Islam

Firman ALLAH SWT:

وَشَاوِرْهُمْ فِي ٱلْأَمْرِ

bermesyuarat *dengun* mereka dalam apa-apa urusan.

(Ali Imran: 159)

وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ

Urusan mereka (orang Islam) adalah dimesyuaratkan sesama mereka.

(Asy Syura: 38)

Rasulullah SAW pun ada bersabda:

مَا خَابَ مَنِ اسْتَخَارَ، وَلاَ نَدِمَ مَنِ اسْتَشَارَ،
وَلا عَالَ مَنِ اقْتَصَدَ

Hajat tercapai bagi rnereka yang membuat 'istikharah , dun tidak ada penyesalan mereka yang bewnesyuarat , dun *tidak* susah mereka yang berjimat cermat

(Riwayat At Tabrani)

Berdasarkan ayat-ayat ALLAH dan sabda Rasulullah yang tertulis di atas itu, Islam menggalakkan umatnya mengadakan

syura (mesyuarat). Kerana berdasarkan pengalaman kita pun, syura ini memang besar faedahnya kepada hidup kita dan masyarakat. Sebab itulah ALLAH sendiri yang memerintahkan supaya ianya dipraktikkan, Selalunya manusia berdepan dengan:

1. Masalah-masalah hidup di rumah, dalam masyarakat dan dalam negara.
2. Keperluan-keperluan ekonomi, pendidikan, pembangunan dan lain-lain lagi.
3. Gangguan musuh.
4. Kebuntuan fikiran.

Maka semuanya ini, kalau disyurakan baru dapat meng hasilkan keputusan yang sebaik-baiknya, dibandingkan dengan keputusan-keputusan yang dibuat secara peribadi.

Erti syura mengikut bahasa ialah berunding atau bertukar fikiran. Manakala dari segi istilah syariat Islam, erti syura **atau mesyuarat ialah bertukar fikiran atau berbincang antara dua orang atau lebih terhadap perkara-perkara yang dibenarkan oleh syariat dengan menepati adab-adab, cara-cara yang syar'i dan memperolehi hasil yang baik dan benar untuk tindakan bersama atau seseorang atau satu kumpuIan.**

Perkara-perkara yang disyurakan itu ialah sebarang masalah kehidupan seperti menyelesaikan krisis, masalah ekonomi, pendidikan, ketenteraan, pertanian dan lain-lain lagi. Setiap ahli diminta mengeluarkan fikiran, kemudian dipertimbang kan bersama, mana-mana pendapat yang benar atau kuat hujahnya atau tepat atau lebih munasabah dan lebih mendekati kebenaran, maka itulah dia keputusan syura yang wajib diterima bersama untuk tindakan bersama atau tindakan seseorang atau tindakan sesuatu kumpulan.

Dalam syura, perbincangan mesti dua hala atau lebih. Tidak dikatakan syura kalau satu pihak saja yang bercakap dan memberi pendapat. Syura secara Islam mesti dilakukan dengan bertatatertib, beradab, berperaturan dan cara-cara

yang ditetapkan oleh Islam. Syura yang tidak ikut kaedah yang syar'i itu tidak dianggap syura Islam walaupun namanya begitu. Nama tidak penting, yang penting ialah ciri-cirinya.

Berikut ialah tatatertib atau disiplin dan adab-adab syura menurut Islam:

1. Tujuan dan niat ahli syura ialah mencari dan menegakkan kebenaran kerana ALLAH. Masing-masing mesti mengawal diri dari maksud riyak, bermegah-megah, ujub atau untuk hobi semata-mata. Sebaik-baiknya masing-masing mempunyai rasa takutkan ALLAH, kalau-kalau terjadi perbincangan yang tidak tepat dan tidak selaras dengan kehendak ALLAH dan Rasul. **Untuk mengelak dari riyak, ujub dan bermegah-megah, caranya ialah masing-masing mengharapkan kebenaran itu datangnya dari orang lain, bukan dari dirinya.** Dan dia akan merendah diri untuk menerima dan menyokong kebenaran yang sudah ditemui itu.

2. Sekiranya kebenaran itu keluar dari mulut kita sendiri, segeralah bersyukur banyak-banyak pada ALLAH, kerana memperlihatkan kebenaran itu kepada kita. Bukankah kita dhaif untuk menemuinya kalau bukan dengan petunjuk dari ALLAH? Dengan ilmu dan keyakinan demikian, Islam menyelamatkan majlis syura dari timbulnya rasa sombong, bermegah-megah, menunjuk-nunjuk pandai, merasa diri lebih, mujadalah, keras kepala, hina-menghina, jatuh-menjatuh dan lain-lain akhlak yang keji.

3. Di waktu seorang ahli syura bercakap, ahli-ahli yang lain mesti menghormati pandangannya dan sama-sama mendengarnya. Biar dia menghabiskan cakapnya walaupun pendapatnya kita tidak setuju. Memotong cakap kawan atau minta dia berhenti sebelum habis bercakap adalah tidak beradab dalam syura, sikap yang sangat dibenci.

4. Bila selesai seorang ahli syura memberi pandangannya, ucapkan terima kasih. Kalau didapati cakapnya benar, beri tahniah dengan sepotong doa:

جَزَاكَ اللّٰهُ خَيْرًا

Moga-moga ALLAH membalasi kamu dengan kebaikan.

5. Kiranya pendapat yang diberi salah, jangan sekali-kali menghinanya. Betulkan dengan mesra dan kasih sayang menggunakan hujah-hujah yang bernas.

6. Sekiranya kita sendiri yang melakukan kesalahan atau mengeluarkan pendapat yang salah, minta ampunlah kepada Tuhan dan merendah dirilah untuk menerima hakikat kesalahan itu.

7. Katakanlah terjadi perbezaan pendapat yang serius hingga sukar untuk disatukan pandangan, maka demi perpaduan, pandangan ketua atau pemimpinlah yang mesti diterima.

8. Dalam syura Islam tidak sekali-kali terjadi mujadalah, berburuk sangka, sakit hati, maki hamun, bertumbuk, baling kerusi, hempas meja, tunjuk pistol, geram, dendam dan sebagainya. Kerana ahli-ahli syura akan sanggup untuk mengalah, bersabar untuk mencari nas atau bersikap tawaqquf (menerima tidak, menolak pun tidak). Bahkan demi menjaga ukhuwah kerana ALLAH, di akhir majlis, masing-masing akan saling bermaaf-maafan dan berbaik sangka serta bersabar untuk menanti bantuan ALLAH dalam sebarang masalah yang timbul. Di penutupnya, sama-sama membaca surah Wal 'Asr dan doa kifarah, yakni meminta ampun kepada ALLAH.

Insya-ALLAH dengan cara ini, umat Islam akan sentiasa membuat keputusan yang tepat, bersih dan diberkati ALLAH;

SIAPA ANGGOTA MAJLIS SYURA?

Dalam Islam, syarat-syarat untuk menjadi ahli majlis syura sangat dititikberatkan. Tidak semudah syura-syura yang berlaku kini, yang mana siapa saja boleh terlibat. Sifat-sifat ahli

majlis sangat menentukan bentuk keputusan sesuatu syura. Baik ahlinya, baiklah keputusannya. Tidak baik ahlinya, tidak baiklah keputusannya.

Atas dasar itu, Islam menetapkan beberapa ciri atau sifat-sifat orang-orang yang boleh dibawa bersyura. Mereka adalah:

1. Beragama Islam. Dengan **orang** bukan Islam tidak ada syura (yakni dalam urusan khusus umat Islam sahaja). Ini berdasarkan Hadis Rasulullah:

مَنْ أَرَادَ أَمْرًا فَشَاوَرَ فِيْهِ امْرَأً مُسْلِمًا ،
وَفَّقَهُ اللهُ لأَرْشَدِ أُمُوْرِه

Mereka yang hendak selesaikan sesuatu urusan maka mereku bermesyuarat *yang ahlinya* orang-orang *islam* ALLAH *bersama mereku* dalam menyelesaikan *urusan itu.*

(Riwayat Ath Thabrani)

Kerana orang bukan Islam ini, mereka tidak tahu mana yang haq dan mana yang batil menurut pandangan Islam. Selain itu, orang kafir yang memusuhi Islam, kalau terbawa ke majlis syura, akan memberi pandangan-pandangan yang jahat dan beracun yang membahayakan umat Islam. Bagaimanapun dalam Negara Islam, hak-hak orang bukan Islam tidak diabaikan sama sekali. Urusan mereka dibincangkan bersama mereka. Ertinya, segala kepentingan bersama dan keperluan mereka disyurakan dengan mereka.

2. Bertaqwa. Bukan semua orang Islam yang layak dibawa berbincang. Sebab bukan semua orang Islam yang mampu memberi fikiran yang adil dan ikhlas dalam perbincangan dan dalam membuat keputusan. Syarat taqwa ini amat penting dalam mengawal dan mendorong manusia supaya membuat keputusan yang tepat, bersih dan diberkati.

3. Cerdik, yakni orang yang ada buah fikiran yang baik; bernas, lojik, tajam dan tepat. Pandangan dari orang-orang begini saja yang diperlukan. Selain daripada mereka ini, ti-

dak payahlah diundang untuk dibawa berbincang. Sebab mereka akan beri pandangan yang tidak mengena (tepat). Ini menjadikan majlis tersebut membuang masa sahaja. Selain itu, kalau pandangan mereka ditolak, nanti akan timbul kecil hati. Sebab itu lebih baik tidak dibawa ke majlis syura.

4. Seorang yang sesuai dengan bidang yang nak dibincangkan. Syarat ini penting diperhatikan supaya orang-orang yang akan membuat keputusan dalam ha1 yang disyurakan itu, betul-betul orang yang tahu selok-belok perkara tersebut. Kalau orang pertanian, ditanya fikirannya tentang hal-ha1 ketenteraan, tentunya dia akan memberi jawapan yang tidak tepat. Dan kalau pandangannya diterima sebagai keputusan syura, akan merugikan negara dan masyarakat itu sendiri.

Kesilapan ini nampaknya sudah jadi tradisi dalam masyarakat sekular sekarang. Bahkan dalam soal-soal agama pun, penyelesaiannya dicari menggunakan kaedah yang silap ini. Umpamanya, dalam menyelesaikan masalah agama dibuat dalam satu seminar dengan tajuk yang berkaitan. Lalu dijemputlah di dalamnya segala macam manusia. Yang bukan ahlinya pun ada, yang tak sembahyang pun ada, yang tak cerdik, kaum perempuan, yang dedah aurat pun ada dan macam-macam lagi. Bila tiba waktu-waktu memberi pendapat, maka digabungkanlah pendapat semuanya itu, lalu dijadikan sebagai keputusan seminar atau keputusan bersama (resolusi) untuk dijadikan tindakan.

Pada saya, keputusan ini sungguh meragukan. Dalam Islam Rasulullah bersabda:

لَا دِيْنَ لِمَنْ لَا عَقْلَ لَهُ

Tiada agama bagi mereka yang ***tidak berakal***

Ertinya, di kalangan orang-orang beragama, yang paling cerdik itulah yang paling kuat dan tepat agamanya. Sebab itu perbincangan tentang masalah agama ini hanya layak dibuat oleh orang-orang ini. Orang-orang selain mereka tidak bo-

leh diharapkan ilmu dan fikirannya. Tetapi apa yang berlaku kini, urusan agama bukan ditimbang pada, syarat-syarat ini. Sebaliknya dibuat mengikut selera sekular. Kenaikan mufti misalnya, adalah disyaratkan pada faktor *seniority* bukan faktor ilmu, ketaqwaan, kecerdikan dan pengalamannya. Hasilnya, bermula dari kesilapan tadi, macam-macam kesilapan dalam berfatwa telah dibuat, yang akibatnya, banyak masalah timbul dalam masyarakat. Apa yang difatwakan diragui.

BILANGAN AHLI SYURA

Dalam Islam, bilangan ahli majlis mesyuarat bukan mesti sampai satu dewan. **Syura boleh dibuat paling kurang antara dua orang anggotanya sahaja. Keputusan perbincangannya dianggap sebagai keputusan majlis syura.** Tempat perbincangannya juga bukan mesti di tempat yang dikhaskan dan istimewa atau secara rasmi. Tetapi syura juga boleh berlaku begini:

Katakanlah seorang ketua (pemimpin) ingin mengadakan syura dengan seorang ahlinya yang cukup layak untuk tujuan itu. Dalam waktu berkira-kira nak panggil ahli tersebut, tiba-tiba dia terjumpa di majlis kenduri. Oleh itu, selepas saja majlis kenduri, si ketua boleh terus panggil ahlinya itu masuk kereta, ajak berjalan-jalan sambil berunding hinggalah persoalan itu selesai. Di situlah mereka buat keputusan untuk dijadikan tindakan. Itupun dianggap keputusan syura yang sah. Tanpa membuang waktu dan wang yang banyak.

Cara syura begini, sebenamya akan memberi hasil yang lebih baik daripada syura yang dibuat secara rasmi. **Sebab ia berlaku dalam keadaan yang lebih mesra dan lebih bersifat dari hati ke hati.** Tetapi tentunya Islam tidak menafikan majlis-majlis rasmi, di tempat-tempat rasmi dan di waktu-waktu rasmi. Semuanya adalah ditimbang mengikut keperluan, untung dan rugi, strategi dan kehendak keadaan semasa dan sebagainya.

Akhir sekali saya akan senaraikan apakah perkara-perkara

yang boleh dan tidak boleh disyurakan. Kerana dalam Islam bukan semua perkara mesti disyurakan. **Ada perkara-perkara yang keputusan hanya dibuat oleh ketua sahaja dan pengi kut atau rakyatnya wajib taat dan menerima dengan sepa* kat.** Hal begini banyak berlaku di antara Rasulullah dan para Sahabat. Yang mana keputusan dibuat tanpa soal jawab dan perbincangan dengan sesiapa. Sahabat-Sahabat hanya menerima dengan patuh. Kadang-kadang keputusan atau undang undang atau hukum-hukum yang diarahkan begitu memeranjatkan dan tidak difahami. Tetapi kerana mereka yakin pemimpin mereka itu dapat pimpinan langsung dari ALLAH, maka mereka pun boleh taat.

Syura dalam Islam dibenarkan dan digalakkan adalah terhadap perkara-perkara berikut:

1. Perkara-perkara yang belum ditetapkan hukumnya oleh ALLAH SWT. Hukum-hakam yang sudah jelas sarih atau sahih dan qat'i kedudukannya dalam Islam, tidak boleh sekali-kali disyurakan. Seperti tentang wajibnya sembahyang, puasa, menutup aurat, berjihad, bersilaturrahim dan lain-lain lagi. Demikian juga sebaliknya seperti haramnya arak, judi, zina, pendedahan aurat, bergaul bebas dan sebagainya.

Perkara-perkara ini tidak boleh dimesyuaratkan lagi. Sebab ALLAH sudah buat keputusan. Ia tidak boleh dibatalkan dalam mesyuarat.

2. Hukum-hakam yang belum lagi diijmakkan oleh ulama mujtahidin yang ianya menjadi pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

3. Perkara-perkara yang belum diarahkan oleh ketua jemaah atau ketua negara. Bagi keputusan-keputusan yang sudah dibuat oleh ketua, dan sudah diarah agar dilaksanakan dalam keadaan arahan itu tidak bercanggah dengan syariat, tidak boleh disyurakan lagi. Sekalipun arahan itu kita tidak setuju dan tidak faham, namun kalau benar jemaah itu jemaah Islam, tentu mereka boleh taat kepada bemimpin mereka.

4. Perkara yang bukan keputusan dari satu syura yang telah dibuat sama ada dalam keluarga atau jemaah atau negara. **'Sebarang keputusan yang telah diambil oleh mana? mana syura, tidak boleh disyurakan sekali lagi.** Tidak boleh ada satu syura lain untuk menolak satu keputusan syura yang telah diambil, yang keputusan itu dibenarkan oleh syariat. Ini berdasarkan firman ALLAH:

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ

Bermesyuarat dengan mereka dalam sesuatu perkara; *setelah kamu bulat* menerimanya, maka *bertawakallah kepda ALLAH.*

(Ali Imran: 159)

Bila satu keputusan telah dibuat, jangan lagi ada yang berdolak-dalih, ragu-ragu, tidak puas hati dan rasa nak rombak balik. Laksanakanlah dengan bertawakkal kepada ALLAH. Hal ini pernah berlaku di kalangan para Sahabat dengan Rasutullah. Iaitu ketika mana terjadi para Sahabat mahu merombak satu keputusan syura yang telah dibuat setelah diputuskan bahawa mereka akan menentang musuh Quraisy di luar Kota Madinah (dalam Perang Uhud). Rasulullah berkata, pantang Rasulullah mengungkaikan keputusan syura.

Misalan yang lain ialah ketika mana satu keputusan telah dibuat untuk menjodohkan si polan dengan seorang perempuan. Tiba-tiba terjadi keraguan dengan keputusan tersebut. Maka dalam Islam, hukumnya tidak boleh membatalkan keputusan pertama itu. Tentang ragu-ragu itu hendaklah dihadapi dengan bertawakkal kepada ALLAH. Kecuali dengan alasan-alasan yang dibenarkan oleh syariat. Barulah keputusan pertama boleh diungkai. Umpamanya, didapati lelaki itu penipu, penjahat, berpenyakit dan buat lain-lain kerja terkutuk.

Oleh kerana perkara-perkara yang boleh disyurakan itu ialah perkara-perkara yang belum ditetapkan hukum dan

caranya oleh ALLAH, perkara yang belum diarahkan oleh ketua dan perkara yang belum diputuskan oleh mana-mana syura sebelumnya, ertinya perkara-perkara itu ialah:

1. Soal-soal teknik dan stail yang wajib dan sunat untuk dapat melaksanakan hukum-hakam ALLAH. Misalnya, dalam melaksanakan sembahyang boleh dibincangkan tentang tempat wudhuknya, tempat sembahyang, cara-cara nak ajak orang ramai sembahyang dan lain-lain lagi. Usaha-usaha untuk mengharamkan arak boleh disyurakan, umpamanya berbincang bagaimana nak menyekat penghasilan arak, penjualannya dan alternatif kepada arak, yakni penggantian kepada yang lain. Kiaskanlah dengan hal-hal lain seperti cara-cara nak bangunkan hospital Islam, di mana, bila, sebesar mana, bagaimana bentuknya dan sebagainya.

2. Soal-soal ke arah perlaksanaan arahan ketua jemaah atau negara. Misalnya, ketua arahkan pindah. Maka syurakan bagaimana cara-cara perpindahan itu boleh dibuat. Atau ketua arahkan buat program Maulid Nabi, maka disyurakanlah cara-cara menjayakannya.

3. Syura mengenai perkara-perkara yang harus hukumnya. Misalnya, pembinaan tempat-tempat rehat, program musafir (ekspedisi), membangunkan tempat-tempat hiburan yang halal dan sebagainya.

MAJLIS SYUYUKH

Dalam Islam, dasar pemerintahan negara ditentukan oleh majlis tertinggi yang dinamakan **Majlis Syuyukh** (Dewan Eksekutif). Selain dari menentukan dasar, majlis ini juga merupakan badan yang meluluskan atau membuat keputusan terhadap persoalan-persoalan penting negara. Sebab itu ia disebut juga **Majlis Tamfiz** (Dewan Meluluskan). Yakni, ketua ragu-ragu untuk bertindak terhadap satu-satu keputusan itu maka ia hendaklah dibawa ke Majlis Tertinggi (Syuyukh atau Tamfiz) untuk diputuskan dan diluluskan.

Contoh lain ialah tentang hukum-hakam yang tidak jelas dan tentang isu pemimpin dan kepimpinan negara, maka Majlis Syuyukhlah yang bertanggungjawab untuk memberi keputusan, melantik atau menggugurkan. serta membuat perubahan dari masa ke masa. Anggota Majlis Syuyukh boleh **juga** dipanggil **Ahlul Halli Wal 'Aqdi.** Ciri-ciri istimewa mereka ini ialah:

1. Ulama yang bertaqwa
2. Luas ilmunya
3. Dihormati umum
4. Berpengalaman
5. Pengetahuan amnya luas

Dengan maksud supaya ciri-ciri ini membuatkan keputusan yang mereka buat akan diterima dan dihormati oleh orang ramai. Namun, mereka itu tidak mesti dari kalangan pemimpin rasmi. Siapa yang menepati ciri-ciri tadi, maka layaklah dijemput untuk menjadi **Ahlul Halli Wal 'Aqdi** atau anggota Majlis Syuyukh.

Begitulah serba ringkasnya sistem syura menurut praktis Islam. Begitu simple, tenang, selamat dan memberi hasil yang besar dan hebat. Kenaikan pemimpin bukan hasil lobi tetapi dari hati. Pemimpin bukan makan gaji tapi bagaikan ayah yang menjaga anak-anak atas rasa tanggungjawab dan kasih sayang. Ayah dan ibu lebih suka tengok anak-anak senang dan bahagia sekalipun kerana itu dia terkorban.

Kerana itu Parlimen Islam bagaikan sebuah keluarga. Keluarga yang harmoni, yang aman damai dan penuh tanggungjawab. Tidak ada sengketa, mencaci-caci, mujadalah dan akhlak-akhlak buruk. Masing-masing takutkan ALLAH, tiada bermegah-megah. Masing-masing bermaksud mencari kebenaran bukannya kepentingan. Masing-masing bertanggungjawab dan tidak culas.

Dengan itu barulah lahir ketenangan di tengah masyarakat. Yang batil lenyap, kebenaran tertegak. Rakyat taat, pemimpin bertanggungjawab. Apa pendapat anda tentang

parlimen yang berkasta-kasta, suka mujadalah (bertekak), sindir-menyindir, tidak serius, kebenaran tidak jelas, pemimpin di'boo', jatuh-menjatuhkan, kerusi melayang dan penumbuk diacukan?

Bab 18
Majlis Kehakiman Islam

DALAM buku saya, **FALSAFAH PERLAKSANAAN HUKUM HUDUD DALAM MASYARAKAT,** telah ditegaskan bahawa ALLAH SWT telah memerintahkan hukuman-hukuman hudud dan ta'zir dijalankan terhadap segelintir orang-orang jahat demi mengawal kebaikan-kebaikan dalam masyarakat. Dengan hukuman hudud dan ta'zir itu, masyarakat selamat dan aman damai dari gangguan segelintir penjahat.

Perlaksanaan hukum ALLAH ini dibuat di mahkamah Islam oleh Majlis Keadilan atau Kehakiman Islam di dalam Negara Islam. Majlis keadilan atau kehakiman itu akan menyelaraskan hukum-hukum hudud dan ta'zir ini supaya ianya dijatuhkan kepada semua pesalah di semua mahkamah di seluruh negara.

Di dalam Negara Islam, mahkamah tidak dibezakan kepada mahkamah sivil dan mahkamah syariah. Hukum-hukum hudud dan ta'zir kepada segala bentuk kesalahan dijatuhkan oleh mahkamah yang satu. Tidak ada kesalahan sivil dan kesalahan syariah diasingkan sepertimana berlaku dalam negara sekular hari ini. Tetapi mengkategorikan mahkamah-mahkamah kepada mahkamah majistret, mahkamah tengah dan mahkamah tinggi, tidaklah salah dan tidak bercanggah dengan syariat Islam. Supaya para hakim dikelaskan mengikut kemampuan. Yang penting setiap hakim itu menghukum dengan hukum ALLAH.

Mahkamah Islam dikendalikan oleh Majlis Keadilan atau

Majlis Kehakiman. Majlis ini adalah badan bebas yang dilantik oleh khalifah (pemerintah). Dengan maksud, badan ini tidak tunduk kepada sebarang pengaruh sekalipun kepada khalifah atau ketua negara. Yang mana bila ketua negara sendiri dituduh bersalah, Majlis Keadilan akan tetap mengadilinya. Bahkan bilamana ahli majlis sendiri didapati bersalah, mereka tetap diadili oleh ahli majlis yang lain.

Begitulah bahasan kehakiman dalam Islam, memperlihatkan betapa jujur dan adilnya dalam menegakkan kebenaran dan keadilan. Tidak ada sesiapa pun yang berada di atas undang-undang atau kebal dari undang-undang. Tiada siapa terlepas dari hukuman bilamana ia bersalah dan tidak ada siapa yang terhukum jika ia tidak bersalah. Kerana di dalam Islam, di antara kaedah menghukum itu ialah:

"Lebih baik tidak menghukum daripada tersalah hukum."

Ahli Majlis Keadilan (Kehakiman) Islam

Anggota majlis ialah hakim-hakim Islam. Khalifah sendiri boleh melantik dirinya untuk menjadi anggota majlis, sekiranya beliau tidak keberatan. Jika tidak pun, beliau boleh melantik dari kalangan kadhi-kadhi atau hakim-hakim. Yang mereka itu bila dilantik, tidak terikat dan tidak dipengaruhi lagi oleh khalifah.

Tujuan utama majlis ini seperti yang tersebut di atas tadi ialah untuk menyelaraskan undang-undang Islam (yakni hukum-hukum hudud dan ta'zir) yang akan dihukumkan kepada semua pesalah di semua mahkamah. Sama ada kesalahan jenayah (kriminal dan sivil), semuanya diadili dan dihukum di bawah satu mahkamah.

Untuk tujuan itu, supaya majlis ini benar-benar berfungsi, bebas dari sebarang pengaruh lain, betul-betul adil dalam urusan membersihkan negara dari maksiat dan mungkar, tidak ada yang teraniaya dan terlepas dari hukuman, maka syarat-syarat keanggotaan majlis adalah seperti berikut:

Tuan Hakim yang menjadi ahli Majlis Keadilan atau

Majlis Kehakiman mestilah seorang lelaki, beragama Islam, baligh, akil dan. merdeka. Dengan sifat-sifat istimewanya yang wajib ada:

Syarat 1:

Bertaqwa (warak dan adil). Sebab seorang yang bertaqwa itu sangat takut kepada ALLAH. Sebab itu dia sangat bimbang dan berhati-hati dalam menjatuhkan hukuman. Orang yang tidak bertaqwa tidak ada perasaan-perasaan seperti ini.

Jika ada seorang bukan Islam bertanya, "Apakah buktinya orang Islam mengaku bahawa mereka boleh berlaku adil!"

Di sini saya mahu menjawab bahawa taqwalah yang menentukannya. Seorang yang betul-betul cinta dan takut kepada ALLAH tidak kan tergamak dan tidak kan berani untuk berbuat tidak adil dalam tugasnya. Sebab ALLAH sangat memerintahkan hamba-hamba-Nya agar berlaku adil. Lihatlah firman-Nya:

اَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ

berlaku *adillah, kerana* adil itu mendekuti kepada taqwa.

(Al Maidah: 8)

Loj iknya begini:

Dalam satu kelas, ada seorang anak murid yang sangat sayang dan sangat takut kepada gurunya. Bila guru suruh buat kerja, dialah yang paling ghairah menyahut arahan gurunya. Di waktu guru marah, dialah yang paling ketakutan dan cepat-cepat mencari jalan agar guru hilang marahnya.

Dalam keadaan demikian, adakah murid ini tergamak untuk membelakangkan arahan-arahan gurunya? Dibandingkan dengan murid lain, mana yang lebih banyak berbuat untuk gurunya? Dengan kata lain, siapa yang lebih adil dalam menjalankan peraturan kelas yang dibuat oleh guru? Jawabnya, tentulah murid yang seorang itu, bukan?

Demikianlah terhadap hukum ALLAH ini, hanya orang bertaqwa kepada ALLAH saja yang akan sungguh-sungguh

melaksanakannya. Sebab berlaku adil ini adalah perintah ALLAH. Sebab itu ALLAH jadikan manusia menyintai keadilan secara fitrah. Sedangkan orang Islam yang bertaqwa melakukannya kerana dorongan (iman) takut dan cinta kepada Zat yang empunya hukum. Tentu orang bertaqwalah yang sepatutnya lebih berjaya dalam urusan ini. Sebab dorongan fitrah tidak cukup kuat dibandingkan dengan dorongan takut dan cinta.

Untuk mengenal orang yang bertaqwa, lihatlah hidupnya. Yakni perilakunya terhadap hukum-hukum ALLAH. Dibandingkan dengan orang-orang lain, dia lebih serius dengan hukum-hukum ALLAH. Dia ghairah melaksanakan hukum yang wajib dan sunat dan sungguh-sungguh mujahadah meninggalkan yang haram dan makruh. Akhlaknya dengan manusia sangat tinggi, jauh beza dengan manusia yang tidak bertaqwa. Dalam pergaulannya, dia kelihatan tidak pemarah, tidak emosional, bersifat pemurah, pemaaf, mudah minta maaf, simpati, timbang rasa dan lain-lain mahmudah lagi.

Syarat 2:

Luas ilmunya tentang hukum-hakam, sah dan batal, hudud dan ta'zir dan lain-lain yang berkaitan dengannya. Sepatutnya ilmunya bertaraf mujtahid. Jika tidak pun, sekurang-kurangnya dia terkenal sebagai pakar hukum.

Syarat 3:

Ilmu pengetahuan umum seperti ilmu psikologi manusia, situasi masyarakat dan isu semasa hendaklah luas.

Syarat 4:

Cerdik dan peka.

Syarat 5:

Berpengalaman.

Dengan segala syarat dan sifat-sifat tadi, barulah seorang hakim atau kadhi itu dikatakan berwibawa. Ia diyakini dan disegani oleh orang ramai.

Di zaman ini sulit rasanya untuk dapatkan hakim-hakim atau kadhi-kadhi yang berwibawa begini. Sebab itu untuk Negara Islam, pejuang-pejuang Islam mesti serius menyediakan kadhi-kadhi atau hakim-hakim yang bersifat begini. Terutama badan-badan politik Islam yang ghairah mahukan Negara Islam. Persediaan-persediaan ini janganlah dipandang kecil. Sebab ia menentukan jaya gagalnya Negara Islam itu, apabila badan politik Islam itu menguasai sesebuah negara.

Perlu rasanya saya sebutkan di sini tentang kedudukan hakim-hakim yang bukan Islam, di dalam Negara Islam. Mahkamah Islam hanya dipertanggungjawabkan kepada hakim-hakim dan kakitangan yang beragama Islam sahaja. Sebab hanya orang Islam yang tahu hukum-hakam Islam dan yang bertaqwa. Sebab itu hakim-hakim bukan Islam tidak dilibatkan kecuali apabila berlaku kesalahan-kesalahan orang-orang bukan Islam yang berkairan dengan adat-istiadat dan agama mereka. Maka hal itu akan ditanya kepada hakim-hakim mereka. Namun kesalahan-kesalahan umum seperti zina, curi, bunuh, maka hudud dan ta'zir juga akan dijalankan, sekalipun kepada pesalah yang bukan Islam. Untuk lebih jelas lagi tentang konsep ini sila baca buku **FALSAFAH PERLAKSANAAN HUKUM HUDUD DALAM MASYARAKAT.**

Bab 19

Tanda-Tanda Penyelamat Hampir Tiba

SEJARAH pasti berulang. Kebangkitan Islam kali kedua di akhir zaman jelas sudah dijanjikan oleh ALLAH melalui lidah Rasulullah SAW. Sebab itu dunia menunggu-nunggu saat terjadinya peristiwa itu. Di setiap kurun generasi baru mengharap di tangan merekalah berlakunya janji yang indah itu. Namun hingga kini ianya belum lagi menjadi kenyataan.

Proses kebangkitan itu sudah diceritakan secara umum dalam rangkaian Hadis-Hadis yang khusus. Bermula dari Hadis yang menceritakan watak dunia waktu itu kembali mengulangi ciri-ciri jahiliah. Maka untuk penyelesaiannya, dijanjikan seorang lagi Khalifah Rasulullah untuk akhir zaman iaitu **Imam Mahdi** (Muhammad bin Abdullah). Namun Imam Mahdi datang bukan sendirian. Beliau akan didahului oleh seorang **Pemuda dari Bani Tamim** yang akan menyerahkan kuasa padanya. Ciri-ciri kumpulan Bani Tamim ini juga agak masyhur di kalangan ulama-ulama Islam yang peka terhadapnya. Terdapat banyak kitab-kitab yang menceritakannya. Antaranya Aj Jumi Us Soghir, 'Aqdud Durar Fi Akhbaril Muntazar dan lain-lain lagi. Tempoh berlakunya peristiwa ini tidak dijelaskan. Namun tempat akan berlakunya nyata disebut di Timur dan di Khurasan. Berikut saya akan perturunkan rang kaian Hadis-Hadis tentang peristiwa-peristiwa akhir zaman itu. Yakni proses kebangkitan Islam yang telah diset lengkap oleh ALLAH, untuk Islamnya kembali dunia ini sekali lagi.

Rasulullah SAW bersabda:

قال صلى الله عليه وسلم: تَكُوْنُ النُّبُوَّةُ فِيْكُمْ مَا شَاءَ اللّٰهُ أَنْ تَكُوْنَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا اللّٰهُ إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُوْنُ خِلاَفَةٌ عَلٰى مِنْهَاجِ النُّبُوَّةِ، فَتَكُوْنُ مَا شَاءَ اللّٰهُ أَنْ تَكُوْنَ، ثُمَّ رَفَعَهَا اللّٰهُ إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُوْنُ مُلْكًا عَاضًا فَتَكُوْنُ جَبْرِيًّا فَتَكُوْنُ مَا شَاءَ اللّٰهُ أَنْ تَكُوْنَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ اللّٰهُ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُوْنُ خِلاَفَةٌ عَلٰى مِنْهَاجِ النُّبُوَّةِ، ثُمَّ سَكَتَ.

telah berlaku Zaman Kenabian ke atas kamu, maka berlakulah ***Zamun kenabian*** itu sebagaimana yang ALLAH ***kehendaki.*** kemudian ALLAH mengangkat zaman itu. Kemudian berlakulah zaman Kekhalifahan (Khulafa'ur Rasyidin) yang berjalan seperti Zaman Kenabian. Maka berlakulah ***zaman*** itu, sebagaimana yang ALLAH kehendaki. Kemudian ALLAH mengangkatnya lalu berlakulah ***Zaman*** Pemerintahan ***yang*** menggigit (Zamun Fitnah). berlakulah ***zaman*** penindasan dan penzaliman (pemerintahan diktator) dan berlakulah zaman itu sepertimana yang **ALLAH** ***kehendaki.*** kemudian berlaku pula Zaman kekhalifahan (Imam Mahdi dan ***Nabi Isa) yang*** berjalan di atas cara hidup ***Zamun Kenabian.***

(Riwayat Ahmad)

عن ابن عمر رضي الله عنه ان النبي صلى الله عليه وسلم اَخَذَ بِيَدِ عَلِيٍّ فَقَالَ: سَيَخْرُجُ مِنْ صُلْبِ هٰذَا فَتًى يَمْلَأُ الاَرْض قِسْطًا وَعَدلاً فَاذَا رَاَيْتُمْ ذٰلِكَ

فَالَيْكُمْ بِالْفَتَى التَّمِيْمِيّ فَانَّهُ يَقْبَلُ مِنْ قِبَلِ الْمَشْرِق وَهُوَ صَاحِبُ رَايَةِ الْمَهْدِيّ

Daripada Ibnu Umar r.a. bahawa Nabi SAW sambil memegang tangan Sayidina Ali baginda bersabda: "Akan keluar dari sulbi ini seorang lelaki *yang* akan memenuhi bumi ini dengan keadilan. Apabila kamu mendapati demikian itu, hendaklah kamu bersama *Pemuda dari Bani Tamim* itu. *Sesungguhnya* dia datang dari sebelah *Timur dan dialah pemegang panji-panji Al Mahdi*".

(Riwayat Ath Thabrani)

عن ذر عن عبد الله عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: لَوْ لَمْ يَبْقَ مِنَ الدُّنْيَا الاَّ يَوْمٌ لَطَوَّلَ اللهُ ذَلِكَ الْيَوْمَ حَتَّى يُبْعَثَ فِيْهِ رَجُلٌ مِنِّي أَوْ مِنْ أَهْلِ بَيْتِي يَوَاطِئُ اسْمُهُ اسْمِي وَاسْمُ أَبِيْهِ اسْمَ أَبِي يَمْلأُ الاَرْضَ قِسْطًا وَعَدَلاً كَمَا مُلِئَتْ ظُلْمًا وَجَوْرًا

Jika tidak tinggal dari dunia hanya sehari *sahaja* nescaya ALLAH SWT memanjangkan hari itu sehingga *bangkit padanya seorang* lelaki duri keturunanku *atau* dari *kaum* keluargaku, yang namanya *menyerupai nama*-ku, *dan* nama bapanya menyerupai nama bapaku, *ia* akan *memenuhi* bumi dengan keadilan dan saksama sebagaimana (sebelumnya) bumi dipenuhi kezaaliman dan kekejaman.

(Riwayat Abu Daud dan Termizi)

سَيَكُوْنُ أَخِرُ الزَّمَانِ يَظْهَرُ الاسْلاَمُ فِيْ أَرْضِ الشَّرْقِ

Akan berlaku di akhir zaman Islam muncul dari bumi sebelah timur.

(dari kitab *Sababul Inhithath Al Muslimin* oleh Sayid Hasan Ali An Nadawi)

عَنْ ابْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اذْ أَقْبَلَ فِتْيَةٌ مِنْ بَنِي هَاشِمٍ فَلَمَّا رَآهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اغْرَوْرَقَتْ عَيْنَاهُ، وَتَغَيَّرَ لَوْنُهُ فَقُلْتُ: مَا نَزَالُ نَرَى فِيْ وَجْهِكَ شَيْئًا نَكْرَهُهُ، فَقَالَ: إِنَّا أَهْلَ بَيْتٍ اَخْتَارَ اللهُ لَنَا الآخِرَةَ عَلَى الدُّنْيَا وَإِنَّ أَهْلَ بَيْتِيْ سَيَلْقَوْنَ بَعْدِيْ بَلاَءً وَتَشْرِيْدًا وَتَطْرِيْدًا حَتَّى يَأْتِيَ قَوْمٌ مِنْ قِبَلِ الْمَشْرِقِ مَعَهُمْ رَايَاتٌ سُوْدٌ فَيَسْأَلُوْنَ الْحَقَّ فَلاَ يُعْطَوْنَ فَيُقَاتِلُوْنَ فَيُنْصَرُوْنَ فَيُعْطَوْنَ مَاسَأَلُوْا فَلاَ يَقْبَلُوْنَهُ حَتَّى يَدْفَعُوْنَهَا الَى رَجُلٍ مِنْ أَهْلِ بَيْتِيْ فَيَمْلأُهَا قِسْطًا كَمَا مَلَؤُوْهَا جَوْرًا. فَمَنْ اَدْرَكَ ذَلِكَ مِنْكُمْ فَلْيَأْتِهِمْ وَلَوْ حَبْوًا عَلَى الثَّلْجِ، فَانَّهُ الْمَهْدِيُّ

Dari Abdullah bin Mas'ud yang berkata: Ketika kami berada di sisi Rasulullah SAW tiba-tiba datang sekumpulan anak-anak muda dari kalangan Bani Hashim. Apabila terpandang akan mereka, maka kedua mata Rasulullah SAW berlinang airmata dan wajah baginda berubah. Aku pun bertanya, "Mengapakah kami melihat pada wajahmu sesuatu yang tidak menyenangkan hati kami?" Baginda menjawab, "Kami ahlul bait telah ALLAH SWT pilih

untuk kami Akhirat lebih dari ***dua Kaum*** kerabatku akan menerima bencana dan penyingkiran selepasku kelak sehinggalah datang ***suatu kaum dari sebelah Timur dengan*** membawa bersama-sama mereka **panji-panji herwarna hitam.** Mereka meminta kebaikan tetapi tidak di***berikannya.*** Maka mereka ***pun berjuang dan berokh kejayaun lalu diberikanlah*** apa yang mereka minta itu ***tetapi*** mereka tidak menerima sehinggalah mereka **menyerah*kannya*** **kepada seorang** ***lelaki dari kaum kerabatku*** yang memenuhi bumi dengan keadilan sebagaimana ia di***penuhi dengan*** kedurjanaan. Siapa ***di*** antara ***kamu yang*** sempat menemuinya maka datanglah mereka walaupun mereka merangkak di atas ***salji.***

(Riwayat Ibnu Majah)

وجاءَ في رواياتٍ؛ أنَّهُ عِنْدَ ظُهُورِهِ يُنَادِيْ فَوْقَ
رَأْسِهِ مَلَكٌ: "هَذَا الْمَهْدِيُّ خَلِيْفَةُ اللهِ فَاتَّبِعُوْهُ"
فَتَذْعَنُ لَهُ النَاسُ وَيَشْرَبُوْنَ حُبَّهُ، وَإِنَّهُ يَمْلِكُ
الأَرْضَ شَرْقَهَا وَغَرْبَهَا. وَأَنَّ الَّذِيْنَ يُبَايِعُوْنَهُ أَوَّلاً
بَيْنَ الرُكْنِ وَالْمَقَامِ بِعَدَدِ أَهْلِ بَدْرٍ، ثُمَّ يَأْتِيْهِ
أَبْدَالُ الشَامِ وَنُجَبَاءُ مِصْرَ وَعَصَائِبُ أَهْلِ الْشَرْقِ
وَأَشْبَاهِهِمْ. وَيَبْعَثُ اللهُ إِلَيْهِ جَيْشًا مِنْ خُرَسَانِ
بِرَايَاتٍ سُوْدٍ ثُمَّ يَتَوَجَّهُ إِلَى الشَّامِ. وَإِنَّ اللهَ تَعَالَى
يَمُدُّهُ بِثَلَاثَةِ آلَافٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ وَإِنَّ أَهْلَ الْكَهْفِ
مِنْ أَعْوَانِهِ

Sesungguhnya ketika zahir Al Mahdi, menyeluruh malaikat dari ***atas*** kepalanya, "lnilah Al Mahdi sebagai khalifah ALLAH maka kumu ikutilah d i a Seluruh ***manusia tun-***

duk dan patuh kepadunya dan mengecapi kasih sayangnya. Sesungguhnya Al Mahdi *itu* menguasai *Timur* dan Barat. ***Dan adapun yang membuat*** bai'ah kepadanya di antara rukun dan maqam, yang ***pertama*** sebanyak ***ahli*** Bach. Kemudian Abdal dari Syam mendatanginya, diikuti oleh Nujaba' dari *Mesir dan* Asoib dari Timur. Setelah itu ALLAH mengutuskan *kepadanya* tentera dari Khurasan dengan bendera-bendera hitam dan mereka menghala ke Syam. Dan ALLAH menghantar kepadanya dengan 3000 *malaikat clan ahli* (Ashabul) Kahfi ad&h di antura pembantu-pembantunya.

عن حسن أنَّ رسولَ الله صلى الله عليه وسلم ذكَرَ بَلاَءً يَلْقَاهُ أهْلَ بَيْتِه حَتَّى يَبْعَثَ اللهُ رَايَةً مِنَ الْمَشْرِقِ سَوْدَاءَ، مَنْ نَصَرَهَا نَصَرَهُ اللهُ وَمَنْ خَذَلَهَا خَذَلَهُ حَتَّى يَأْتُوا رَجُلاً اسْمُهُ كَاسْمِيْ، فَيُوَلُّوْنَهُ أمْرَهُمْ فَيُؤَيِّدُهُ اللهُ وَيَنْصُرُهُ.

Daripada AI Hassan, bahawasanya *Nabi menyebut ah* bala yang akan menimpa keluarganya hinggalah ALLAH mengutus Panji-Panji ***Hitam dari Timur,*** siapa yang ***menolongnya ALLAH akan menolongnya dan siapa*** menghinanya ALLAH akan menghinanya, ***hinggalah mereka*** itu ***mendatangi seorang lelaki yang namanya seperti*** nama ***aku.*** Mereka pun melantiknya *memimpin* mereka, maka ALLAH pun membantu dan *menolongnya*

(Riwayat Nuaim bin Hammad)

عن ثويان قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: تَجِيءُ الرَّايَاتُ السَّوْدُ مِنْ قِبَلِ الْمَشْرِقِ كَأَنَّ قُلُوْبَهُمْ زُبَرُ الْحَدِيْدِ فَمَنْ سَمِعَ بِهِمْ فَلْيَأْتِهِمْ

فَلْيُبَايِعْهِمْ وَلَوْ حَبْوًا عَلَى الثَّلْجِ.

Dar-i Sauban r.a. dia berkata, telah bersabda rasulullah SAW: "Akan datang Panji-Panji Hitam (kekuasaan) dari ***sebelah Timur, seolah-olah hati*** m e r e k a (pendukung-pendukung) kepingan-kepingan besi (jiwa berani) . Barang siapa mendengar tentang mereka, hendaklah datang kepada mereka dan berbai'ahlah kepada mereka sekalipun merangkak di atas ***atas salji.*** ***"***

(Dikeluarkan oleh Al Hafiz Abu Naim)

عن علي رضي الله عنه قال: قال النبي صلى الله عليه وسلم: يَخْرُجُ رَجُلٌ مِنْ وَرَاءِ النَّهَرِ يُقَالُ لَهُ الْحَارِثُ الحَرَّاثُ عَلَى مُقَدَّمَتِه رَجُلٌ يُقَالُ لَهُ مَنْصُوْرٌ يُوَطِّىءُ أَوْ يُمَكِّنُ لِآلِ مُحَمَّدٍ كَمَا مَكَّنَتْ قُرَيْشٌ لِرَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَجَبَ عَلَى كُلِّ مُؤْمِنٍ نَصْرَهُ أَوْ قَالَ اجَابَتَهُ.

Dar-i Ali r.a. berkata, rasulullah SAW bersabda: "Akan keluar seorang lelaki dari seberang sungai yang dikatakan AZ Harith harrath yang di hadapannya seorang lelaki yang dikatakan Mansur (yang dibantu), dia yang memudahkan urusan ***atau membela keluarga*** Muhammad SAW sepertimana Quraisy yang telah membela Rasulullah SAW. Wajib setiap orang Mukmin menolongnya atau baginda bersabda, "Wajib orang Mukmin menerimanya".

(Riwayat Imam Abu Daud dan Al Hafiz Abu Abdul Rahman An Nasa'i, Al Hafiz Abu Bakar Al Baihaqi dan Asy Syeikh Abu Muhammad Al Hussain)

Dan Amirul Mukminin Sayidina Ali Abi Talib ada berkata:

فَيَجْمَعُ اللّٰهُ عَزَّ وَجَلَّ أَصْحَابَهُ عَلَى عَدَدِ أَهْلِ الْبَدْرِ،
وَعَلَى عَدَدِ أَصْحَابِ طَالُوْتَ، ثَلَاثَمائَةَ وَثَلَاثَةَ عَشَرَ
رَجُلاً، كَأَنَّهُمْ لُيُوْثٌ خَرَجُوْا مِنْ غَابَةٍ. قُلُوْبُهُمْ مِثْلُ
زُبَرِ الْجَدِيْدِ، لَوْ هَمُّوْا بِإِزَالَةِ الْجِبَالِ لَأَزَالُوْهَا مِنْ
مَوْضِعِهَا، اَلزِّيُّ وَاحِدٌ، وَاللِّبَاسُ وَاحِدٌ، كَأَنَّمَا
آبَاؤُهُمْ أَبٌ وَاحِدٌ

ALLAH menghimpunkan Sahabat-Sahabatnya *(Rasulullah)* sebanyak bilangan ahli Badar atau bilangan tentera Thalut *seramai 313 orang lelaki. Seolah-o/ah mereka singa-singa* yang keluar dar ihutan Hati-hati mereka bagaikan kepingan *besi. Jikalau mereka berkeinginan (bercita-cita) untuk mengubah* bukit nescaya mereka dapat mengubahnya dari tempat asalnya. Gaya *(stail)* mereka satu bentuk pakaian juga satu, *seolah-olah* bapa-bapa' mereka *itu bapa yang* satu

(Dari kitab Aqdud Durar Fi Akhbaril Muntazar, Beirut 1983, muka surat 95)'

Apa yang ingin saya katakan di sini ialah bahawa di waktu ini, watak dunia sudah sama seperti yang digambarkan di dalam Hadis-Hadis tersebut. Yakni watak jahiliahnya, watak politiknya, watak kebangkitan Islamnya, watak Khurasan dan lain-lain lagi.

Watak jahiliahnya dunia ini sudah lumrah dikatakan oleh semua pihak. Ini bukan satu yang tersembunyi lagi. Telah terlalu nyata sekali manusia-manusia moden kini adalah manusia. jahiliah. Dunia ini adalah dunia jahiliah. Sudah berulanglah zaman jahiliah kedua di akhir zaman. Para pemimpin berfoya-foya, menzalim, merompak wang rakyat dan tugas kepimpinan dijadikan ladang tempat mengutip kekayaan lumayan. Ulama-ulama mengampu, gila dunia, hasad dengki dan aga-

ma dijadikan bahan business untuk cari untung duniawi. Sebahagian besar orang-orang kaya adalah lintah darat, menindas, menipu, riba menjadi amalan dan wang dijadikan umpan untuk memancing manusia kepada segala bentuk maksiat. Pemuda-pemudi di zaman jahiliah adalah ejen-ejen mungkar yang memperjuangkan keruntuhan moral, hidup tanpa tujuan, berfoya-foya, bercinta, berzina dan membiarkan segala macam penyakit sosial dalam masyarakat. Si miskin jadi pelarian dalam negeri sendiri, hidup gelisah, penuh hasad dan dendam dengan si kaya lalu membuat macam-macam kacau-bilau dalam masyarakat.

Para cerdik pandai jahiliah gila ilmu tetapi bukan untuk beramal. Ilmu diperdagang untuk cari kekayaan. Ilmu yang dikatakan tinggi itu pula cuma ilmu tentang dunia dan tidak ilmu-ilmu di sebalik dunia dan sesudahnya. ALLAH Tuhan Pencipta dan sumber bagi segala ilmu tidak dikenal pasti, bahkan tiada tempat dalam alam jahiliah. Kebenaran dianggap kebatilan. Kebatilan dianggap kebenaran. Arak jadi minuman standard, zina diiklankan, suami keluar pintu depan, isteri ikut pintu belakang, anak-anak derhaka dan biadab, masjid kosong dari mengingati ALLAH, kerana ia dijadikan tempat berbual hal-ha1 dunia, panggung wayang penuh sesak, maksiat dipuja, kebaikan ditentang dan sebagainya. Manusia kerana ciri-ciri tersebut, tujuan hidupnya sudah jadi lebih kurang sama dengan tujuan hidup haiwan dan tumbuhan. ALLAH berfirman:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ
لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ
بِهَآ أُو۟لَٰٓئِكَ كَٱلْأَنْعَٰمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْغَٰفِلُونَ

Dan sesungguhnya KAMI sediakan Neraka Jahannatn untuk sebahagian besar jin dan manusia, yang mana mereka mempunyai hati tetapi tidak mahu menggunakannya

untuk memahami (hukum Islam), *mereka* mempunyai mata tetagi tidak mahu menggunakannya untuk melihat *(kebatan* ALLAH), mereka juga ada telinga tetapi tidak mahu menggunakunnya untuk *mendengar (ajaran Islam). Mereka itu seperti binatang ternakan bahkan mereka lebih* sesat *lagi. Mereka adalah orang yang lalai*

(Al A'raf: 179)

أَمْ تَحْسَبُ أَنَّ أَكْثَرَهُمْ يَسْمَعُونَ أَوْ يَعْقِلُونَ ۚ إِنْ هُمْ إِلَّا
كَالْأَنْعَامِ ۖ بَلْ هُمْ أَضَلُّ سَبِيلًا

Atau apakah *kamu* menyangka kebanyakan mereka mendengar atau memahami (ajaran Islam), mereka sebenarnya seperti binatang ternakan bahkan *jalan hidup mereka lebih sesat lagi.*

(Al Furqan: 44)

Oleh kerana zaman jahiliah sudah berulang, maka berulang jugalah watak-watak masalah dalam masyarakat manusia. Mereka hidup benci-membenci, tuduh-menuduh, tekan-menekan, saling bersengketa, berkrisis, bergaduh dan berperang. Keamanan hampir-hampir tidak ada. Rakyat sudah tidak taat pada pemerintah. Kerana pemerintah pun sudah tidak berakhlak dan tidak adil terhadap rakyat. Dunia berjalan di atas 1001 masalah. Pemimpin-pemimpin dunia bersidang untuk cari penyelesaian tetapi terjadi pula masalah-masalah baru yang lebih rumit. Ilmu dan akal mereka tidak mampu mencari jalan damai. Sistem hidup yang dilaksanakan menemui jalan buntu. Para pemerintah tidak tahu bagaimana mencari gantinya. Lalu membiarkan keadaan jadi lebih kronik manakala mereka terus tenggelam dalam kemewahan dan kelalaian. Rakyat bukan saja menolak sistem feudal yang mereka perjuangkan bahkan membenci pemerintah. Mereka mengata-ngata dan memberontak terhadap pemerintah.

Sebab itu hampir semua negara-negara demokrasi di dunia, mendapati majoriti undian terhadap pemerintah berkurangan. Ertinya rakyat sudah tidak suka dengan pemerintah. Mereka mengundi hanya kerana tiada pilihan lain. Kalau ada pilihan yang lebih baik nescaya mereka tidak mengundi lagi. Di seluruh dunia, manusia tertanya-tanya dan menanti-nanti ketibaan seorang pembela dan penyelamat. Setiap hati menginginkan penyelesaian kepada masalah dunia. Penguasa dunia di zaman jahiliah yakni Rom dan Parsi dibenci dan ditentang oleh anak-anak jajahan masing-masing di waktu zaman jahiliah itu sudah hampir berakhir. Sebabnya rakyat atau anak-anak jajahan sudah tidak tahan lagi dengan tekanan dan penzaliman serta peperangan yang mereka lakukan tidak henti-henti.

Maka hal inilah juga yang sedang berlaku di dunia jahiliah kedua ini. Amerika dan Russia ditentang oleh pendukung-pendukungnya sendiri. Buktinya di Russia, 12 buah negara menuntut kemerdekaan dari Moscow. Akibatnya, punahlah komunis dan hancurlah kekuatan empayar jahiliah itu. Kestabilan ekonomi dan politik tidak wujud lagi. Amerika juga sedang berhadapan dengan masalah yang lebih kurang sama. Yakni negara-negara yang berkiblat kepadanya kini sudah mencari-cari kiblat lain. Bahkan rakyatnya sendiri melihat Amerika sudah begitu melampau, kejam dan lemah. Saya kira lambat-laun Amerika juga akan senasib dengan Russia, insya-ALLAH. Begitu juga setiap rakyat di dunia telah membenci pemerintahannya masing-masing. Bahkan.orang-orang yang seperti dengannya pun turut membencinya.

Apabila orang menolak dan membenci Amerika, dan setiap negara yang rakyat membenci pemerintahnya, ertinya orang juga tidak percaya lagi pada sistem atau ideologi yang dipegangnya. Ya, ideologi-ideologi yang menjadi dasar pemerintahan negara-negara di dunia kini sudah temui titik buntu. Perjalanannya sampai kepada banyak masalah yang tidak dapat diselesaikan termasuklah ideologi nasionalisme, kapitalisme dan lain-lain lagi. Umum sudah terasakan kegagalan

ideologi yang mereka anuti. Gagal untuk membentuk perpaduan, akhlak yang mulia, ekonomi yang bersih, pendidikan yang sempurna dan lain-lain sistem hidup. Satu alternatif pada ideologi yang gagal ini sudah diperlukan sekali.

Melihat berita-berita dunia melalui tv dan akhbar di seluruh dunia, terjadi demonstrasi, rusuhan dan penentangan-penentangan lisan oleh rakyat kepada pemerintah.. Pernah ketika Perang Teluk meletus, di seluruh dunia orang tunjuk perasaan terhadap Amerika. Rakyat sudah begitu berani terhadap gergasi tua itu. Selain dalam tulisan, mereka melepaskan geram dan benci di jalan-jalan, di padang-padang, di kedai-kedai kopi, restoran, di kelab-kelab, di masjid, surau dan di mana saja. Mereka mahukan keadilan dan kedamaian. Pemimpin dunia yang ada dirasakan sudah keterlaluan dan tidak layak memimpin lagi. Politik dan orang-orangnya tidak lagi dipuja bahkan dilihat begitu kotor dan jahat. Orang politik bukan pencetus kedamaian tapi perosak dan pemecahbelah. Pemimpin politik tidak dipercayai lagi. Orang sudah mula merasakan pemimpin yang baik itu bukan dari orang politik. Dan mereka tertanya-tanya, menanti-nanti dan mencari tokoh baru yang dirindui itu, bilakah akan tiba?

Ertinya dunia jahiliah kedua ini sudah berada di hujung umurnya. Maka di dalam situasi begini, sejarah menceritakan perihal bermulanya kelahiran dunia baru yang indah. Di waktu inilah Muhammad Rasulullah dan orang-orangnya sedang berjuang gigih untuk membangunkan dunia Islam. Dan hal ini pun sedang berulang di depan mata kita sekarang. Bahawa bersama jatuhnya Russia dan lemahnya Amerika, Islam sedang bangkit perlahan-lahan. **Setapak sistem jahiliah menuruni tangga keruntuhan, setapak pula Islam mendaki tangga kejayaan** terutama yang sedang berlaku di Malaysia.

Tepat seperti yang disabdakan bahawa kebangkitan itu berlaku di Timur. Dan sekarang Islam dari Timur itu sedang mengembangkan sayapnya, mengarah pula ke bumi Khurasan. Ia terjadi mengikut jadual yang tersusun rapi, untuk melengkapkan proses kebangkitan ini. Yakni hingga berlakunya

apa yang disabdakan **mengenai seorang pemuda Bani Tamim yang akan menyerahkan kuasa kepada Imam Mahdi.**

Siapa yang faham dan dapat menyelesaikan kewujudan ini di dunia hari ini, pasti sudah dapat menerima bahawa tidak lama lagi akan muncullah **Muhammad kedua,** bersama-sama sahabat-sahabatnya seperti kehadiran Rasulullah di zaman jahiliah pertama dahulu. Tetapi kezahirannya itu didahului oleh **Pemuda Bani Tamim** dan orang-orangnya. Atau mana tahu kalau-kalau sebenarnya ia sudah bermula atau sedang bekerja, cuma dunia belum mengetahuinya? Atau ada golongan yang mengetahuinya tetapi mereka sedang menentang kebangkitan itu kerana hasad dengki dan tak senang hati. Boleh jadi ia dilakukan oleh ulama-ulama sepertimana terjadi pada ulama-ulama Yahudi dan kristian dahulu. Bila tepat masanya nanti, ia akan tampil ke muka untuk mengisytiharkan dirinya dan Islam yang dibawanya.

Umat Islam mesti sedar hal ini dan berbahagia dengan khabar gembira ini. Ini janji agung yang ALLAH hadiahkan pada umat akhir zaman. Dan ia sudah dan sedang berlaku di depan mata kita. Anda pasti melihatnya kecuali mata anda buta. Orang Yahudi pun sudah cukup arif tentang ini dan mereka sudah bersedia menantinya. Mereka tahu ini giliran Islam dan mereka mesti kalah dan menyerah secara rela atau terpaksa. Ini proses ulangan sejarah. Dan ini janji ALLAH. Ia pasti terjadi. Siapa pun tidak boleh mengelak dan meng halangnya daripada terjadi. Dan bila ia terjadi, ertinya berlakulah kembali **pemerintahan Islam yang adil. Yang pemimpinnya bagaikan payung, ulama umpama obor, si kaya jadi bank, si miskin redha, pemuda harapan negara, pemudi tiang negara.** Waktu itu negara benar-benar berada dalam keadaan aman, makmur dan mendapat keampunan ALLAH.

Penyelamat kecil **(Pemuda Bani Tamim)** dan penyelamat besar **(Imam Mahdi)** yang bakal lahir itu, saya yakin bukan dari kalangan orang politik. Kerana sedia maklum yang merosakkan dunia kini ialah orang politik. Jadi mana mungkin akan ada dari kalangan mereka yang boleh menjadi pen-

yelamat dunia ini. Pemimpin yang adil ialah orang-orang ALLAH, yang ALLAH naikkan mereka sebagai pemimpin melalui cara-cara yang ALLAH juga taqdirkan. Sebagaimana naiknya Rasulullah dan para mujaddid bukan melalui politik atau hasil undian rakyat jelata, maka demikianlah penyelamat akhir zaman sama ada pemimpin yang kecil (Pemuda Bani Tamim) mahupun pemimpin yang besar (Imamul Mahdi), tidak mungkin naik melalui politik dan undian. Laluan politik penuh mainan, kepentingan, tipuan dan kebatilan. Orang-orang yang bersih pasti tidak tempuh laluan yang bahaya dan kotor itu.

Watak orang-orang ALLAH ini biasanya adalah orang orang yang sangat dibenci dan juga sangat disayangi. Penyokongnya pula orang yang tidak diduga dan penentangnya juga orang yang tidak disangka. Pemimpin-pemimpin ini bukannya lahir dari sistem pendidikan biasa. Kita berdoa moga-moga ALLAH segerakan janji-janji-Nya untuk kita. Dan kita berharap agar kita turut bersedia untuk terlibat di dalam operasi agung ini. Moga-moga kita tidak termasuk ke dalam orang-orang yang tidak mempercayai, apalagi menentangnya.

Penutup

SEBAGAI penutup buku ini, perkara yang paling penting yang ingin kukatakan ialah tentang rasa cinta dan syukur yang lebih mendalam pada-Mu ya ALLAH. Si hamba yang maha lemah dan berdosa ini, yang tiada upaya untuk mengangkat sekalipun kelopak matanya sendiri jika tidak diizinkan oleh-Mu ya ALLAH, tetapi kini Engkau telah mengizinkan aku untuk menyiapkan sebuah buku penting berjudul MENINJAU SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM.

Sesungguhnya ya ALLAH, hamba sendiri pun hairan bagaimana si kerdil ini boleh pergi begitu jauh meninjau lautan ilmu yang maha dalam itu. Sedangkan dalam hidup ini, hamba tiada memegang sebarang sijil apa pun. Walhal, pemegang-pemegang sijil-sijil besar dengan berbagai-bagai gelaran itu pun hamba lihat tidak menghasilkan apa-apa sebagaimana yang Engkau berikan kepadaku ini.

Sesungguhnya ya ALLAH, kuasa Dikau-lah semua ini, memperlakukan pada sesiapa jua mengikut kata-Mu, "kun fayakun" (jadi! terus jadi). Mengapa diberikan ini pada hamba-Mu ya ALLAH, sedang maha dhaif dan sangat berdosanya hamba ini pada-Mu Tuhan. Hamba malu ya ALLAH. Janganlah hendaknya kerana ini hamba cuai dalam bersyukur dan dalam menyintai-Mu.

ALLAH taqdirkan buku ini disiapkan di waktu negara Malaysia tercinta sedang menghadapi krisis dan dilema para pemerintah dan sistem pemerintahan yang mereka jalankan.

Para penguasa itu jatuh-menjatuhkan dalam urusan yang rakyat amanahkan kepada mereka. Hakikatnya mereka sedang merasakan bahawa jalan yang dipilih yang membawa kemajuan-kemajuan duniawi, biasanya manusia-manusia yang berada dalam keadaan ini, hilang bahagianya dan mahu bertanya-tanya pada Tuhan.

Moga-moga buku ini mendapat restu dari Tuhan. Yang mana Kalamullah itu diwahyukan kepada Rasul-Nya, lalu dipusakakan kepada kita hingga ke hari ini. Saya cuma menerangkan apa yang ALLAH dan Rasul-Nya maksudkan, khusus dalam soal sistem pemerintahan ini. Supaya bagi mereka yang sudi, sesudah segala percubaan yang dibuatnya begitu menyusahkannya, bersedia untuk menerima dan melaksanakan hukum ALLAH ini.

Berbezanya sistem politik Islam dengan yang bukan Islam ialah ia bertunjang kepada tauhid. Roh tauhid itu pada manusia seolah-olah akar tunjang kepada sebatang pokok. Batang, dahan, ranting, bunga, daun dan buah, semuanya bergantung kepada akar tunjang. Gambarkan sepohon pokok yang akar tunjangnya lemah atau tidak ada langsung. Tentu tidak panjang umur pokok itu bukan?

Politik bukan berdiri sendiri. Ia berlaku kerana manusia mengamalkannya. Kalau pengamal itu kuat tauhidnya, ribut taufan dalam politik tidak akan menjahanamkan manusia itu. Tetapi tanpa roh tauhid yang kuat, umat Islam biasanya akan terlambung atau terbenam oleh gelombang-gelombang di lautan kehidupan yang sentiasa bergelora ini.

Hancurnya sistem pemerintahan komunis dan raja-raja adalah kerana akar tunjangnya tidak kuat dan terlalu lemah. Bahkan tiada. Mereka hanyut lemas, karam, tenggelam dan maut. Kelihatan puak-puak kapitalis dan nasionalis juga sedang dirundung malang. Juga adalah akibat menolak Tuhan dari politik mereka. Mereka seolah-olah anak-anak kecil yang tidak mahu terikat dengan ibu bapa dalam urusan hidup mereka. Gambarkanlah!

Bila tauhid sudah kuat, syariat ALLAH dalam sistem

pemerintahan ini pun terbangun. Di antara syariat yang indah-indah dalam Negara Islam, hasil dari menerima ALLAH dan Rasul sebagai pegangan dan rujukan iaiah seperti berikut:

1. Taraf hidup para pemerintah sederhana, yakni tidak bermewah dan membazir. Mereka mengambil harta negara sekadar keperiuan dan kemudahan hidup sahaja. Itu pun untuk diri dan keluarga yang di bawah tanggungjawabnya sahaja, bukan untuk klik-klik atau anggota keluarga yang tidak di bawah tanggungjawabnya.
2. Orang-orang kaya menjadi bank kepada negara dan masyarakat, mengorbankan harta ke jalan ALLAH untuk saham Akhirat.
3. Rakyat taat dan kasih kepada pemerintah.
4. Maksiat terang-terangan tidak mendapat tempat. Pergaulan bebas lelaki perempuan terkawal.
5. Keperluan dan kemudahan hidup rakyat dapat diisi oleh pemerintah.
6. Kalau ditaqdirkan ada juga orang susah, mereka redha atau bersabar dengan ujiannya itu.
7. Suasana hidup aman damai, berkasih sayang, hormat-menghormati dan tolong-menolong antara satu sama lain. Hingga orang lain pun ingin berteduh di bawahnya.
8. Mendapat keampunan dari ALLAH.

Itulah ciri-ciri istimewa sesebuah Negara Islam. Berbeza sekali perkara ini dengan negara yang tidak menjalankan sistern Islam. Bukti sejarah cukup jelas untuk membenarkan kenyataan ini. Lihatlah pemerintahan **Khulafa'ur Rasyidin, Sayidina Umar Abdul Aziz** dan **Muhammad Al Fateh.** Tetapi janganlah pandang kepada Kerajaan Saudi dan Iran, kerana di sana cuma ada Negara Islam sekular namanya. Isinya bukan Islam. Kita berharap moga-moga ALLAH jadikan sekali lagi di akhir zaman ini, sebuah pemerintahan Islam contoh mirip negara salafussoleh. Supaya dunia yakin dan

menirunya. Untuk mendamaikan krisis dan masalah yang sedang melanda seluruh dunia jahiliah ini.

Saya yakin di akhir zaman ini Malaysia akan menjadi **Negara Islam yang pertama di dunia.** Dan ianya juga akan menjadi **tapak kepada dunia Islam buat kali kedua.** Tunggulah masanya, insya-ALLAH ia akan terjadi tidak lama lagi.

Indeks